

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid II Bil. 82 Hari Rabu 18hb. Disember 1996

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1996	(Ruangan 140)
Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996	(Ruangan 174)
Rang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996	(Ruangan 214)
USUL:	
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 126)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

Yang Berhormat Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K.,
A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

“ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

Yang Berhormat Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

“ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

“ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

“ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

“ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

“ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

“ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

“ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

“ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

Yang Berhormat Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

Yang Berhormat Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

sd/dr/okt/96

DEWAN RAKYAT

Rabu, 18hb. Disember, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA TAHUN 1995 DAN SEBELUMNYA - JUMLAH

1. **Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan di tempat kerja pada tahun 1995 dan tahun-tahun sebelumnya; dan
- (b) sektor yang banyak melibatkan kemalangan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Insiden kemalangan di tempat kerja yang telah dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menurun daripada 124,898 kes pada tahun 1991 kepada 99,413 kes dalam tahun 1995, iaitu penurunan sebanyak 20.4%. Perangkaan bagi lima tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

Tahun	<u>Bilangan Kemalangan</u>	<u>Jumlah Kurangan</u>
1991	124,894	-
1992	124,503	395

1993	121,593	2,910
1994	109,447	12,146
1995	99,413	10,034

- (b) Bilangan terbanyak pekerja-pekerja yang dilaporkan ditimpa kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan berlaku di sektor perkilangan. Pada puratanya dari tahun 1993 sehingga 1995, sektor ini mencatatkan seramai 67,069 orang setahun dan jumlah ini ialah 54.36% daripada jumlah keseluruhan kemalangan yang dilaporkan. Ini diikuti oleh sektor pertanian, perhutanan dan perikanan seramai 25,824 orang (20.79%); sektor perdagangan sebanyak 10,155; sektor pengangkutan sebanyak 4,550 dan sektor pembinaan hanya 4,308 orang iaitu sekadar 3.51%.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang lebih berkesan yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk memperbanyakkan pihak SMI supaya melindungi pekerja mereka di bawah PERKESO kerana baru-baru ini daripada laporan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja bahawa masih ada banyak SMI belum melindungi pekerja mereka di bawah PERKESO?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial sedang dipinda dan telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat sekarang, sedang dibincangkan di Dewan Negara dan kita akan dikenakan hukuman yang tinggi iaitu dari denda RM2,000 naik kepada RM10,000 dan penjara dari 6 bulan naik ke 2 tahun dan sebagainya. Kita berharap dengan peningkatan hukuman ini, ini akan memberi kesedaran kepada semua majikan

untuk mencarum kepada PERKESO. Di samping itu, kita sepanjang masa memberi kursus ke merata-rata tempatlah untuk meningkatkan kesedaran mereka itu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik yang dinyatakan tadi, kita lihat banyak kemalangan yang berlaku dan yang didahului oleh sektor perkilangan. Saya ingin bertanya apakah langkah kementerian ke arah untuk memperingatkan mereka kalau boleh mengelakkan sama sekali kemalangan yang berlaku kepada setiap pekerja supaya mereka akan boleh bekerja di dalam keadaan yang lebih selamat dan kemungkinan akan dapat menambahkan lagi produktiviti kepada kilang-kilang berkenaan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana yang kita sedia maklum, pihak kementerian memang menjalankan kempen dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja; kempen ini berjalan sepanjang masa.

Pada bulan September baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun melancarkan satu kempen kesedaran bulanan mengenai perkara yang sama. Oleh sebab kempen-kempen itulah, maka insiden kemalangan di tempat kerja telah menurun dengan begitu banyak, malah di kalangan negara-negara ASEAN boleh dikatakan kita mempunyai prestasi yang paling baik dari segi mengurangkan kemalangan dan ini kita akan mengambil tindakan seterusnya supaya perkara ini dapat dibaiki.

Ingin juga saya menyatakan bahawa kebanyakan dari kemalangan ini sungguhpun disebut perkilangan, tetapi ada juga kemalangan waktu perjalanan dari kilang atau balik. Ini adalah masalah kemalangan di jalan raya, itu juga adalah satu perkara yang perlu diatasi bersama.

**GURU BAHASA MALAYSIA/BAHASA INGGERIS/SAINS DAN MATEMATIK
MELALUI KOMPUTER - PERSIAPAN MELATIH**

2. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) tentang persiapan melatih guru-guru yang akan mengajar Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui komputer kepada semua sekolah rendah dan menengah mulai daripada tahun 1998; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan wang yang dikehendaki untuk membekalkan komputer-komputer ke sekolah-sekolah tersebut dan sama ada peruntukan ini telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Beberapa persiapan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi melatih guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Sains dan Matematik seperti mengadakan latihan intensif, menyediakan kurikulum KBSM dan KBSR yang sesuai untuk diajar melalui komputer.
- (b) Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan kewangan sebanyak RM6.97 juta bagi sekolah rendah dan RM1.7 juta bagi sekolah menengah untuk membekalkan komputer.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar bahawa kekurangan guru-guru ini sangat dirasai di luar bandar dan juga kemudahan latihan begitu mendesak sekali? Kalau sedar, adakah kementerian mengambil langkah-langkah khusus untuk melatih guru-guru dari luar bandar supaya mereka yang ada di luar bandar kelak akan dapat memberi manfaat kepada program ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat, ini bersabit dengan kekurangan guru.

Tuan Yunof Edward Maringking: Komputer.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan itu tidak begitu berkaitan dengan soalan tetapi memang Kementerian Pendidikan dari segi pelaksanaan dasarnya dan juga dari segi penghantaran guru-guru menunjukkan bahawa adalah sebahagian besar guru-guru yang terlatih itu dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman. Khususnya di Sabah dan Sarawak.

Dalam konteks ini saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak akan terus memberi sedikit kerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya menggalakkan guru-guru yang kita hantar kepada kawasan-kawasan tersebut untuk elokkan keadaan kehidupan mereka supaya mereka akan terus kekal dalam kawasan tersebut. Jangan kerana kita menghadapi masalah kerana kebanyakan mereka selepas satu, dua tahun ini minta kita tukar balik ke bandar dan oleh kerana mereka juga manusia, jadi, kita Kementerian Pendidikan juga haruslah timbangkan rayuan mereka.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman, pusat kepakaran dan juga orang yang pakar dalam bidang komputer adalah di bandar dan sekolah-sekolah di luar bandar begitu sukar mendapat perkhidmatan apabila ada kerosakan ataupun apabila spare part itu diperlukan. Jadi, apakah cara kementerian untuk mengatasi masalah-masalah yang seperti ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan sedar tentang kesulitan dan memang tidak boleh dinafikan bahawa seperti di sekolah-sekolah luar bandar oleh kerana mereka menghadapi masalah, dengan izin, economies of scale, jadi memang ada sedikit masalah tentang maintenance, supplies dan sebagainya.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus bekerja dengan semua pihak, khususnya kita akan galakkan penglibatan pihak-pihak swasta atau syarikat-

syarikat swasta supaya mereka boleh tubuhkan kelab-kelab komputer khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar. Melalui usaha tersebut mereka akan seterusnya cuba tubuhkan kelab-kelab komputer di beberapa sekolah berdekatan di luar bandar dan dengan itu mempunyai economies of scale untuk mereka menjaga komputer, spare part dan sebagainya.

Kita harap dengan adanya persatuan-persatuan komputer dan kelab-kelab komputer itu, kita akan terus berjaya untuk mempertingkatkan minat dan kemahiran pelajar-pelajar kita dalam bidang komputer ini.

MAJISTRET - LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

3. Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan majistret kelas satu dan kelas dua yang sedang berkhidmat mengikut negeri dan perangkaan kekurangan majistret kelas satu dan kelas dua mengikut negeri; dan
- (b) langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan majistret.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri

bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini jumlah majistret kelas satu yang bertugas di Malaysia mengikut pecahan negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis	2
Kedah	9
Pulau Pinang	11
Perak`	17
Selangor	16
W.P (KualaLumpur)	16
Negeri Sembilan	6
Melaka	4
Johor	12
Pahang	7
Terengganu	5
Kelantan	8
Sabah dan WP (Labuan)	10

Pada masa ini kekosongan majistret kelas satu di Semenanjung ialah sebanyak 9 kekosongan, sementara 6 kekosongan di Sabah dan Sarawak. Kerajaan tidak pernah melantik majistret kelas dua. Walau bagaimanapun Jadual Keempat, Akta Mahkamah-mahkamah Rendah 1948 memperuntukkan kategori pegawai yang menjadi Ex-officio majistret kelas dua iaitu pegawai-pegawai dan penolong-penolong Pegawai Daerah di negeri Sabah dan juga Pendaftar Kanan dan Pendaftar (Tingkatan Biasa) Mahkamah Rendah.

Pada masa ini di Semenanjung terdapat 11 orang Pendaftar Kanan dan 30 orang Pendaftar Tingkatan Biasa. Manakala di Sarawak pula terdapat seorang Pendaftar Kanan dan 4 orang Pendaftar Tingkatan Biasa. Di Sabah terdapat seorang Pendaftar Kanan dan 4 orang Pendaftar Tingkatan Biasa. Mereka inilah yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran kehakiman seperti menandatangani dokumen-dokumen, reman di penjara menurut Seksyen 259 Kanun Acara Jenayah, reman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah dan melakukan kerja-kerja pentadbiran di mahkamah-mahkamah rendah.

- (b) pada masa ini pihak mahkamah sedang dalam proses mengisi kekosongan jawatan di mana temuduga pengambilan pegawai-pegawai baru sedang berjalan dan dijadualkan berakhir pada 9hb. Januari 1997.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Pada masa ini seorang majistret bertindak sebagai serkit majistret iaitu menjaga beberapa buah daerah misalnya, di Kelantan sebagai contoh dari Tanah Merah kerana tidak adanya

mahkamah di Jeli, maka orang daripada jajahan Jeli terpaksa turun, ini menyusahkan orang ramai. Bilakah hasrat kerajaan untuk mewujudkan bahawa setiap daerah dalam negara kita ini mempunyai sebuah mahkamah majistret dan residen majistret masing-masing untuk setiap jajahan di seluruh negara?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita lihat iaitu bahawa kita terpaksa mengadakan sistem serkit ini kerana kehadiran satu mahkamah di daerah-daerah terpencil itu kadangkala tidak mendatangkan keperluan, sebab kekurangan kes yang berlaku di kawasan-kawasan pedalaman itu.

Namun kerajaan sentiasa akan mengambilkira kalau sekiranya berlaku pertambahan kes-kes yang perlu didengar di kawasan daerah-daerah terpencil, maka sudah tentulah kita akan memastikan daerah itu akan mendapat mahkamah mereka sendiri.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan memandangkan bahawa terdapat kekurangan majistret sama ada kelas satu atau kelas dua dan memandangkan bahawa mereka begitu penting dari segi kerja dan keselamatan mereka. Adakah pihak kerajaan bercadang menaikkan gaji atau elaun mereka atau kemudahan kepada mereka agar profesion ini dihormati dan dipandang tinggi?

Selain daripada itu kalau sekiranya mereka diberi kemudahan pinjaman kenderaan yang segera akan memberikan kebaikan kepada mereka kerana kita dapati setengah-setengah majistret terpaksa pergi ke mahkamah menaiki motosikal. Kadang-kadang terpaksa menumpang kenderaan saksi dan ini akan merumitkan kerja-kerja mereka di mahkamah untuk menimbangkan secara adil.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menghadapi acute shortage of magistrate.

Saya sebutkan sebentar tadi bahawa ada 9 kekosongan sementara dan 6 kekosongan sementara di Sabah dan Sarawak. Ini berlaku disabitkan oleh kerana seperti biasa, lumrah mana-mana profesion pun, ada mereka yang meninggalkan profesion itu untuk pergi ke tempat yang lain kerana mendapat peluang yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, setakat hari ini, apa juga ganjaran yang telah diberikan kepada majistret-majistret kita adalah mencukupi dan ianya tidak merupakan masalah utama yang menyebabkan, kalau sekiranya ada orang hendak berhenti dari menjadi Majistret. Sekali lagi saya menyatakan di sini bahawa kekosongan ini adalah sementara.

BANK PERDAGANGAN - DASAR PERCANTUMAN BANK KECIL DENGAN BANK YANG LEBIH BESAR

4. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar] minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai ura-ura kerajaan akan melaksanakan dasar untuk mengurangkan jumlah bank perdagangan di negara ini melalui percantuman antara bank-bank yang kecil dengan yang lebih besar.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan institusi perbankan untuk bergabung supaya menjadi sebuah institusi yang lebih teguh dan berupaya memantapkan operasi mereka pada kadar yang lebih cepat lagi.

Selaras dengan itu, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Sistem Kawalan Dua Kumpulan kepada bank-bank perdagangan dalam bulan Disember 1994. Di bawah sistem ini, bank-bank perdagangan telah dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan I dan Kumpulan II. Bank-bank perdagangan yang diberi status Kumpulan I adalah institusi-institusi yang mempunyai modal yang tinggi dan diuruskan dengan baik. Bank-bank perdagangan ini dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih luas dan di dalam persekitaran yang lebih liberal.

Beberapa insentif telah pun diberikan kepada bank-bank perdagangan di dalam kumpulan ini iaitu Kumpulan I dan banyak lagi insentif tambahan yang menarik akan

diberikan kepada bank-bank ini apabila proses meliberalisasikan persekitaran operasi industri bank dipergiatkan lagi. Insentif-insentif yang menarik itu secara tidak langsung akan menggalakkan bank-bank perdagangan tempatan yang kecil untuk bergabung sekiranya mereka ingin terus berkembang.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan lanjut setakat ini berapa banyakkah bank yang setuju bergabung dan apakah tahap kemajuan dalam proses gabungan tersebut yang telah dicapai?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, terdapat 6 bank yang di dalam proses untuk bergabung. Yang pertama iaitu di antara OCBC dengan Pacific Bank. Sebenarnya kelulusan untuk mengadakan rundingan telah pun diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada tahun 1996. Sehingga kini, belum ada kemajuan terhadap rundingan tersebut yang dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan.

Yang kedua iaitu Kwong Yik Bank dan DCB. Urusan pembelian Kwong Yik Bank dari Maybank oleh Rashid Hussein Berhad telah pun selesai. Walau apa pun, cadangan penggabungan antara Kwong Yik Bank dan DCB belum dikemukakan.

Yang ketiga iaitu di antara UMBC dengan Oriental Bank, hanya pihak UMBC yang telah menyatakan minat untuk bergabung. Walau bagaimanapun, pihak Oriental Bank belum membuat apa-apa reaksi kepada cadangan tersebut.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan daripada bank perdagangan bergantung kepada deposit iaitu deposit is the life blood of the bank, dengan izin.

Adakah kerajaan mempunyai garis panduan tertentu untuk menyimpan dana kerajaan di bank-bank tertentu supaya menyamaratakan tempat menyimpan oleh kerana

tempat-tempat ataupun bank-bank yang selama ini menerima deposit, saya dapati kebanyakannya adalah bank-bank yang sama sahaja?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan memang telah dikeluarkan untuk tujuan ini. Tetapi, memang diberikan ruangan supaya menggalakkan competitiveness antara satu dengan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) tidak hadir]

BANTUAN KEPADA PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN - LANGKAH KERAJAAN

6. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah yang dapat diambil oleh kementeriannya supaya bantuan dapat disampaikan terus kepada petani, penternak dan nelayan dengan tidak terlalu memperkukuhkan agensi/institusi di bawah Kementerian Pertanian sepertimana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang diberi kepada petani pada masa ini disalurkan terus kepada petani melalui jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian yang merupakan agensi pelaksana yang terdapat di seluruh negara, kecuali bantuan baja subsidi disalurkan melalui NAFAS yang merupakan pertubuhan yang dianggotai oleh wakil-wakil petani.

Walau bagaimanapun, sebelum bantuan disampaikan kepada petani mengikut jadual keperluan yang telah ditetapkan, jabatan atau agensi tersebut akan bekerjasama membuat penyelarasan dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menentukan bantuan yang disalurkan itu benar-benar sampai kepada petani, nelayan dan penternak yang memerlukannya.

Satu lagi pendekatan yang dapat diambil untuk menyalurkan bantuan secara terus kepada petani ialah melalui skim pinjaman yang ditawarkan oleh Bank Pertanian. Skim-skim ini termasuklah Skim Kredit Padi, Skim Pinjaman Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dan Skim Pinjaman Mekanisasi Ladang dan Automasi.

Melalui skim-skim ini, petani melalui Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) boleh mendapat kemudahan bantuan ini secara terus. Bantuan pinjaman pertanian seperti itu juga adalah sesuai dan selaras dengan objektif untuk mewujudkan petani komersial dan berdaya saing.

Dalam kajian semula Dasar Pertanian Negara, penyusunan semula fungsi-fungsi jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian juga akan diteliti dan cadangan penyusunan semula ini juga akan mengambil kira mengenai keupayaan jabatan dan agensi dalam menyalurkan terus bantuan kepada institusi petani, penternak dan nelayan dengan cekap sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan. Memandangkan NAFAS adalah utama bagi peladang-peladang dengan tujuan untuk penyusunan semula dan mengkaji keupayaan NAFAS, adakah kerajaan bercadang untuk mengkorporatkan NAFAS? Kalau ya, bila dan kalau tidak bercadang begitu, apakah sebabnya?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa NAFAS ialah satu badan swasta iaitu yang ditubuhkan oleh kementerian yang dimiliki oleh pihak peladang-peladang itu sendiri.

Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, biasanya yang dikorporatkan ialah badan-badan kerajaan atau agensi-agensi kerajaan. Jadi, dengan ini bermakna NAFAS insya-Allah akan diperkukuhkan lagi supaya mempunyai kemampuan ke arah

meng'commercialize'kan projek-projek pertanian sesuai dengan kajian Dasar Pertanian Negara yang sedang dibuat pada masa ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sebahagian daripada bantuan yang diberikan kepada petani dan penternak disalurkan melalui pertanian. Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa di seluruh negara pertanian memainkan peranan yang penting sebagai nafas sebenar untuk petani dan penternak. Persoalan saya, adakah kementerian sedar bahawa peruntukan kewangan untuk diberi modal kepada petani dan penternak tidak mencukupi untuk menampung permohonan para petani dan penternak untuk memperluaskan kegiatan pertanian dan penternakan, dan kalau sedar, adakah kementerian mempertimbangkan menambah peruntukan untuk pembiayaan pinjaman itu kepada Bank Pertanian?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Mengang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian saya tidak berhajat untuk memberi bantuan subsidi melebihi daripada apa yang ada pada hari ini. Kita mengharapkan industri pertanian boleh berkembang dengan pesat menerusi penglibatan pihak swasta.

Jadi, ini bermakna, kepada mereka yang hendak menceburkan diri dalam bidang komersial hendaklah mendapatkan pinjaman daripada bank-bank terutama sekali bank-bank komersial yang lain, di samping Bank Pertanian menerusi Skim 3F iaitu tabung untuk pemakanan. Manakala mereka yang daif iaitu terdiri daripada golongan PPRT, yang itu akan diberikan sumbangan bantuan seberapa yang difikirkan munasabah.

KEMALANGAN JALAN RAYA - JUMLAH/SEBAB

7. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku sejak 5 tahun. Sila nyatakan juga kemalangan-kemalangan yang dikenal pasti:

- (a) disebabkan kecuaiannya pemandu; dan
- (b) disebabkan oleh "takdir" seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam kenyataannya pada 28 Ogos 1996.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu pembetulan terhadap tarikh “28 Ogos 1986”, yang sebenarnya 1996.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nasib baik tadi sudah pinda, kalau tidak kita boleh bawa Yang Berhormat ini bercakap bohong di dalam Dewan ini. *[Ketawa]* Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia popular dengan perkara yang begini tetapi kalau tidak betulkan tadi pun kita tidak sampai hatilah hendak bawa.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini bukan punca pertikaian.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku sejak 5 tahun lalu adalah seperti berikut:

<u>TAHUN</u>	<u>JUMLAH KES</u>
1991	96,513
1992	118,554
1993	135,995
1994	148,801
1995	162,491

Jumlah kemalangan yang dikenal pasti disebabkan kecuaiannya pemandu adalah seperti berikut:

<u>TAHUN</u>	<u>JUMLAH KES</u>	<u>PERATUSAN</u>
--------------	-------------------	------------------

1992	93,058	(96.42%)
1992	111,441	(94%)
1993	125,115	(92%)
1994	178,058	(86.06%)
1995	136,917	(84.20%)

- (b) Jika benar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pernah menyebut berhubung dengan punca kemalangan disebabkan oleh takdir, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ialah, jika seseorang tuan punya kenderaan atau pemandu kenderaan menyenggarakan kenderaannya dengan sempurna dan memandu kenderaan ini dengan cermat dan mematuhi segala peraturan tetapi kemalangan masih menimpanya, maka dengan itu tuan punya kenderaan itu atau pemandu yang berkenaan tidak boleh disalahkan atas kemalangan tersebut. Inilah yang dikatakan takdir.

Kes-kes seumpama ini adalah seperti kemalangan disebabkan oleh jambatan atau tebing di sebelah jalan raya tersebut runtuh semasa sesebuah kenderaan tersebut melaluinya atau ada pokok tumbang, kenderaan pula tiba ketika itu. Itulah antara contoh yang disebutkan. Jumlah kemalangan disebabkan takdir, tahun 1991 46 (0.048), tahun 1992 dan 1993 tidak ada rekod yang kita dapat perolehi untuk jawapan soalan pada hari ini. Tahun 1994, 9,449 bersamaan 6.35%, tahun 1995 15,762 bersamaan (9.07%).

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri buat satu tuduhan yang liar, tidak baca English version.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa.....

Tuan Liew Ah Kim: English version adalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak perlulah kita pertikaikan.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kemalangan jalan raya berlaku kerana pot holes, dengan izin, ataupun lubang-lubang jalan. Itu satu kejadian dianggap kejadian takdir. Apakah langkah-langkah yang positif akan diambil untuk mengelakkan kejadian kemalangan jalan raya kerana lubang-lubang jalan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah ataupun peratus kemalangan kerana kerosakan jalan tidak berapa banyak iaitu lebih kurang 1.02% pada tahun 1995, begitu juga pada tahun 1994, 1.02%, pada tahun 1993, 3%; ini bererti kerajaan telah pun berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki dengan segera kerosakan-kerosakan yang berlaku. Contoh macam saya sebut tadi, 3% pada tahun 1993 telah dikurangkan kepada 1.02% pada tahun 1994 dan 1995.

Memang kerajaan mengambil berat terhadap perkara ini yang mana kementerian-kementerian yang berkaitan sentiasa mengawas supaya jika berlaku lubang, dapat ditampal dan diperbaiki dengan segera tetapi berlaku juga lubang-lubang yang tidak dapat ditampal dengan segera kerana itu peratusnya masih ada dan usaha-usaha seterusnya akan dibuat supaya dalam jangka panjang peratus 1.02 ini dapat dikurangkan lagi.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah mendedahkan bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memandu melebihi 160 km satu jam di Lebuhraya Utara-Selatan. Saya hendak minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat, adakah ini merupakan satu kecuaiian pemandu dan adakah ini merupakan satu sifat paling bertanggungjawab sebab ia akan mengancam keselamatan orang ramai?

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Ini, Kota Melaka bangun atas apa?

Tuan Lim Guan Eng: 36(6) Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau ini bercakap bohong. Saya tidak pandu selaju 160 km. *[Disampuk]*

Tuan Chang Kon You: Awak yang bohong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak boleh buat saya macam ini.

Tuan Chang Kon You: Satu lagi, dia punya bapa pun bawa sampai tayar pancit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Biasanya dalam sesi Soal Jawab ini tidak perlulah Yang Berhormat bangkitkan point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi tidak boleh buat sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi sebenarnya apa yang dicakap tadi itu.....

Tuan Chang Kon You: Salah gunakan point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat. Sila duduk dahulu. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Mentakab hanya memetik apa yang dicakap oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Itu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang itu bohong. Mana boleh cakap macam ini. Kalau saya

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak puas hati ada cara lain, Yang Berhormat.

Tuan Chang Kon You: Dia sendiri yang bohong, dia dengan bapa dia. Dua-dua bohong. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau bohong.....

Tuan Chang Kon You: Bapa dia bawa.....*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat yang lain, jangan mencelah. *[Ketawa]* Kalau tidak puas hati boleh bawa usul, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, jika benar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah lari 160 km/jam sudah tentu beliau melakukan kesalahan tetapi kalau beliau buat, saya fikir beliau pun tidak hendak mengaku kerana memang biasa beliau selalu bercakap pun tidak berapa betul ya. *[Ketawa]* Jadi, kerana kes ini tidak pun dilaporkan kepada polis, kalau telah dilaporkan mungkin tindakan telah diambil; saya kena semak sama ada sudah dilaporkan ataupun belum Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka lari lebih laju, tidak ada had ditetapkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak ada standardlah, ini tidak ada standard macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kota Melaka, jangan cuba cakap tanpa keizinan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Hashim bin Ismail.

Tuan Lim Guan Eng: Yang lain cakap, macam mana?

Tuan Chang Kon You: Biadap.

LEMBAGA URUSAN ZAKAT MALAYSIA - MENUBUHKAN

8. Tuan Hashim bin Ismail [Ledang] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Lembaga Urusan Zakat Malaysia:

- (a) bilakah ia akan ditubuhkan; dan
- (b) sejauh manakah institusi zakat di negara ini telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang ada cadangan untuk menubuhkan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (LUZAM). Bagaimanapun, kajian lanjut perlu dibuat khususnya dari segi perundangan dan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri.

- (b) Usaha-usaha membasmi kemiskinan di negara ini adalah merupakan tanggungjawab utama kerajaan. Majlis Agama Islam negeri-negeri melalui sumber zakat turut membantu usaha-usaha ini dengan mengagihkan wang zakat kepada fakir miskin dan lain-lain kumpulan yang memerlukan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu apakah selain daripada biasa yang diberikan, apakah ada satu program yang konkrit dari segi pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam supaya umat Islam bukan sahaja "diberikan ikan" tetapi dilatih untuk "memancing ikan" supaya hidup mereka dapat dijamin dari segi kebangkitan ekonominya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila kutipan zakat dibuat, beberapa aktiviti selain daripada yang disebutkan dalam Islam, kita juga memperluaskan lagi perkara-perkara cabang yang berkaitan dengan yang berkenaan, di antaranya ialah memberi kemudahan kepada fisabilillah, ertinya kepada orang ibnu sabil, kepada orang yang hendak belajar dan sebagainya, kita sentiasa memberi bantuan kepada mereka. Selain daripada itu, kita gunakan kutipan ini kepada perkara-perkara yang dibolehkan di dalam Islam. Sebab itulah banyak perancangan, selain daripada perkara ini, pembangunan yang terlibat untuk menentukan supaya duit zakat itu digunakan dengan baik dan faedahnya juga akan memberi manfaat kepada rakyat yang lebih besar lagi faedahnya.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar bahawa di antara parti-parti politik, ada sebuah parti politik yang mengaku memperjuangkan Islam melakukan kutipan zakat di antara penyokong-penyokong dan ahli-ahli mereka untuk diberikan kepada parti mereka? Jika kerajaan sedar, apakah siasatan dilakukan dan apakah tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan bagi menyekat gejala ini daripada berleluasa?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sedar ada parti membuat kutipan zakat sedemikian rupa dan digunakan kepada ahli-ahli mereka. Zakat ini ialah merupakan satu sukatan yang tertentu ataupun zakat fitrah yang ditentukan mesti dibayar oleh orang Islam. Jadi, kalaulah sekiranya parti politik mengutip zakat melalui kutip derma, itu bukan namanya 'kutip zakat', itu namanya 'kutip sedekah' [*Ketawa*] untuk kepentingan ahli-ahli mereka. Kalau dia kutip zakat, duit itu faedahnya kesemua rakyat, tanpa parti yang mereka pegang.

ASEAN - CADANGAN MEWUJUDKAN MATA WANG SAMA

9. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah ASEAN bercadang untuk mewujudkan mata wang yang sama di masa akan datang seperti yang diputuskan oleh Kesatuan Eropah (EC) terhadap kesatuan mereka.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini ASEAN tidak ada cadangan untuk mengadakan satu mata wang yang sama bagi seluruh ASEAN. Cadangan ini tidak mungkin dipertimbangkan oleh ASEAN pada waktu ini kerana kedudukan ekonomi anggota-anggota ASEAN itu adalah tidak setaraf, tidak kukuh dan belum mampu bersaing dengan negara-negara yang maju. Dan tambahan pula, penubuhan ASEAN adalah tidak sama falsafahnya dengan penubuhan Kesatuan Eropah.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, apakah isu-isu yang berkaitan dengan kewangan dalam ASEAN sejak ia ditubuhkan yang telah mengambil perhatian dan diselesaikan oleh Kementerian Luar Negeri?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada isu berkaitan dengan kewangan yang dipertimbangkan dan diselesaikan oleh Kementerian Luar Negeri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dalam menguruskan perkara-perkara ekonomi sungguhpun tidak semuanya diuruskan oleh Kementerian Luar Negeri, adakah beliau mengambil kira kedudukan ekonomi oleh negara-negara seperti Myanmar di mana kedudukan ekonomi mereka adalah ekoran daripada regim SLORC yang menindas dan mendera rakyat mereka dan tidak membenarkan pemenang pilihan raya besar Myanmar pada tahun 1990 untuk memegang kuasa, iaitu Aung San Suu Kyi sebagai Perdana Menteri Myanmar. Apakah pihak kerajaan mengambil kira perkara ini dan tindakan yang diambil oleh Malaysia terhadap isu yang penting ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain daripada soalan mengenai mata wang. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, memang soalan itu terkeluar.

Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

[Soalan No. 10 - Y.B. Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir]

BANJIR DI SEBERANG PERAI TENGAH - RANCANGAN MENGATASI

11. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bagi tahun 1997, apakah rancangan-rancangan mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) telah dibuat dan berapakah anggaran belanja; dan
- (b) bagi tahun 1996, apakah projek-projek mendalamkan parit atau sungai dan yang berkaitan telah dijalankan oleh kementerian ini untuk SPT dan kos yang terlibat dan mengapakah pam yang bermuatan besar masih belum dipasangkan di tempat-tempat yang strategik seperti di 'tidal gate' Kampung Keramat dan Sungai Juru untuk mengeluarkan air yang berlebihan ke laut semasa air laut pasang.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tahun 1997, projek-projek berikut telah dirancang untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai Tengah:
- (i) pembinaan sebuah pintu kawalan air di Kampung Datok Keramat bagi mempertingkatkan lagi saliran parit No. 4, Bukit Tengah dengan anggaran kos sebanyak RM650,000;
 - (ii) kerja-kerja mendalamkan Sungai Kilang Ubi, Sungai Tanjung Putus, Sungai Sintuk dan Sungai Kubang Semang dengan perbelanjaan kira-kira RM50,000; dan
 - (iii) kerja-kerja pembaikan dan pemulihan Sungai Juru. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM500,000 disediakan.
- (b) Bagi tahun 1996, projek-projek mendalamkan parit dan sungai yang telah dijalankan di kawasan Seberang Perai Tengah adalah seperti berikut:
- (i) pembinaan ban, pintu kawalan dan parit di Sungai Rambai, Seberang Perai Tengah yang menelan belanja sebanyak RM1,194,094.00. Kerja-kerja ini dimulakan pada bulan Disember 1995 dan dijangka siap pada Januari 1997. Kemajuan kerja sehingga akhir bulan September 1996 ialah 60%;
 - (ii) pelaksanaan kerja-kerja mendalamkan Sungai Tok Alang, Sungai Jelutong, Sungai Tuan Abdullah, Parit Tok Kun, Parit No. 5, Parit Tok Suboh dan kerja-kerja meninggikan ban Bukit Tengah/Bukit Minyak serta membaiki tebing parit Tok Kun, Bukit Mertajam. Kos bagi kerja-kerja tersebut ialah RM172,000. Kerja-kerja telah dimulakan pada bulan April

1996 dan akan siap pada bulan Disember 1996. Kemajuan kerja sehingga akhir September 1996 ialah 70%;

- (iii) pembinaan parit, lintasan dan pintu kawalan di Sungai Juru, Seberang Perai Tengah dengan harga RM274,645.00. Kerja ini telah dimulakan pada 20hb. Oktober 1996 dan telah siap pada 23hb. Ogos 1996; dan
- (iv) pembinaan parit selari dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Junjung, Sungai Jejawi dan Sungai Tengah, Seberang Perai Tengah/Selatan dengan kos sebanyak RM349,964.00. Kerja-kerja telah dimulakan pada bulan Disember 1995 dan telah disiapkan pada bulan Mei 1996.

Bagi makluman Yang Berhormat, pam yang bermuatan besar masih belum dipasang di tempat-tempat yang strategik seperti di 'tidal gate' Kampung Keramat dan Sungai Juru, disebabkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh juruperunding mendapati bahawa cadangan tersebut kurang kos efektif untuk mengeluarkan air yang berlebihan ke laut semasa air pasang.

Langkah yang paling kos efektif untuk tujuan pengaliran air yang berlebihan bagi mengelakkan kejadian banjir ialah dengan membina dan membaiki parit selari dari Bukit Tengah hingga ke Kampung Datok Keramat serta menambah atau membesarkan pintu kawalan pasang surut yang sedia ada di Kampung Datok Keramat. Kerja-kerja tersebut dijangka dilaksanakan akhir tahun 1997.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada usaha kementerian atas kerja-kerja yang sudah dibuat. Tetapi walau bagaimanapun, penduduk-penduduk di sana masih kluatir berlakunya banjir kilat kerana kekurangan kawasan-kawasan simpan air ataupun water retention area,

dengan izin, dan keperluan memasang pam itu masih didapati satu keperluan yang runcing. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, adakah kerja-kerja yang dilakukan sepanjang ini yang membenarkan air itu mengalir ikut graviti sahaja adalah lebih berkesan daripada kerja pam muatan besar semasa air di laut pasang?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa pihak konsultan, iaitu meyakini bahawa dengan penggunaan pam yang besar agak lebih praktikal daripada apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Walaupun begitu, banjir kilat memang sering berlaku sekiranya peraturan-peraturan di sekitar tidak dipatuhi. Misalnya, untuk menimbunkan tanah, kebanyakan parit-parit tidak dibersihkan dan lain-lain lagi perlu dikaji dari masa ke semasa. Insya-Allah, Jabatan Parit dan Taliair akan sentiasa memberi khidmat dari masa ke semasa.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Barisan Nasional telah berjanji hendak menyelesaikan masalah banjir dalam masa yang singkat semasa dalam pilihan raya yang lepas. Dan juga menuduh ahli pembangkang tidak mampu menyelesaikan masalah banjir, dan sebab itulah Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dapat kemenangan dalam pilihan raya yang lepas. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, boleh terus, tetapi tidak payah Yang Berhormat melibatkan orang lain.

Tuan Lim Hock Seng: Jikalau kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyelamatkan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, kemungkinan besar beliau akan kalah dalam pilihan raya yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, mengikut peraturan mesyuarat, Yang Berhormat tidak boleh buat andaian 'kalau'. Teruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Adakah projek-projek yang sedang dijalankan itu adalah usaha atau perjuangan dari Yang Berhormat dari Bukit Mertajam?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Saya terlalu menghormati Ahli Yang Berhormat dari Bagan, orangnya baik, sama dengan Kepong. Tetapi oleh kerana dia duduk dekat dengan Kota Melaka, angin Kota Melaka dia kena. *[Ketawa]* Jadi, memang benar Yang Berhormat, kerajaan bertanggungjawab atas segala janji-janji yang diberikan dalam pilihan raya oleh Barisan Nasional.

Tetapi walau demikian, sebagaimana yang telah saya jawab panjang lebar tadi, ini adalah permintaan dan sentiasa diteliti oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Jadi, sebab itu, kita sebagai Barisan Nasional sentiasa tolong-menolong, bantu-membantu, tidak sebagaimana DAP yang boleh dikatakan jatuh-menjatuh di antara satu sama lain.

Jadi, saya yakin insya-Allah, Bukit Mertajam tidak akan kalah kerana JPS menerusi kementerian saya akan terus bersungguh-sungguh untuk mengurangi banjir pada masa akan datang.

PENCEMARAN UDARA DI SIBU - KAWALAN

12. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan pencemaran udara oleh kilang-kilang berhampiran Sibu sekarang telah bertambah buruk. Apakah langkah-langkah tertentu yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memperbaiki kesemuanya sebelum ianya berada di luar kawalan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran udara oleh kilang-kilang berhampiran Sibu berada dalam keadaan yang terkawal. Kebanyakan

kilang-kilang ini didapati mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Antara langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan pencemaran udara adalah:-

- (i) mempertingkatkan lagi penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawah, khususnya Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling, Udara Bersih 1978, termasuk larangan bakaran terbuka;
- (ii) menjalankan program Pengawasan Pencemaran Udara secara berterusan dengan kerjasama Unit Udara Polis Diraja Malaysia melalui program Pengawasan Pencemaran Udara, dengan izin, Areal Survalian; dan
- (iii) mengadakan program Kesedaran Alam Sekitar dari masa ke semasa melalui sesi dialog dan ceramah untuk pekilang-pekilang dan untuk orang awam. Sekian.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menubuh satu Pejabat Alam Sekitar di Sibü, dan sampai sekarang berapa kilang telah didenda kerana mencemar udara di sekeliling Sibü?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak sangat kilang di sini, ada 328 buah kilang dan kementerian akan memberi pertimbangan kepada perkara ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat maklumat banyak pelabur-pelabur asing terutama sekali daripada negara jiran telah membuat kilang di kawasan Sibü, yang mana kilang ini tidak boleh dibuat di tempat mereka sendiri, terutama sekali negara seperti Singapura tidak boleh membuat kilang oleh kerana pencemaran. Jadi, soalan saya berapa banyakkah kilang-kilang joint venture ataupun persendirian asing yang berada di kawasan Sibü yang mendatangkan pencemaran dan tidak mematuhi undang-undang Malaysia?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memaklum tadi bahawa di Sibu oleh kerana kuatnya tarikan, pulling factor. Dia ada 328 kilang. Di sini 150 merupakan kilang-kilang berasaskan kayu. Jadi, bila orang mahu menanam modal, tempatnya baik dan tarikan-tarikannya begitu menarik, kita tidak boleh tahan. Kita mempunyai dasar open economic.

KAD PENGENALAN BARU (KPT) - KEMUDAHAN MEMBAHARUI

13. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penduduk negeri Sabah yang telah dan belum membaharui kad pengenalannya hingga 31.8.96. Antaranya berapakah dari Tawau. Apakah Jabatan Pendaftaran Negara sedia memperkenalkan khidmat 'on-line' kepada JPN negeri Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Bilangan penduduk Sabah yang telah memohon kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) sehingga akhir November, 1996 adalah seramai 1,115,000 orang berbanding dengan sasaran yang dianggarkan sebagai satunya ada kira-kira 1.2 juta orang akan memohon KPT dalam enam tahun di seluruh Sabah.

Adalah sukar untuk menganggarkan bilangan penduduk yang belum menukar kad pengenalan baru di daerah Tawau kerana ramai pemohon dari daerah tersebut telah mendaftar KPTnya di daerah lain dan juga mendaftar melalui pendaftaran bergerak dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara Sabah yang melibatkan sejumlah besar permohonan yang tidak dimasukkan ke dalam laporan penerimaan permohonan JPN Tawau.

Perkhidmatan on-line memang telah wujud di JPN Sabah, yang telah dibekalkan terminal talian terus dengan JPN ibu pejabat bagi menyemak kedudukan permohonan KPT.

Tuan Lim Si Cheng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin memohon Yang Berhormat menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang masih belum memperbaharui kad pengenalan mereka dan angka yang akan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada melibatkan anggota keselamatan negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat dapat saya anggarkan pada hari ini, yang terbaru sekali, Ibu Pejabat Pendaftaran Negara telah pun menerima di tahap ibu pejabat, kira-kira 15 juta permohonan kad pengenalan baru. Dan kita anggar ada kira-kira dalam 800,000 lebih rakyat Malaysia yang belum menukar kad pengenalan setakat dua, tiga hari yang lalu. Bilangan itu termasuk anggota-anggota polis, anggota-anggota tentera dan juga mereka yang masih berada di luar negeri.

Oleh kerana kita tidak dapat anggar berapa orang masih berada di luar negeri. Kita masih anggar dalam masa kira-kira 12 hari ini, kita masih boleh 'coop', dengan izin, dengan beberapa ratus ribu ini yang sepatutnya datang. Sebab semua kaunter telah siap sedia. Kita masih harap semua orang yang belum menukar, cepat ambil kesempatan dalam masa 12 hari ini.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Timbalan Menteri menyatakan masih ramai lagi yang berada di luar negeri yang belum menukar kad pengenalan baru ini. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa mereka ini dapat mendaftar? Kerana saya yakin dalam keadaan sekarang ini adalah mustahil untuk mereka pulang kalau berada di luar negeri untuk mendaftar. Apakah kerajaan telah ataupun akan mengadakan tempat untuk mereka menukar kad pengenalan ini di pejabat-pejabat kedutaan di mana mereka berada untuk menyenangkan supaya mereka ini tidak payah pulang ke negara ini? Bagaimana pula dengan anggota-anggota keselamatan yang lain? Apakah mereka juga perlu membuat perkara ini? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar pada peringkat sekarang kita mengadakan perkhidmatan untuk menukar kad pengenalan di pejabat-pejabat luar negeri kerana peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada tidak mengizinkan

kakitangan yang bertugas di kedutaan kita untuk menguruskan kerja itu kecuali kalau kita hantar pegawai JPN ke luar negeri.

Pada masa ini kita masih tidak bercadang untuk berbuat demikian kerana kita telah memberikan pengecualian kepada mereka yang berada di luar negeri daripada didenda. Tetapi kita nasihatkan mereka ini supaya apabila pulang mereka itu boleh, dari segi praktikal boleh balik, balikkah untuk menukar kad pengenalan, mereka tidak akan didenda. Asalkan pada 31hb. Disember, mereka tidak ada di dalam negeri ini, maka mereka tidak akan didenda.

Bagi anggota tentera dan anggota polis, memang bukan salah mereka kerana mereka tidak memegang kad pengenalan lama pada masa sekarang kerana mereka masih berkhidmat. Kita akan mengecualikan juga mereka daripada didenda tetapi mereka diberi tempoh 30 hari sebaik sahaja mereka tamat perkhidmatan dan dapat semula kad pengenalan lama, mereka kena tukar dalam masa 30 hari itu. Jadi, itulah dua, tiga kategori orang masih kita kena tunggu, tidak dapat kita bereskan dalam tahun ini.

TELEFON TANGAN - JUMLAH PENGGUNA

14. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah telefon tangan yang digunakan oleh pengguna-pengguna di seluruh Malaysia pada masa ini; dan
- (b) tidakkah kerajaan bercadang untuk menurunkan bayaran sewa telefon tangan memandangkan penggunaannya semakin bertambah dari masa ke semasa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini jumlah telefon mudah alih yang digunakan oleh pengguna-pengguna di Malaysia adalah dalam lingkungan 1.4 juta.

- (b) Soalan Yang Berhormat ini telah banyak kali di jawab di Dewan yang mulia ini iaitu bayaran sewa telefon mudah alih yang ditetapkan iaitu RM60 sebulan adalah merupakan kadar maksimum di bawah konsep “maximum price capping”, dengan izin. Walau bagaimanapun, pengusaha-pengusaha adalah digalakkan menurunkan bayaran sewa sebagai strategi pemasaran untuk meningkatkan pelanggan masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telah pun tamat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 10 dan 15 hingga 33 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR JENAYAH
(PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[17hb. Disember 1996]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

3.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pada 24hb. Disember 1993, dalam kes *Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor*, Mahkamah Agung Malaysia telah memutuskan untuk tidak mengikut keputusan Privy Council dalam kes *Haw Tua Tau* dan kes *Ragunathan, Munusamy dan Junaidi*. Sebaliknya, ia telah memutuskan bahawa apabila pihak pendakwa menutup kesnya, mahkamah hendaklah membuat penilaian maksimum tentang keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan pertuduhan terhadap orang tertuduh itu hingga tiada apa-apa keraguan yang munasabah, dengan izin, “beyond all reasonable doubt”. Ini adalah ujian yang sama seperti yang diputuskan oleh majoriti hakim dalam kes *Arulpragasam*.

Namun demikian, pada 9hb. November 1995, dalam kes *Tan Boon Kean v. Public Prosecutor*, Mahkamah Persekutuan telah kembali mengikut keputusan dalam kes *Haw Tua Tau*. Sebagaimana yang dinyatakan tadi, kedudukan ini tidak lama kerana pada 27hb. Julai 1996, kes *Arulpragasam* telah diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kes Haw Tua Tau telah diikuti bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Singapura, di Brunei dan di New Zealand. Prinsip yang dinyatakan dalam kes itu juga telah dipakai di Australia.

Di Singapura, Mahkamah Rayuannya enggan menggunakan standard, dengan izin, “beyond reasonable doubt” yang digunakan dalam kes Khoo Hi Chiang dan yang kemudiannya diikuti dalam kes Arulpragasam.

Kes Khoo Hi Chiang itu dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes Ng Then Shuang v. Public Prosecutor yang diputuskan pada 4hb. Mac, 1995. Dalam kes itu Mahkamah Rayuan Singapura mengatakan bahawa, dengan izin,-

“We were not persuaded ... that the minimum evaluation of the evidence at the close of the prosecution’s case as propounded by Haw Tua Tau and consistently followed in Singapore since then was not the proper test applicable to the provisions of section 189(1) of the Criminal Procedure Code. Accordingly, on such an evaluation of the evidence a prima facie case was clearly made out against the appellant”.

Mahkamah Rayuan Jenayah Brunei juga, dalam kes Yeo Tse Soon v. Public Prosecutor, telah membincangkan keputusan Mahkamah Agung Malaysia dalam kes Khoo Hi Chiang dengan panjang lebar, dan kemudiannya telah enggan mengikut keputusan itu.

Mahkamah itu mengatakan, antara lain, bahawa Mahkamah Agung Malaysia, dengan izin:-

“...emphasized that the legislation it was considering nowhere referred to “a prima facie case”. That was true, but the words of the statute (which in this connexion were identical to those of the Brunei statute) were apt to describe a prima facie case”.

Di New Zealand, Mahkamah Tingginya dalam kes Auckland City Council v. Brailey yang diputuskan pada 16hb. Julai, 1987, memutuskan bahawa pendekatan yang harus diambil oleh mahkamah pada penutup kes pihak pendakwaan ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Lord Diplock dalam kes Haw Tua Tau.

Di Australia pula, dalam kes May v Sullivan, yang dipetik, tetapi tidak disetujui oleh Yang Arif Hakim Tan Sri Edgar Jesepeh Jr. dalam kes Arulpragasam.

High Court Australia yang mendengar rayuan daripada Supreme Court Australia Selatan dalam tahun 1995, telah menggunakan pendekatan yang serupa seperti pendekatan dalam kes Haw Tua Tau.

Dalam kes May v. Sullivan itu mahkamah mengatakan bahawa, dengan izin:

“When at the close of case for the prosecution, a submission is made that there is “no case to answer”, the question to be decided is not whether on the evidence as it stands the defendant ought to be convicted, but whether on the evidence as it stands he could lawfully be convicted. This is really a question of law. Unless there is some special statutory provision on the subject, a ruling that there is a “case to answer” has no effect whatever on the onus of proof, which rests on the prosecution from beginning to end. After the prosecution has adduced evidence sufficient to support proof of the issue, the defendant may or may not call evidence. Whether he does or not, the question to be decided in the end by the tribunal is whether, on the whole of the evidence before it, it is satisfied beyond reasonable doubt that the defendant is guilty. This is a question of fact A magistrate who has decided that there is a “case to answer” may quite consistently, if no evidence is called for the defendant, refuse to convict on the evidence for the prosecution. The prosecution may have made “a prima facie case” but it does not follow that in the absence of a “satisfactory answer” the defendant should be convicted”.

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa, di negara-negara Komanwel yang berjiran dengan Malaysia, standard pembuktian kes pendakwaan, bagi mewajarkan mahkamah membuat keputusan untuk memanggil orang tertuduh membuat pembelaan

ialah standard “prima facie”, bukan standard “beyond reasonable doubt” seperti yang diputuskan dalam kes Arulpragasam.

Kerajaan berpendapat bahawa tidaklah wajar Malaysia mempunyai standard yang berbeza daripada standard yang terpakai di negara-negara Komanwel yang berjiran dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kes Arulpragasam membawa implikasi yang berbeza pada pihak pendakwa dan orang tertuduh.

Dari satu segi, standard, dengan izin “*beyond reasonable doubt*” pada akhir kes pendakwaan akan mewujudkan penilaian yang ketat pada peringkat itu dan akibatnya akan lebih mudahlah orang yang sebenarnya bersalah lepas daripada pertuduhan dan oleh itu lepas daripada hukuman. Jika ini berlaku keadilan tidak akan tercapai.

Dari segi yang lain pula, apabila mahkamah sudah membuat keputusan pada penutup kes pihak pendakwa bahawa pihak pendakwa sudah mengemukakan keterangan yang dapat membuktikan pertuduhan terhadap orang tertuduh sehingga tiada lagi keraguan yang munasabah, maka sukar untuk dibayangkan bagaimana orang tertuduh itu akan dapat membangkitkan keraguan yang munasabah bagi menyangkal kes yang sudah terbukti sedemikian.

Hasilnya ialah, apabila orang tertuduh dipanggil membela dirinya, besar kemungkinan apa-apa yang dikemukakannya dalam pembelaan tidak akan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah. Ini juga tidak akan menghasilkan keadilan.

Kerajaan berpendapat, wajarlah kepentingan masyarakat dan kepentingan mangsa sesuatu jenayah diseimbangkan dengan kepentingan orang tertuduh dengan memastikan bahawa standard pembuktian di peringkat penutup kes pendakwaan standard ialah standard “*prima facie*”.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang utama yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini ialah kepada seksyen 180 yang merupakan peruntukan yang dipertikaikan dalam kes Arulpragasam.

Peruntukan ini memperkatakan standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan di Mahkamah Tinggi. Fasal yang berkenaan dalam Rang Undang-undang ini ialah fasal 4. Oleh sebab standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan di Mahkamah Rendah adalah sama, maka perenggan 173(f) yang mengandungi peruntukan yang berkenaan juga perlu dipinda. Fasal yang berkenaan dalam Rang Undang-undang ini ialah fasal 2(c).

Selain itu, bagi memperjelaskan bahawa terdapat dua jenis standard pembuktian di dua peringkat dalam sesuatu perbicaraan kes jenayah di Mahkamah Tinggi, iaitu standard "*prima facie*" pada penutup kes pendakwaan dan standard "*beyond reasonable doubt*" pada akhir keseluruhan kes, maka adalah dicadangkan, supaya suatu seksyen baru, iaitu seksyen 182A, dimasukkan ke dalam Kanun Prosedur Jenayah.

Cadangan ini terkandung dalam fasal 6 Rang Undang-undang ini.

Adalah juga dicadangkan supaya perenggan (m) dalam seksyen 173 Kanun itu dipinda bagi mencapai tujuan yang sama berkenaan dengan perbicaraan di Mahkamah Rendah. Ini dicadangkan dalam fasal 2(g).

Tuan Yang di-Pertua, selain pindaan-pindaan yang berkaitan dengan standard pembuktian pada penutup kes pendakwaan dan pada penutup keseluruhan kes, beberapa pindaan lain juga dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini supaya prosedur perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Rendah lebih seragam.

Antara pindaan dalam kategori ini ialah seperti yang dicadangkan dalam Fasal 2(b).

Pindaan yang dicadangkan dalam fasal itu ialah pindaan kepada perenggan (c) seksyen 173 untuk menjelaskan bahawa pihak pendakwa bebas untuk menentukan saksi manakah yang akan dipanggil dahulu dalam perbicaraan di Mahkamah Rendah.

Pindaan bagi maksud penyeragaman ini juga dicadangkan kepada perenggan (j) seksyen 173 supaya jika orang tertuduh dipanggil membela dirinya di Mahkamah Rendah, dan dia memilih untuk memberikan keterangan sebagai saksi, keterangannya hendaklah diberikan dahulu sebelum dia memanggil orang lain. Pindaan ini terkandung dalam fasal 2(f).

Adalah juga dicadangkan supaya peruntukan dimasukkan ke dalam perenggan (j) seksyen 173 dan dalam subseksyen (ii) seksyen 178 supaya jelas bahawa sekiranya seorang mengaku bersalah, maka pengakuannya itu hanya boleh direkodkan jika mahkamah berpuas hati dia benar-benar tahu implikasi pengakuannya itu dan memang benar dia hendak mengaku bersalah. Pindaan-pindaan ini terkandung dalam fasal 2(f) dan fasal 3 Rang Undang-undang ini.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan hanya merupakan pindaan penggubalan akibat dan juga pindaan-pindaan yang kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menaruh penuh harapan bahawa pindaan yang dicadangkan ini akan dapat mengembalikan keseimbangan antara kepentingan orang tertuduh dengan kepentingan masyarakat dan kepentingan mangsa jenayah.

Kerajaan berharap bahawa sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, mahkamah tidak lagi mentafsirkan peruntukan seksyen 180 dan perenggan (f) seksyen 173 Kanun Prosedur Jenayah sebagai bermaksud bahawa, pada penutup kes pendakwaan, apa yang harus dilakukan olehnya ialah menilai sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kesnya, sehingga melepasi tahap keraguan yang munasabah, seperti yang dilakukan dalam kes Arulpragasam.

Kerajaan juga berharap agar mahkamah mengambil ingatan pesanan Lord Diplock dalam kes *Duport Steels Ltd. v. Sirs* (1980) 1 WLR 142 pada muka surat 157 seperti mana yang dipetik oleh Yang Arif Tan Sri Azmi, Hakim Mahkamah Persekutuan dalam kes Arulpragasam iaitu, dengan izin:

“A statute passed to remedy what is perceived by Parliament to be a defect in the existing law may in actual operation turn out to have injurious consequences that Parliament did not anticipate at the time the statute was passed; But if this is the case it is for Parliament, not for the judiciary, to decide whether any changes should be made to the laws as stated in the Acts,.....

It endangers continued public confidence in the political impartiality of the judiciary, which is essential to the continuance of the rule of law, if amendments to statutes which experience of their operation has shown to have had consequences that members of the court before whom the matter comes consider to be injurious to the public interest.”

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa kerajaan mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang ini adalah bagi mengembalikan keseimbangan antara kepentingan orang tertuduh dengan kepentingan masyarakat dan kepentingan mangsa jenayah. Jelasnya, pindaan ini janganlah dilihat berdasarkan pada sudut pembelaan semata-mata tetapi perlu dilihat dipertimbangkan pada sudut keadilan yang menyeluruh.

Kita sama-sama akur dan menyedari bahawa undang-undang buatan manusia tidak pernah sempurna. Justeru itu, ia perlu dipinda dan dikemaskinikan supaya pentafsirannya tidak bercanggah dan melemahkan sistem keadilan negara. Sebarang undang-undang yang kabur terdedah kepada pelbagai pentafsiran dan ini bukan sahaja melemahkan undang-undang itu malah boleh menyebabkan berlaku ketidakadilan kepada mangsa.

Sesungguhnya, kuasa untuk membuat undang-undang terletak pada badan perundangan. Mahkamah mentafsirkan undang-undang itu dan melaksanakannya. Badan perundangan juga menghormati apa juga keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Bagaimanapun, sekiranya badan perundangan berpendapat bahawa keputusan mahkamah dalam mentafsirkan sesuatu peruntukan undang-undang tidak menepati apa yang dimaksudkan oleh badan perundangan yang membuat undang-undang itu, maka badan perundangan itu bebas dan berhak meminda undang-undang yang berkenaan di Parlimen supaya matlamat atau maksud sebenar undang-undang itu benar-benar jelas dan tidak meragukan atau "ambiguous". Inilah sistem yang terpakai di negara kita dan di negara-negara lain yang mengamalkan sistem pemerintahan yang serupa dengan kita. Dengan izin, "This is also in-line with the doctrine of the separation of powers which we subscribe to".

Dalam kes ini, kerajaan berpendapat bahawa badan perundangan memperbuat seksyen 180 dan perenggan (f) seksyen 173 Kanun Prosedur Jenayah supaya ujian yang digunakan pada penutup kes pendakwaan ialah ujian standard *prima facie*.

Apabila mahkamah mentafsirkan bahawa ujian yang perlu digunakan ialah "beyond reasonable doubt", maka kerajaan berpendapat ia perlu mencadangkan pindaan di Dewan yang mulia ini untuk memastikan maksud sebenar peruntukan itu terlaksana. Dengan izin, "This is what Parliament is being asked to do in this particular bill". Perlu dijelaskan juga bahawa, ini bukanlah kali pertama pindaan seumpama ini dikemukakan di Parlimen untuk maksud seperti ini, sama ada di Malaysia atau di negara lain.

Di negara ini, misalnya, selepas kes *Loo Keck Leong v. Public Prosecutor*, Parlimen telah meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 melalui Akta A834 untuk memastikan bahawa tafsiran Mahkamah Agung tentang takrif "cannabis" tidak terus terpakai. Antara kes lain yang telah membawa kepada pindaan undang-undang di Parlimen ialah kes *Assa Singh v. Menteri Besar Johor*, kes *Public Prosecutor v. Dato' Yap Peng*, dan kes *Teh Cheng Poh v. Public Prosecutor*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, " There has been a considerable amount of confusion caused as a result of conflicting interpretation of the provision concerned in the Criminal Procedure Code which has resulted in some people getting convicted whilst others had been acquitted. Such confusion is undesirable from the view point of the administration of justice.

Oleh sebab pindaan ini tidak diberi kuatkuasa kebelakangan atau dengan izin back dated, maka ujian seperti dalam kes Arulpragasam dijangka akan digunakan oleh mahkamah bagi kes-kes yang sedang menanti perbicaraan di mahkamah. Bagaimanapun, pihak Jabatan Peguam Negara tidak khuatir dengan ujian ini kerana Pendakwa Raya sudah memastikan bahawa hanya kes yang akan dapat memenuhi ujian seperti dalam kes Arulpragasam iaitu "melempi tahap keraguan yang munasabah", dengan izin " beyond reasonable doubt" daripada hasil siasatan yang ada sahaja akan diteruskan pendakwaannya.

Justeru itu, bagi kes-kes yang belum beres atau pending cases sehinggalah pindaan Rang Undang-undang ini akan dikuatkuasakan, maka kes-kes tersebut akan ditentukan mengikut keputusan-keputusan yang pernah dibuat di Mahkamah Agung. Yang penting sekali, Dewan yang mulia ini perlu menghayati bahawa dengan izin, "...The supremacy of Parliament has been the strong foundation of a democratic system. Judges, even if actuated from the noblest of motives, should not place themselves in opposition to the clearly expressed will of the Parliament".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda

Kanun Prosedur Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Kuala Pilah.

3.55 ptg.

Dato' Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berkesempatan dengan seberapa ringkasnya membahasa Rang Undang-undang yang diberi nama satu akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah pada hari ini.

Terlebih dahulu suka saya merakamkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah begitu peka dan perihatin membuat beberapa pindaan melalui Rang Undang-undang DR. 48/96 yang dibentangkan hari khususnya kepada seksyen 173F dan seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah. Ini berbangkit daripada keputusan Mahkamah Persekutuan yang dihakimi oleh tujuh orang hakim dan memberi keputusan 4:3 dalam kes Arulpragasam a/l Sandaraju v. Pendakwa Raya bulan Julai 1996 baru-baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan khususnya dalam aspek prosedur perbicaraan dalam mahkamah rendah dan mahkamah tinggi keputusan tersebut telah membuat perubahan yang begitu penting di mana standard pembuktian atau dengan izin, standard a proof, pada akhir pihak Pendakwa ialah prinsip beyond reasonable doubt atau tanpa keraguan yang munasabah dan tidak lagi bergantung kepada prinsip *prima facie* seperti mana yang telah lama digunakan dan dipraktikan oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk rakyat melalui wakil-wakil di Parlimen ini adalah bertanggungjawab membuat undang-undang dan pindaan-pindaan yang sewajarnya untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Oleh kerana difikirkan dari segi teknikal yang melibatkan prinsip prosedur perbicaraan telah menimbulkan keadaan yang begitu kontroversi. Maka sangatlah wajar pindaan

sebagaimana yang dibentangkan hari ini dibuat dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Dalam keadaan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pihak mahkamah telah didapati mengalami pemasalahan untuk pengertian dan tafsiran seksyen 173F dan seksyen 180. Peruntukan dalam dua seksyen tersebut khususnya perkataan, dengan izin "Which if unrebutted would warrant conviction" telah menimbulkan banyak permasalahan sehinggalah bermacam-macam tafsiran dan pendapat diutarakan dalam banyak kes-kes sehinggalah menjadi satu kehairahan dan menimbulkan banyak pengertian dan tafsiran dalam kes-kes seperti kes Haw Tua Tau, Khoo Hi Chiang dan akhir sekali kes Arulpragasam.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya deraf pindaan yang dibuat ini begitu jelas dan senang dari segi tafsiran seperti contoh dibuat dalam standard pembuktian iaitu prinsip *prima facie* dan prinsip tanpa keraguan munasabah, dengan izin, *proved beyond reasonable doubt*, maka ini akan menyenangkan semua pihak. Segala hujah dan pernyataan yang telah banyak dipertikaikan seperti dalam kes-kes Haw Tua Tau, Khoo Hi Chiang dan Arulpragasam yang melibatkan pengertian dan tafsiran seksyen 173F dan seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah tidak akan menjadi apa-apa masalah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kehakiman adalah sebuah institusi yang terpenting di dalam sebuah negara yang bertamadun. Ia berfungsi bagi mentadbir keadilan dan melaksanakan undang-undang supaya kebenaran dapat disaksikan dan diberikan kepada yang berhak dan menghalang orang yang zalim daripada melakukan sesuatu mengikut kehendak nafsunya.

Pindaan yang dicadangkan kepada perenggan F seksyen 173 dan seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah ini akan menyenangkan semua pihak bahawa pada akhir kes pihak Pendakwa. Apa yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ialah sama ada atau

tidak pihak Pendakwa sudah menunjukkan kes *prima facie* terhadap orang tertuduh sebelum ia dikehendaki membuat pembelaan.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 173(M) kanun memperuntukkan bahawa pada akhir keseluruhannya kes barulah mahkamah perlu menimbangkannya segala keterangan yang dikemukakan di hadapannya termasuk keterangan yang dikemukakan oleh tertuduh dalam pembelaannya dan menentukan sama ada pihak Pendakwa sudah membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah dengan izin, beyond reasonable doubt.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan atau prosedur yang telah digunakan oleh mahkamah kita semenjak mula lagi, kita mengamalkan prinsip keadilan di mahkamah menggunakan standard pembuktian *prima facie* telah lama diterima pakai begitu baik dan berjaya. Mempraktikkan sistem dua peringkat, two tier system, dengan izin, dalam proses melaksanakan keadilan di negara ini, adalah pendekatan yang selaras dengan prinsip yang diambil oleh banyak mahkamah, khususnya di negara-negara Komanwel. Di Malaysia, kita telah begitu berjaya menggunakan prinsip ini dalam semua kes sebelum ini sehinggalah kes Hwa Tua Tau melawan Pendakwaraya dalam tahun 1981. Pendekatan dan tafsiran yang berlainan dalam kes Khoo Hi Chiang melawan Pendakwaraya pada tahun 1993 dan baru-baru ini dalam kes Arulpragasam telah membuat sesuatu perubahan dan pendekatan di mana pendakwa dalam proses menegakkan keadilan telah dibebankan standard pembuktiannya begitu tinggi iaitu dalam prinsip tanpa keraguan yang munasabah atau standard proof beyond reasonable doubt.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini adalah dianggap terlalu berat dan susah bagi pihak pendakwa sehingga boleh menjejaskan proses menegakkan keadilan di Jabatan Kehakiman. Implikasi dan akibat prinsip ini amat besar dan mungkin akan menjejaskan

kedudukan tertuduh seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya memberikan pandangan dan pendapat seperti tersebut di atas, saya percaya ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang khususnya, sepertimana biasa mereka ini akan terus membuat bermacam-macam bantahan dan kecaman yang tidak berasas. Ini memang kita semua sedia faham dan maklum kerana mereka ini memang sengaja cuba menimbulkan perkara-perkara yang tidak relevan dan tidak berasas.

Justeru itu, memanglah menjadi tugas Parlimen ini, demi untuk menegakkan keadilan berdasarkan kepada maxims yang telah lama diterima pakai, iaitu beberapa tajuk seperti berikut yang dipertimbangkan dalam bidang pengadilan;

- (i) maxim keadilan itu bukan sahaja perlu dilakukan, tetapi pasti dilakukan. Justice must not only be done, but must be seen to be done. Justeru itu, setiap struktur dan peruntukan undang-undang hendaklah betul-betul dipraktikkan seadil-adilnya tanpa ada apa-apa prejudis dan prasangka;
- (ii) prinsip untuk membuat sesuatu penghakiman yang dipegang memberi maksud “Biar sepuluh orang yang bersalah dibebaskan, tetapi daripada menjatuhkan hukuman kepada seorang yang tidak bersalah. “Let ten guilty persons be acquitted than one innocent person be convicted”, dengan izin. Dalam hal ini juga, setiap hakim mempunyai tanggungjawab yang begitu besar dan berat.

Dalam konteks pemahaman agama juga, dalam bidang syariah, ada menyatakan bahawa, “Dalam tiga orang hakim itu, hanya seorang akan masuk ke syurga dan dua orang lagi mungkin

masuk neraka sekiranya mereka ini tidak menjalankan satu pertimbangan yang adil yang sebenarnya”;

- (iii) maxim dalam bahasa Latinnya berbunyi *audi alteram partem* yang bermaksud, “Bahawa seseorang yang didakwa sebelum didapati bersalah dan dihukum hendaklah diberi peluang untuk bercakap dan membela dirinya dengan secukupnya”.

Dalam konteks ini, andainya pindaan ini tidak dibuat, bermakna maxim ini tidak dipatuhi dengan sepenuhnya, maka perbicaraan atau enquiry akan menjadi batal berpandukan dari segi undang-undang atau rules of natural justice, dengan izin. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai satu hak keadilan asli untuk seseorang membela dirinya seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini juga.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan peguam, tetapi saya tertarik dengan dua neraka satu syurga. Jadi, itu adalah satu pandangan yang baik. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya hakim-hakim ini juga, macam Tuan Yang di-Pertua kita ini kita tengok hakim yang warak. Dia biasa menjadi hakim, dia warak. Supaya hakim-hakim ini juga mempunyai pendidikan agama yang kuat supaya apabila dia hendak membuat sesuatu keputusan itu, dikaji bukan setakat dari segi dunia, tetapi juga akhirat, mungkin mereka buat sembahyang istikharah dan sebagainya supaya akan dapat satu petunjuk dari Allah S.W.T., terutama sekali kes-kes yang melibatkan tali gantung?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Yang Berhormat dari Yan. Memang saya bersetuju sekali kerana tanggungjawab dan tugas hakim adalah berat sekali kerana pertimbangan keputusan mereka itu mempunyai satu implikasi dari segi setiap insan, dari segi agama, moral dan sebagainya.

Justeru itu, sudah sewajarnya setiap hakim mempunyai satu kewibawaan, pendirian dan komitmen yang tanpa ada prejudis dan prasangka semata-mata untuk menegakkan kebenaran. Kerana kalau tidak silap saya, mengikut pengajian tok guru, dari segi pandangan agama juga ada menyatakan dalam surah An-Nisa', bahawa setiap hakim itu walaupun saudaranya, walaupun kerabat dekatnya, tetapi dari segi keadilan, beliau terpaksa memberi pertimbangan sebaik-baik mungkin. Begitulah penjelasan saya.

Seterusnya, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan. Menyambung sedikit lagi perbahasan saya iaitu dalam aspek sepertimana saya sebutkan tadi, pertimbangan rule of natural justice dan sebagainya, saya suka menyatakan bahawa di dalam sistem dua peringkat atau two tier system ini, perbicaraan kes-kes jenayah di mana beban pembuktian iaitu burden of proof adalah sentiasa dipikul oleh pihak pendakwa.

Di sepanjang prosiding perbicaraan kes, andainya terdapat apa-apa keraguan atau kelemahan kes pendakwa, maka walau bagaimana sedikit sekali pun, keraguan itu akan membolehkan kes itu ditolak dan tertuduh dibebaskan. Prinsip ini telah jelas begitu diutarakan secara lebih exhaustive, dengan izin, dalam kes Woolmington melawan Pendakwaraya dari awal tahun 1935 - AC462 dan 480.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membahaskan rang undang-undang ini, selain apa yang telah saya perkatakan sebentar tadi, saya berharap tidak ada pihak yang beranggapan berbeza dan kita harap, demi untuk mewujudkan keadilan sebenarnya, setiap Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini mempunyai satu kredibiliti, mempunyai satu

tanggungjawab supaya kita jangan menanggung di air yang keruh, menjadikan sesuatu yang benar tidak benar.

Sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong.

4.10 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada petang ini, dalam huraian.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari, apa dia itu Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya? Point of order, ya. Sebutkan point of order.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, 35(6). Minta dapat pertimbangan daripada Tuan Yang di-Pertua iaitu;

“Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu”

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan 35(6) ini atas dua sebab. Yang pertama, kes-kes yang dirujuk di dalam perbahasan ini, kebanyakan kes ini adalah kes yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong di dalam mahkamah. Jadi, sudah tentu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini mempunyai direct pecuniary interest yang mana dalam

35(6) ini ia tidak ada sebut walaupun kes itu sudah lepas tetapi dalam 35(6), ia tidak ada sebut sama ada perkara itu sudah lepas ataupun belum. Soalnya perkara ini Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah pun mendapat secara terus faedah kewangan ke atas dirinya.

Jadi, yang kedua, sebabnya sebahagian daripada ini ialah dari segi falsafah. Falsafah di sebalik 35(6) ini adalah untuk membezakan antara kita Ahli Parlimen dengan kita sebagai peguam supaya tidak ada conflict of interest. Jadi, sudah tentu dalam ini, Perlembagaan ini membezakan kita bercakap sebagai seorang peguam dan juga sebagai Ahli Parlimen.

Saya bukan bermaksud untuk menghalang Yang Berhormat daripada berucap. Saya pun hendak mendengar sangat ucapan Yang Berhormat tetapi hanya hendak tahu sahaja berapa banyak wang sudah angkat, bela kes-kes ini. Itu sahaja.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sekejap, nanti kejap. *[Ketawa]* berkenaan dengan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, ada apa pula itu?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan itu, izinkan saya menambah apa yang diperkatakan oleh sahabat saya dari Tanjong Karang.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Saya ingin juga bertanya dan izin mendapat penjelasan daripada Dewan yang mulia ini bersangkutan dengan 35(6) ini juga, adakah selain daripada kita tahu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mewakili dalam kes Arulpragasam sungguhpun sudah selesai, apakah tidak ada Yang Berhormat ini terlibat juga dalam kes-kes yang masih tertanggung yang lebih kurang 400 kes itu terlibat. Kalau

terlibat bermakna beliau juga ada kepentingan dalam perbincangan kes ini. Saya hendak mendapat panduan dan penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini perkara yang sedang kita bincangkan sekarang ialah di atas dasar hendak memperbaiki ataupun hendak meminda Kanun Prosedur Jenayah. Dalam perkara ini saya rasa tidak adalah sesiapa yang mempunyai kepentingan dalam perkara ini, hanya kepentingan kepada negara. Jadi, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong boleh mengambil bahagian dalam ucapan ini dan pada fikiran saya, dia tidak ada mempunyai apa-apa pecuniary interest berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah ini. Yang Berhormat Jelutong, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih. Kedua-dua ini langsung tidak ada kes di mahkamah, oleh itu dia buat bantahan seperti itu. Di antara 400 kes yang sedang menunggu perbicaraan barangkali kedua-dua ini langsung tidak ada satu. Oleh itu cemburu.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, teruskan. Sila teruskan Jelutong. Saya minta seriuslah dalam perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya serius tetapi kedua-dua ini tidak serius.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum mulakan, ada bantahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun saya seorang peguam bagi beberapa orang yang ada menghadapi kesulitan seperti itu bukan bermakna sebagai Ahli Parlimen, saya tidak ada hak untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Saya sudah buat keputusan perkara itu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya beri amaran kepada kedua-dua ini, kalau mahu kacau, kacau dengan.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, apa kuasa dia memberi amaran?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong, sila, sila Yang Berhormat

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Apa kuasa dia beri amaran kepada kita?

Tuan Noh bin Omar: Salahkah, dia tidak tahu saya selain daripada.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Who are you?

Tuan R. Karpal Singh: Tidak faham peraturan!

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Who are you?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila, sila teruskan. Sudah, sudah, biarlah Yang Berhormat Jelutong....

Tuan R. Karpal Singh: Jangan main-main dengan Jelutong.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong, sila, sila. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Silalah.....

Tuan R. Karpal Singh: Berapa banyak sudah potong kepala termasuk DP Vijandran, Speaker dahulu.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan satu amaran yang tidak ada isi, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Jelutong ya.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya mahu teruskan dan saya harap Menteri di Jabatan Perdana Menteri apabila kami mahu mendapat jawapan kepada soalan, jangan berdiri dan cakap. Saya tidak mahu memberi apa-apa jawapan kepada soalan. Di masa lampau ada buat macam itu. Jangan, jangan buat dalam perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Beri penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, penjelasan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Berdiri]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu hak dia, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan hak dia untuk langsung tidak mahu jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dia diberi hak. Jika sekiranya dia tidak beri jalan, jika sekiranya dia.....

Tuan R. Karpal Singh: Dia mesti memberi penjelasan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu hak yang di dalam Peraturan Mesyuarat. Kita tidak boleh memaksakan sesiapa. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, ada apa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Apa ini? Point of order atau penjelasan, atau.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di atas apa, Yang Berhormat?

Dato' haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, 36(1). Baik kita bincang kepada tajuk sekarang, jangan meleret-leret tidak tentu arah. Kita sekarang ini membahaskan.....Sila teruskan jangan usik mana-mana pihak.

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat Jelutong. Jangan dok bercakap perkara lain lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Dia jadi Speaker, dia yang mengarahkan untuk teruskan bukan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, tolong jaga, kalau tidak jaga dia akan ganti Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan ya.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua sebelum saya 'rudely' di'interrupted' oleh kedua-dua ini. Implikasi kewangan dalam huraian kepada rang undang-undang ini adalah rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Benar, tetapi ada implikasi. Implikasi-implikasi lain. Implikasi nyawa, nyawa lebih kurang 500 orang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dalam kes Arulpragasam dan saya mengendalikan kes itu dalam Mahkamah Persekutuan. Apabila keputusan ada diberi pada 27hb. Julai, 43 Jabatan Peguam Negara ada membuat satu permohonan kepada satu sidang Mahkamah Persekutuan apabila kes-kes yang dibekukan semenjak Februari tahun ini menunggu keputusan Arulpragasam, apabila mulakan rayuan-rayuan ini, pendakwaraya dari Jabatan Peguam Negara ada membuat satu permohonan dan hari itu, ada lebih kurang 10 rayuan yang menunggu pendengaran dan apa permohonan itu?

Permohonan itu adalah bahawa Peguam Negara memerlukan masa untuk meneliti keputusan dalam kes Arulpragasam. Saya kesal, kesal Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan di masa itu dan apabila saya membuat satu pertanyaan kepada Timbalan Pendakwaraya, bolehkah memberi jaminan bahawa tidak ada apa-apa rang

undang-undang yang akan dibentangkan dalam Parlimen untuk meminda seksyen 180 atau seksyen 173(f)?

Timbalan Pendakwa Raya ini tidak berani untuk memberi apa-apa jawapan. Apabila Yang Arif Hakim yang mengetuai sidang mahkamah itu, Yang Arif Chong Siu Fai, apabila dia menanya saya, apa bantahan? Dan apabila saya memberi butir-butir bantahan saya, apa yang saya ada memberi sebagai sebab atas mana semua kes itu harus dijalankan, hakim itu ada tanya saya, 'kenapa awak tahu boleh jadi pindaan akan dibawa kepada mahkamah'. Dan, Tuan Speaker, saya ada jawab "pada masa lampau, dalam pengalaman saya dalam Parlimen, itu ada dibuat."

Tuan Speaker, 4:3, menteri apabila membentangkan rang undang-undang ini ada menyatakan tadi, 4:3 dalam keputusan Arulpragasam dan ini adalah mengenai pembuktian tanpa keraguan yang ada diputuskan apabila tafsiran seksyen 180 ada diberi oleh mahkamah ini.

Tuan Speaker, Arulpragasam bukanlah kes yang pertama di mana keputusan seperti itu ada diberi. Pada 24hb. Disember, 1993 dalam kes Khoo Hi Chiang, satu keputusan yang sama iaitu di peringkat kes pendakwaan apa yang harus dibuktikan adalah satu pembuktian tanpa keraguan, bukan akhir kes, tetapi akhir kes pendakwaan. Dan itu adalah dalam tahun 1993, tiga tahun kebelakangan, satu keputusan yang sama. Kenapa Peguam Negara memerlukan masa dalam kes Arulpragasam pada bulan Ogos tahun ini untuk mendapat masa meneliti keputusan yang ada diberi dalam tahun 1993. Adakah ini satu cara untuk mendapat masa untuk membawa rang undang-undang ini dalam Parlimen?

Saya mengalu-alukan apa yang dinyatakan oleh menteri tadi bahawa rang undang-undang ini tidak berkuat kuasa retrospectively, dengan izin. Itu satu cadangan yang baik. Tetapi adakah jaminan diberi dalam rang undang-undang ini untuk menentukan bahawa

apa yang jadi dalam kes Dato' Haji Harun bin Haji Idris itu. Itu terjadi dalam kes-kes yang akan dibicarakan.

Dalam kes ini saya harap menteri dalam kementerian bolehlah jawab apabila beliau mendapat peluang untuk menjawab. Dan kes ini adalah, dengan izin, Public Prosecutor v. Dato' Haji Harun bin Haji Idris, citation ialah 1977, 1 MLJ, page 40. Apa yang diputuskan oleh Raja Azlan Shah, Hakim Persekutuan masa itu:

"The general rule is that statute particularly amending statute of *prima facie* prospective and retrospective with effect not to be given to them unless by clear words or necessary implication. *Prima facie* prospective, general rule."

Tetapi bagi pindaan kepada satu prosedur, bagi pindaan seperti itu prinsip yang terpakai adalah di muka surat yang sama iaitu 14:

"An amending statute which is purely procedurally to be construed as retrospective in its operation, unless contrary intention appears. In my opinion that does not seem to be a contrary intention express in section 1 of the Criminal Procedure Code, the amendment of an Extension Act 1976, that is to operate prospectively. No person as any vested interest in the course of a procedure if during an investigation that procedure is change. It follows the section 113 of the Criminal Procedure Code as amended applied in this case."

Adakah mana-mana dalam rang undang-undang ini apa yang ada dinyatakan di sini, 'unless a contrary intention appears'. Apa yang saya nampak dalam rang undang-undang ini tidak ada apa-apa untuk menunjukkan rang undang-undang ini apabila menjadi satu akta adalah prospective effect dan bukan retrospective. Bolehkah menteri meneliti aspek ini walaupun di Dewan yang mulia ini menteri tadi ada menyatakan

bahawa kes-kes yang sudah diselesai, perbicaraan atau rayuan, rang undang-undang ini tidak terpakai tetapi tidak ada apa-apa di sini. Apa yang dinyatakan adalah satu undertaking yang ada diberi dalam Dewan yang mulia ini tetapi itu bukan undang-undang. Boleh jadi Peguam Negara atau wakilnya dalam satu kes perbicaraan boleh menyatakan bahawa ada satu nas undang-undang iaitu kes Dato' Harun Idris di mana ada memutuskan bahawa prosedur adalah retrospective dan seksyen 180 dan juga 173(f) adalah prosedur.

Pada pandangan saya itu boleh jadi satu penghujahan yang boleh diterima oleh seseorang hakim. Jika itu timbul, itu bermakna kami kembali ke Dewan yang mulia ini untuk membuat satu pindaan yang lain. Barangkali dalam hal ini Yang Berhormat Menteri boleh membuat satu pindaan sekarang untuk menentukan apa yang terjadi dalam kes Harun Idris tidak timbul.

Tuan Speaker, saya pergi kepada beberapa pindaan yang ada dalam rang undang-undang ini. Sebelum saya berbuat demikian, bagi keputusan Arulpragasam, bukan 4:3 kerana dalam Khoo Hi Chiang adalah satu kes di mana lima hakim ada memutuskan dengan sebulat suara. Jika lima di sana atas satu keputusan yang sama, empat di dalam kes Arulpragasam, itu bermakna 9:3, bukan 4:3. Jika 9:3, Tuan Speaker, bolehkah kerajaan menelitikan keputusan yang ada diberi oleh 9 hakim dalam Mahkamah Persekutuan dan juga dalam kes Khoo Hi Chiang masa itu Mahkamah Agung.

Tuan Speaker, apa yang dinyatakan oleh menteri tadi 'separation of powers'.....

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelutong. Tadi Yang Berhormat Jelutong mengatakan bahawa kes Khoo Hi Chiang adalah kes yang pertama menggunakan tahap pembuktian berlandaskan kepada *'beyond reasonable doubt'*. Tetapi adakah Yang Berhormat Jelutong sedar bahawa ada satu kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan (Federal Court) dan saya percaya Yang Berhormat Jelutong tahu bahawa kita memakai sistem undang-undang berasaskan kepada precedent.

Di sini dalam kes Tan Boon Kean ini, mahkamah dengan terang-terang menyatakan bahawa tahap pembuktian adalah berasaskan kepada *prima facie* case dan juga ada membezakan di antara kes Tan Boon Kean ini dengan Khoo Hi Chiang di mana mahkamah ini mengatakan, dengan izin:

"In the court view there was no definitive ruling in Khoo Hi Chiang that the word case in section 180 is not a *prima facie* case."

Persoalannya, how do you reconcile between this two cases yang telah saya nyatakan ini? Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam kes Tan Boon Kean. Tan Boon Kean adalah kes yang wujud selepas Khoo Hi Chiang. Dalam kes Tan Boon Kean ada hanya tiga orang hakim yang memutuskan sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi. Tetapi Tan Boon Kean, dalam kes Arulpragasam ada diketepikan. Untuk memberi satu cronology bagi kes-kes yang terlibat, kes Haw Tua Tau yang akan mengikut. Ini adalah satu kes Singapura, di mana ada satu seksyen yang sama dengan seksyen 180. Kes Haw Tua Tau, apa yang diputuskan dalam kes itu oleh Lord Diplock adalah pada 22hb. Jun, 1981.

"At the end of the prosecution's case what has to be decided is a question of law only. As decider of law the judge must consider whether

there is some evidence (not inherently incredible) which, if we were to accept it as accurate, would established each essential element in the alleged offence. If such evidence, as respect any of those essential element is lacking, then and then only, is he justified in finding that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction, within the meaning of section 188(1), of the Criminal Procedure Code.

Where he has not so found, he must call upon the accused to enter upon his defence, and as decider of fact he must keep an open mind as to the accuracy or any prosecution's witnesses until the defence has tendered such evidence, if any, by the accused or other witnesses as it may want to call, then counsel on both sides has addressed to the judges such arguments and comments on the evidence as they may wish to advance."

Itu adalah apa yang diputuskan, dan itu adalah tafsiran bagi seksyen 181 bagi Kanun Acara Jenayah Singapura yang sama dengan 180 dan 173(h). Tetapi apa yang wujud dalam rang undang-undang ini adalah, saya ambil seksyen 180:

When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused. Ini bukan taksiran bagi seksyen 181. Ini adalah untuk seksyen 180. Jika itu, bolehkah kes Haw Tua Tau diikuti apabila perkataan-perkataan yang ada digunakan dalam seksyen baru ini, seksyen 180(1) adalah *prima facie* case.

Tuan Speaker, '*prima facie*' case, apakah perkataan '*prima facie*'? Apabila British menjadi penjajah dalam negara ini, tahun 1786 di Pulau Pinang, hampir hari ini 210 tahun, apa yang wujud adalah beban dalam pendakwaan untuk membuktikan kes pendakwaan tanpa keraguan. Itu adalah sampai hari ini. Tidak ada dalam mana-mana

undang-undang dan Kanun Acara Jenayah berkuatkuasa dalam The Federated Malay States pada 1hb. Januari, 1927. Sebelum itu ada court-court lain bagi negeri-negeri dalam Malaya, di mana peruntukan adalah sama.

Saya pergi ke satu kes, Tuan Speaker, untuk membuktikan di sini hari ini bahawa seksyen yang ada diperuntukkan dalam seksyen 4 rang undang-undang ini, iaitu pindaan kepada seksyen 180. Apa yang ada digunakan di sana adalah perkataan '*prima facie*'. Pertama, *prima facie* bukan satu bahasa Inggeris. Ini adalah bahasa Latin. What is *prima facie*? *Prima facie* bukan on the face of it, kerana on the face of it is ex-facie. *Prima facie* would be at first glance, barangkali. Dan apa yang ada dalam *South Judicial Dictionary*, saya baca apa sebagai *prima facie* evidence.

Prima facie evidence is probably synonymous with sufficient evidence. Dalam kes Khoo Hi Chiang, perkara ini ada diperbincangkan dengan dihalusi. Saya baca apa yang ada dalam kes Khoo Hi Chiang, penghakiman oleh Edgar Joseph Junior.

The court proceedings to consider the Privy Council case of Haw Tua Tau, we would make the preliminary observation that the expression of *prima facie* case is nowhere to be found in the court. Tidak ada di mana-mana. Now, what is meant by the expression of *prima facie* case, that phrase is not self-explanatory and indeed is ambiguous. What is it that the case shows *prima facie* or at first sight? Nevertheless, the expression *prima facie* has been regularly used in our court.

Tuan Speaker, beberapa kes ada diberi di sana, khasnya kes Chin Yoke. Dalam kes Arulpragasam, dalam hal itu iaitu apakah *prima facie*? Dalam kes Arulpragasam hakim yang sama.

The expression of *prima facie* case is nowhere to be found in the court and as pointed out in Khoo Hi Chiang supposed from the fact that it is not self-explanatory. What is it that the case shows *prima facie* or at first sight? Nevertheless the expression of

prima facie case has been regularly used in our courts open for brevity and convenient to denote a case to answer. Or more particularly a case which is unrebutted would warrant the conviction within the meaning of section 173(f) or section 190 or section 180 of the Code as the case may be.

Tuan Speaker, dalam kes Chin Yoke, dan kes ini ada diputuskan pada 27hb. Oktober, 1939. Tafsiran *prima facie* ada diberi dalam kes ini. Tafsiran itu adalah bagi seksyen 173, sama dalam rang undang-undang ini, dan seksyen 180 yang berbunyi: *If a bound taking all the evidents hearing before referred to i.e. the evidence for the prosecution the court finds that no case against the accused has been made out of which is unrebutted would warrant his conviction the court shall record an order of acquittal.*

Tafsiran bagi seksyen ini, Tuan Speaker adalah *prima facie*, dan apa tafsiran saya baca dari laporan ini. Ini dalam 9 MLJ 1940, page 47.

Minor summary trial; if the magistrate is satisfied that he want rebutted the evidence led by the prosecution would warrant the accused conviction than a prima facie case has been made out against him. In such a case the accused should be called to answer the prima facie case made out against him. Ini penting, if however on the other hand after weighing up such evidence for the prosecution, the magistrate is satisfied that it would be wholly unsafe to convict upon such evidence standing alone, than no prima facie case has been made out and the accused should not be called upon for his defence.

Ada di sini, Tuan Speaker, seksyen yang sama. Perkataan yang ada digunakan dalam seksyen 180 dan 173 makes no different. Ini bermakna apa yang ada dalam undang-undang sekarang akan apabila tafsiran diberi kepada kedua-dua seksyen ini, kes-

kes yang ada digunakan dalam Khoo Hi Chiang, yang ada digunakan dalam Arulpragasam, terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, jika tafsiran yang diberi oleh Justice Gordon-Smith dalam tahun 1939 terpakai dan ini ada terpakai Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai peguam dan juga hakim kes Chin Yoke. Dalam pengalaman Tuan Yang di-Pertua, tentu ada digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang harus di ambil kira adalah “pembuktian tanpa keraguan”. Tuan Yang di-Pertua, perkataan ini ada dalam Islam, dalam kes rogol khususnya. Dalam kes rogol, apa yang saya faham, Tuan Yang di-Pertua, barangkali rakan saya dari Kubang Kerian, saya sudah tukar nama dia. Boleh beri sedikit pertolongan jika perlu. Dalam kes rogol - di Mahkamah Syariah, pembuktian, apa pembuktian? Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan, saya nyatakan tadi, hanya jika ada empat orang Islam yang baik, empat orang yang nampak, the act of rape.

Baru sahaja satu kes, satu pendakwaan boleh mengatakan atas seseorang. Bukankah itu beyond, beyond reasonable doubt? Itu adalah beyond a shadow of a doubt! Jika dalam Islam boleh ada pembuktian without beyond a shadow of a doubt, kenapa dalam undang-undang biasa ini, satu kes pembuktian tanpa keraguan boleh digunakan? Ini bukan satu perkara yang biasa, sudah ada dalam negara ini semenjak tahun 1786. Bolehkah Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab? Dan saya harap, dia jawab, jangan lari. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang lain, yang tidak di ambil kira dalam fikiran saya, dan itu adalah mengenai apa yang sekarang wujud walaupun tidak ada dalam Kanun Acara Jenayah, tiga pilihan, apabila satu kes *prima facie* ada membuktikan oleh pendakwa....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: : *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan. Tadi, masalah empat orang saksi, itu bukan rogol, itu zina - adultery, rogol - raped. Jadi, zina itu yang empat saksi.

Tuan R. Karpal Singh: Sama, itu pun adalah satu kesalahan. *[Ketawa]* Satu kesalahan di mana apa yang harus dibuktikan adalah beyond shadow of the doubt. Jika ia boleh ada dalam Islam, kenapa tidak boleh ada dalam kes biasa? Kes yang dikendalikan, di bawah kes Kanun Keseksaan dan sebagainya. Islam sudah jadi the National Religion bagi negara ini, di dalamnya boleh ada pembuktian.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan tadi mengenai rogol dan zina. Kalau tidak dibetulkan, nanti dia ingat semua sama. *[Ketawa]* Zina - adultery ini dia consent, dia setuju. Rogol ini, kalau dia tidak setuju, jauh bezanya, Yang Berhormat, jangan kata sama. Itu sahaja pembedaan, bukannya sama.

Tuan R. Karpal Singh: Baiklah, boleh gunakan zina itu, tidak ada masalah. Yang penting adalah apa yang ditunjukkan dalam Islam ada, ada beban pembuktian yang lebih daripada apa yang ada dalam Kanun Acara Jenayah. Saya ingat itu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi, 3 pilihan apabila satu kes *prima facie* ada dibuktikan oleh pendakwa iaitu seseorang yang ada dituduh boleh memberikan keterangan di bawah “sumpah”. Boleh membuat satu kenyataan daripada kandang, daripada dock atau Tuan Yang di-Pertua, remain silent. Dan dalam kes ini, Tuan Yang di-Pertua, kes Mohamed bin Salleh versus Public Prosecutor, ada jawapan dalam kes ini, yang ‘citation’nya adalah; 1969 1MLJ, page 104, saya bacakan apa yang verbatim:

“ At the close of the case for the prosecution the trial judge through an official interpreter of the court called on the appellant for his defence, gave the appellant the usual warning and informed the appellant that he could consult his counsel if he so wished.

The usual warning is ordinarily in the following terms: “You may give evidence on oath in which case you have to do so from the witness box where you may be cross-examined like any other witness, or you may make a statement from the dock to the jury in which case you cannot be cross-examined by anyone, or you may remain silent”, and it is common ground that a “ warning” to this effect was given to the appellant” .

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah di muka surat 105, *“In our judgement, the right of the accused at his trial on a criminal charge to make an unsworn statement from the dock” dan ini adalah sama, yang tidak menyatakan apa-apa, “is not a procedural right but a substantive right of an accused and accordingly does not depend on whether or not there is a specific provision for it in the Criminal Procedure Code. It Seems to us beyond doubt that under our system of administration of justice, and it has been so throughout the entire history of our courts, a person accused of a criminal offence before an established court of justice has at his trial, as part of his defence, the right to make an unsworn statement from the dock if he wishes to do so. In our view this right can be taken away only by an express statutory provision to that effect”.*

Tuan Yang di-Pertua, di sini, jika apa yang ada diperuntukkan dalam seksyen 180, dan jika ini adalah tafsiran, apa yang dibuktikan adalah satu kes *prima facie* bukan beyond reasonable doubt kerana beyond reasonable doubt adalah selepas seseorang itu memberi keterangan daripada kandang saksi atau daripada dock, itu bermakna, Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang tidak memilih untuk tidak menyatakan apa-apa, to remain

silent, itu bermakna beliau akan disabitkan atas kes *prima facie* bukan beyond reasonable doubt.

Bolehkah dalam keadaan seperti itu, diadakan dalam sistem perundangan dalam negara kita? Seseorang boleh digantung atas kes *prima facie*? Satu kes yang tidak membuktikan beyond reasonable doubt. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada dibincangkan dalam kes Arulpragasam dan juga dalam kes Khoo Hi Chiang.

Tuan Yang di-Pertua, rakan saya tadi ada menyatakan kes Tan Boon Kean. Tuan Yang di-Pertua, Tan Boon Kean adalah satu kes yang diputuskan pada 9hb. November 1995. Tetapi, saya beri kronologi, saya beri Haw Tua Tau dan sebagainya....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Jelutong ya. Tadi, kalau saya tidak silap pendengaran, beliau menyatakan kalau tertuduh remain silent, dia boleh didapati bersalah. Kalau saya dengar macam itu. Jadi, saya hendak penjelasan bahawa dakwaan ini saya rasa tidak berapa tepat. Kerana dalam kes PP lawan Jumaat di CC of 92, kes di Singapura, walaupun tertuduh remain silent tetapi court berpandukan kepada kes Haw Tua Tau, dia telah membebaskan tertuduh.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam kes Haw Tua Tau, tafsiran adalah bagi seksyen 188(1) yang sama dengan seksyen 180 di sini. Iaitu di mana satu kes, if unrebutted would warrant a conviction, harus dibuktikan, bukan kes *prima facie*. Dalam Komanwel, saya ingat kali pertama perkataan *prima facie* ada digunakan, tidak ada dalam undang-undang lain, jika Kanun Acara Jenayah di Australia, New Zealand, Singapura, Brunei, about mana-mana negara lain...

Tuan Noh bin Omar: Saya minta penjelasan tadi, yang kata kalau tertuduh remain silent, berdiam diri, adakah dia apply kes principal Haw Tua Tau ini, adakah mahkamah ini akan mendapati dia bersalah kalau dia remain silent? Jadi, yang saya beri tadi, ada kes di Singapura yang PP lawan Jumaat, mahkamah bebaskan walaupun dia remain silent.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak faham, itulah masalah dia di sini. Masalah. Haw Tua Tau adalah bagi seksyen 188(1) sama dengan; dengan izin, “in Haw Tua Tau it was interpretation of section 188(1) of the Criminal Procedure Code, which in *parimative materia* to section 180(0) of our Code” bukan *prima facie* seperti ini. Tetapi, if a case which is unrebutted would warrant a conviction, itu bermakna beyond reasonable doubt. Faham?

Tuan Noh bin Omar: Sebab saya tidak faham, saya hendak tanya ini. *[Ketawa]* Ini Yang Berhormat Jelotong, saya tidak pertikaikan *prima facie*. Satu soalan saya, adakah kalau tertuduh itu remain silent bermakna dia akan didapati bersalah oleh pihak mahkamah? Itu persoalan saya, seperti Yang Berhormat cakap tadi. Yang Berhormat cakap tadi kalau tertuduh remain silent, maka mahkamah boleh dapati dia bersalah dan tidak ada keadilan. Itu yang saya faham.

Persoalan saya sekarang ini kalau tertuduh ini remain silence, maka mahkamah boleh dapati dia bersalah dan tidak ada keadilan - itu yang saya faham. Persoalan saya ini kalau tertuduh itu remain silence, boleh atau tidak pihak mahkamah mendapati dia bersalah? Saya menyatakan ini kerana ada kes di Singapura, walaupun tertuduh ini remain silence, dia dibebaskan oleh pihak mahkamah, itu sahaja yang saya tanya, bukan fasal '*prima facie*', fasal kes-kes lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Itulah apa yang saya mahu dapat tahu apa '*prima facie*' ini. Apa pendirian kerajaan bagi '*prima facie*'

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Kita tidak ada masa....

Tuan Noh bin Omar: Dia tidak jawab penjelasan saya berkenaan dengan '*prima facie*'.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu dapat tahu kerana...

Tuan Noh bin Omar: Dia tidak faham.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang cukup! Cukup!
Biarlah!

Tuan Noh bin Omar: Dia tidak tahu hendak jawab.

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh menjawab, barangkali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada di sini sekarang dia pun tahu '*prima facie*'. Lebih kurang pada bulan yang lepas beliau ada menyatakan "kembali kepada *prima facie* yang ada dalam undang-undang", apa itu? [Ketawa] Boleh beritahu sekarang, di mana ada perkataan '*prima facie*' di dalam Kanun Acara Jenayah, kembali ke mana?

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: [Masuk ke dalam Dewan]

Tuan R. Karpal Singh: Apa '*prima facie*' ini? Timbalan Menteri ada mengatakan Bahasa Malaysia saya tidak berapa tepat, tidak faham oleh kerana tidak memahami apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini, barangkali beliau boleh memberi penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang betul Yang Berhormat dari Jelutong tidak faham bahasa, sebab yang saya sebut ialah, saya tidak katakan peruntukan yang jelas dalam undang-undang. Saya kata ialah pentafsiran yang biasa secara conventional yang digunapakai. Bila kita sebut tafsiran biasa digunapakai memang dipertikai oleh Yang Berhormat, boleh dipertikai, tetapi apa yang kita guna sekadar tafsiran yang umum, yang digunapakai, tidak satu peruntukan yang jelas, satu tafsiran yang digunakan di dalam peruntukan undang-undang, dia ada beza.

Tuan R. Karpal Singh: Dia pun tidak faham [*Ketawa*] kena memberi pengajaran kepada dia, kena bayar yuran....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong sila teruskan.

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan R. Karpal Singh: Kerana Tuan Yang di-Pertua, '*prima facie*'. Apa '*prima facie*' adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi memberi penjelasan, apa '*prima facie*'.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang nanti sekejap, berilah dia bercakap dahulu.....

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah! Tidak payah! Lagi baik di sini saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Dia tidak faham! Dia tidak berani.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang sila.....

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah keriau!

Tuan Yang di-Pertua: Kita kena habiskan perkara ini.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada hak untuk memberi jalan, jika saya tidak beri, itu adalah pilihan saya. Apa mahu kacau lagi! [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang sila duduk. Sila teruskan.

Seorang Ahli: Jangan bising.

Tuan R. Karpal Singh: Menteri pun ada berbincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dia pun panik sekarang. [*Ketawa*] Apa ini semua.
[*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri '*prima facie*' bukan '*ex-facie*'. *Prima facie* is not on the face of it, '*ex-facie*' means on the face of it. *Prima facie* means at first sight. Bolehkah keterangan at first sight mencukupi? Mencukupi untuk pembuktian tanpa keraguan yang ada diperuntukkan dalam kes Chin Yoke. Saya baca lagi sekali kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak ada di sini, bagi '*prima facie*' ini yang menjadi tafsiran seksyen 180 yang sama dengan 173. Saya baca:

"It rebound taking all the evidences hearing before referred too, the Court finds that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction the Court shall record an order of acquittal."

Ini adalah peruntukan lama. Peruntukan baru dalam Rang Undang-undang ini adalah:

"When the case for the prosecution is concluded the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused."

Dan bagi tafsiran 173 iaitu 180 dahulu ini adalah apa yang dinyatakan dalam kes ini. Saya baca lagi sekali:

"In a submit trial if the Magistrate is satisfied that if unrebutted the evidences led by the prosecution would warrant the accused conviction, than the prima facie case has been made out against him."

Ini adalah tafsiran bagi 180 yang tidak ada dipinda lagi:

"In such a case the accused should be call upon the prima facie case made out against him. If however in the other hand offer being up such evidence for the prosecution the Majistrate is satisfied that he only unsafe to convict upon the evidences standing alone, than no 'prima facie' case has been made out and the accused should not be called upon to enter his fence".

Itu adalah '*prima facie*' , tafsiran ada diberi kepada perkataan '*prima facie*', tetapi bagi seksyen yang lama bukan seksyen yang baru ini - tidak ada nas atau undang-undang di mana-mana yang boleh dipakai bagi tafsiran 180. Ini adalah satu perkara yang amat serius, tidak boleh dimain-mainkan, nyawa beberapa orang tergantung kepada apa yang ada diselesaikan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi penjelasan, don't be afraid untuk mengaku, boleh.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Oh! No....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat you hold the floor itu, sila teruskan,

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, dia ada.....

Tuan Yang di-Pertua: ini bukan cara berbahas. Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Ini perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan itu caranya....

Tuan R. Karpal Singh: Dia rela [*kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit di sini ialah kedegilan Ahli Yang Berhormat menuntut supaya takrif '*prima facie*' diberikan dalam peruntukan undang-undang, yang kita telah membuat keputusan dan telah disebut dalam ucapan Yang Berhormat bahawa kita merasakan takrif itu tidak perlu ditegaskan berdasarkan pengalaman kes yang munasabah itu kes laws yang sebelum ini.

Jadi, kita gunakan tafsiran berdasarkan kenyataan dan peraturan dan juga keputusan mahkamah sebelum ini. Jadi, yang kita hendak bahaskan di sini ialah soal *burden of proof* dan tafsiran umum ialah ada bezanya tentang '*prima facie*' dan *beyond reasonable doubt* dan kita gunakan perbezaan dua kategori tafsiran itu. Saya fikir ini adalah satu hal yang secara umum diterima dan saya tidak fikir munasabah untuk Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menunjukkan kehandalannya seolah-olah ini satu perdebatan dalam mahkamah, kerana yang kita hendak tekankan di sini ialah ada masalah yang berlaku sebelum ini apabila '*prima facie*' itu diperjelaskan. Maka keputusan kerajaan ialah untuk membezakan istilah '*prima facie*' dengan *beyond reasonable doubt* dan ini telah ditegaskan dalam peruntukan undang-undang sekarang.
[Tepuk]

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan *burden of proof*. Saya langsung tidak faham.

Satu, burden of proof.

Dua, standard of proof.

Ketiga, honest of proof.

Ketiga-tiga ini adalah tidak sama, apa yang ada di sini bukan burden of proof,

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Standard of proof.

Tuan R. Karpal Singh:standard of proof, ada dinyatakan tadi 'burden' bukan burden, tetapi standard.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: I pay my correction - standard of proof.

Tuan R. Karpal Singh: Right. Okey. The standard of proof not burden. Saya mahu dapat tahu daripada kerajaan apakah tafsiran ini, jangan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong nanti dia akan menjawab kelak. Nantilah dia jawab, janganlah minta dia menjawab sekarang. Ucapkan ucapan Yang Berhormat itu, sudah selesai baru saya benarkan orang lain pula, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fikiran saya apa yang ada sekarang dalam undang-undang iaitu apa yang terkandung dalam seksyen 180 adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya sebagai peguam, ada beberapa kes di mana pendakwaan tidak membuktikan satu kes, bukan '*prima facie*' tetapi apabila seseorang ada memanggil untuk memberi jawapan di bawah 'sumpah' kerana beliau tidak melakukan apa yang beliau dituduh. Dia pergi ke kandang saksi bersumpah dan memberi keterangan, bukan senang untuk memberi keterangan bagi seseorang yang tidak bersalah, tidak berdosa oleh kerana dia nervous, panik menyatakan apa yang tidak boleh diterima oleh seseorang hakim.

Itu boleh melibatkan seorang yang tidak bersalah boleh didapati bersalah, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kes rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Puan Pendek dia masuk dalam kandang saksi, pengsan dua kali kerana takut apa yang dinyatakan tidak benar, lain bagi Puan Marina Mahathir.

Puan Marina steady, okay, dia memberi keterangan yang baik bagi pihak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tetapi bolehkah seorang yang tidak bersalah tidak

ada bukti yang mencukupi, tidak ada pilihan lain jika dia membuat satu statement daripada kandang tidak mahu bersumpah, hakim tidak menerima. Jika dia tidak menyatakan apa-apa, remain silence, dia ada pilihan itu, siapa pun tidak terima itu kena gantung.

Oleh itu adalah pembuktian yang 'a very heavy standard' atas pendakwaan untuk membuktikan kes pendakwaan at all stages of the court beyond reasonable doubts. Itukah rasional? Rasional yang digunakan di beberapa negara dan ada digunakan dalam negara kita sampai sekarang. Empat hakim dalam kes Arulpragasam yang ada diputuskan itu adalah standard of proof. Ini adalah bukan hakim-hakim biasa, Ketua Hakim Negara, Presiden Court of Appeal (Mahkamah Rayuan), Tan Sri Edgar Joseph Jr. - satu hakim dengan pengalaman luas, Hakim Wan Adnan. Ada dalam kes Khoo Hi Chiang, lima hakim lain di sana, lima dan empat jadi sembilan, itupun tidak diterima oleh mathematically superior 9 : 3 bukan 4 : 3. Ini adalah hakim-hakim yang meneliti undang-undang, semua hakim ada di sini [*menunjukkan sebuah buku*] barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada baca ini.

Dengan pengalaman sembilan hakim ini, kami mendapat satu keputusan yang baik akibatnya adalah rang undang-undang seperti ini yang tidak ada bermakna apa *prima facie*, siapapun tidak akan mengetahui, apa jadi?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya menolak satu andaian bahawa seolah-olah kita tidak langsung memikirkan soal pengalaman kita. Kalau disebut soal judgement yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, saya juga boleh meminjam kata-kata Hakim Tan Sri Azmi yang menyebut di antara lain dengan jelas dengan izin, "judges in Malaysia should continue" maknanya meneruskan menggunakan *prima facie* yang digunakan di dalam negara kita "which has served us well" maknanya satu hakim yang berwibawa juga memberikan satu pandangan bahawa

prima facie seperti yang ditafsirkan oleh kita digunakan dalam negara ini "and has served us well in this country"

Jadi, oleh kerana ada pertikaian kita merasakan perlu diberikan penjelasan. Saya menolak andaian seolah-oleh tidak ada kes sama sekali kemudian kerajaan membawa satu usul untuk bagi penegasan. Kes kita dipertahankan kerana tafsiran dari seorang hakim yang kita hormati menjelaskan bahawa mengikut pengalaman beliau sebagai hakim yang juga senior dalam negara ini, *prima facie* digunakan in the country dan "could served us well".

Tuan R. Karpal Singh: Seseorang menyatakan "served us well" minoriti mahu terima minoriti. Dia di antara tiga itu, empat yang lain, lima dalam Khoo Hi Chiang dalam itu memetikkan " served us well" dan dalam masa lampau tribunal "served us well".

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lagi point yang lain, Yang Berhormat jangan ulang-ulangkan point yang sama.

Tuan R. Karpal Singh: Ini untuk jawab apa yang dinyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, itu mana erti judgement, Malaysia demokrasi bukan? Majority rule.

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali DAP boleh rule sekarang dengan 9 orang, 8 orang di sini. Minoriti boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Tanjong Karang.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah lah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, sila. Jelutong sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam kes UEN di sana pun majoriti 3 : 2, 3 : 2 boleh diterima? Pandangan 2 : 2 tidak boleh diterima, di sini satu dari di antara tiga itu orang yang baik, itu kena terima. Bolehkah keadaan seperti itu dibiarkan seperti itu, tidak boleh. Adakah pandangan Majlis Kehakiman ini didapat sebelum rang undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini? Adakah perbincangan diadakan dengan Majlis Peguam itu?

Jangan salah faham, both side, neither side dalam perkara seperti ini, bukan tujuan saya hasrat saya untuk confuse everyone, itu bukan tujuan saya kerana saya tidak mahu satu keadaan di mana selepas rang undang-undang ini diluluskan masalah lebih daripada apa yang ada wujud sekarang. Hakim semua kelim-kabut tidak tahu apa *prima facie* ini, dan mendapat satu keadaan yang lebih buruk daripada apa yang dianggap buruk oleh kerajaan selepas kes Arulpragasam.

Saya berani memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini tujuan saya bukanlah untuk mengkritik kerajaan. Ini bona fide, pandangan yang saya harap boleh diterima dengan baik. Apa yang saya nyatakan tadi bukan ada retrospective bagi kes-kes yang sudah selesai. Saya mengalu-alukan cara itu baik, apa yang sudah selesai, apa bila undang-undang dan perbicaraan dijalankan atau rayuan dijalankan itu haruslah jadi undang-undang yang berkuatkuasa. Itu baik, tetapi *prima facie* ini, itu masalah dan saya harap kerajaan boleh memberi sedikit nilai barangkali daripada pandangan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Petaling Jaya Utara.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, keutaman pindaan ini berhubung dengan 'standard of proof' dikehendaki pada penutupan kes untuk pihak pendakwa dalam perbicaraan jenayah. Izinkan saya menjelaskan kedudukan undang-undang yang kurang tetap dalam perkara ini.

Di awal tahun 1940, 'standard of proof' yang dikehendaki adalah bukti tanpa keraguan yang munasabah pada penutupan kes untuk pendakwaraya. Kes-kes seperti Public Prosecutor v. Chin Yoke, Wong Ah Mee v. Public Prosecutor, Public Prosecutor v. Ha Jong Ru, dan Tan Ah Ting v. Prosecutor mencontohi kekerasan undang-undang dalam perkara ini.

Akan tetapi, dalam kes Singapura iaitu Haw Tua Tau v. Public Prosecutor, satu decision Privy Council. Yang Berhormat Jelutong selalu memuji orang Britain memutuskan bahawa ujian yang sepatutnya digunakan dalam menubuhkan kes *prima facie* bukanlah dengan taraf bukti tanpa keraguan yang munasabah. Lord Diplock berpendapat bahawa mahkamah hanya perlu memastikan bahawa soalan yang perlu ditanya adalah soalan "hypothetical" dan bukan soalan mengenai fakta-fakta, yang mana akan diandaikan sebagai tepat dan akan hanya perlu ditimbang oleh penutupan kes.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, mahkamah mesti mempertimbangkan sama ada tertuduh boleh disabitkan di mana suatu kes *prima facie* telah ditunjukkan pada penutupan kes untuk pihak pendakwa. Kedudukan ini telah pun diikuti oleh kes-kes Malaysia seperti Lee Sin Peng, Rangunathan v. Public Prosecutor, Public Prosecutor v. Abdullah bin Ismail. Seterusnya, dalam kes Munusamy v. Public Prosecutor, walaupun didakwa mengikuti keputusan Haw Tua Tau v. Public Prosecutor tetapi sebenarnya bertentangan dengan kes Haw Tua Tau.

Berikutan ini, kes Mahkamah Persekutuan Khoo Hi Chiang memutuskan bahawa standards of proof sepatutnya bukan *prima facie*, tetapi tanpa keraguan yang munasabah.

Yang Arif Tan Sri Edgar Joseph Junior memutuskan bahawa sepatutnya ujian penilaian maksimum ke atas keterangan iaitu tanpa keraguan yang munasabah.

Ini kemudian diikuti oleh satu lagi kes Mahkamah Persekutuan iaitu Tan Boon Tung Kean di mana Yang Arif Tan Sri Hakim Mohamed Azmi memutuskan bahawa, dengan izin,

“It is intolerable in our adversarial system of justice it have to the accused actually found guilty beyond reasonable doubt twice. Once at the close of the prosecution’s case and again at the end of the trial.”

Konflik dalam pendekatan yang diambil oleh para hakim yang bijaksana mencerminkan ketidakseragaman dan ketidaktentuan undang-undang dalam perkara ini. Adalah amat terang bahawa undang-undang mestilah dipinda memandangkan kekeliruan dalam badan kehakiman dan pindaan tersebut mestilah kepada kes *prima facie* dan bukan taraf bukti tanpa keraguan munasabah sekiranya keadilan akan dibuat.

Alasan-alasan untuk kes *prima facie* adalah begitu asasi kepada sikap keadilan setiap orang awam dan peguam dalam sistem ever serial jenayah sehingga soalan itu sepatutnya tidak dibangkitkan. Pendek kata, ia menjadi sebagai satu sindiran kepada sistem keadilan di negara ini kerana tertuduh akan kehilangan bright of silence kerana pendakwaraya akan membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah.

Kepentingan masyarakat dan rakyat tidak akan dipelihara jika pendakwaraya dikehendaki membuktikan ditutupkan kesnya dengan tahap yang begitu tinggi. Tahap begini menjadikan kebanyakan kes jenayah tidak dilanjutkan oleh pihak pendakwaraya. Perlindungan untuk tertuduh adalah memadai walaupun dengan kes *prima facie* kerana pada akhirnya pendakwa mestilah juga membuktikan tanpa sebarang keraguan yang

munasabah. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dalam mencepatkan rang undang-undang ini demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan baru-baru ini juga telah meminda Akta Copywrite untuk membenarkan reverse engineering di negara ini demi kepentingan nasional. Ini berikutan kes Mahkamah Agung Linatex yang memutuskan bahawa peniruan dengan reverse engineering adalah tidak sah di sisi undang-undang pada masa itu. Itu satu kes yang saya pun menjadi Council, tetapi saya tidak berbahas dalam rang undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu matlamat Parlimen adalah memastikan undang-undang yang digubal adalah demi kepentingan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca dengan penuh minat satu surat yang ditunjukkan kepada Ketua Pengarang *The New Straits Times* hari ini bertajuk, "*Hillcrest Incident - A Lesson for Big Business*", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan membaca satu perenggan surat tersebut,

"It is unfortunate the lawyer can be "bought" to fight for their clients' cause without considering the public interest. I once read in "The Far Eastern Economic Review" that the Prime Minister, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad was asked why he thought a doctor made a better politician than a lawyer. His reply was, "A doctor who always ask questions to find the truth and try his best to cure his patients, while a lawyer who asks questions to find out how to defend his clients, even if he is wrong."

Jikalau saya dibenarkan dengan menambah, adakah kepentingan rakyat dan keadilan dipelihara dengan mengadakan standard bukti.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjung Karang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Ya, beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya? Hendak beri, sila duduk. *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Hendak tanya tadi, pendapat yang dibaca di dalam *The New Straits Times* tadi itu, lawyer yang Yang Berhormat cakap tadi, sebab kita ini banyak jenis lawyer. Lawyer yang defend dan concern clientsnya walaupun salah ini, setuju atau tidak dengan pandangan saya bahawa lawyer yang selalu pergi ke mahkamah ini, lawyer yang orang kata kaki tidak ada duit, jadi clientsnya salah pun dia akan defend macam-macam, sebab dia tidak ada peluang untuk mendapat income. Jadi, tidak semua lawyer. Setuju atau tidak, ini hanya lawyer yang kaki pergi ke mahkamah, yang suka memutarbelitkan fakta, seperti yang Yang Berhormat dari Jelutong amalkan ini. *[Ketawa]*
[Tepuk]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam pun ada banyak jenis. Ada yang baik dan ada yang tidak baik.

Seorang Ahli: Loyar buruk!

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Loyar buruk pun ada!

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat dari Jelutong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Tak beri jalan.

Beberapa Ahli: Tak payahlah!

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Tak payahlah! Saya tak buat reference kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Tak payahlah.

Jikalau saya dibenarkan untuk menambah, adakah kepentingan rakyat dan keadilan dipelihara dan mengadakan standard bukti tanpa keraguan yang munasabah ataupun ia memudahkan kerja peguam dalam pembelaan kes-kes jenayah?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada sebuah surat khabar dari *The Star*, saya hendak bacakan, dengan izin,

*“Student Looking For a Job Found Dead In Bank Building” - An
18 years old student, looking for a job was found dead at Menara
Maybank in Jalan Pudu on Monday night.”*

Ada satu gambar di sini, Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil menunjukkan gambar di dalam akhbar tersebut]*

*“His father’s grief, it is short, Yap being consoled by his son at
Menara Maybank on Monday night.”*

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, to the Honourable member from Jelutong, you asked this father whether the burden of proof should be beyond reasonable doubts at the prosecution’s case? His answer is “No! he is not with you.” I am not with you and I think the people are not with you on this matter. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

5.17 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah banyak dengar cerita dan ceramah undang-undang tadi, macam duduk dalam universiti dahulu. Dengar Yang Berhormat dari Jelutong cakap, argument and reconciliation of the case, macam-macam sekali.

Jadi, saya sudah dengar daripada beberapa kes yang dibawa, tetapi tidak ada satu perkara pun yang Yang Berhormat dari Jelutong bawa soal apa yang negara ini kehendaki apabila kita meminda undang-undang ini. Saya sebut satu persatu persoalannya. Soal pertama, dia bawa soal majority judgement yang dibuat di dalam kes-kes Yang Berhormat dari Jelutong.

Dalam mempertimbangkan soal-soal majority judgement yang dibuat di dalam kes-kes yang tertentu, Yang Berhormat dari Jelutong tidak pernah mengambil kira decenting judgement yang dibuat oleh pihak minoriti dalam kes-kes tersebut. Tetapi yang ganjilnya, ditotalkan semua orang yang membuat majority judgement di dalam beberapa kes itu, dikumpulkan sekali dan disebut 9 lawan 3. Katanya, “Kenapa tidak dengar yang 9, kenapa dengar yang 3? Tetapi kalau soalan Yang Berhormat dari Jelutong itu dibuat di sini, sepatutnya semua ahli DAP sudah keluar kerana kita Barisan Nasional ini ramai sangat. Besar majoritinya. Kita tidak boleh dengar DAP pun, kerana sedikit sangat. Jadi, dalam mempertimbangkan satu-satu isu, kita mesti ingat juga ada kalanya decenting judgement - judgement minoriti ini mesti kita dengar rasionalnya, kebijaksanaan judgementnya mereka mesti kena baca juga!

Jadi, di sini kalau kita pandang semua kes daripada kes Singapura Haw Tua Tau, kes Khoo Hi Chiang dan sebagainya, semua kes ini menilaikan peruntukan di bawah seksyen 180 dan 173(f), apa interpretasi dia? Dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kata tidak ada undang-undang pun menunjukkan yang itu *prima facie* kes apa makna dia? Jadi, kalau orang bijaksana macam Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu, kalau undang-undang ini sudah dipinda, dibawa dan digunakan di mahkamah, oleh kerana dia punya persuasive power dalam mahkamah itu nanti kenapa pula tidak gunakan persuasive power di mahkamah untuk menginterpretasikan makna *prima facie* ini? Makna baru dia di bawah undang-undang ini? In previous interpretation.

Jadi, dalam keadaan ini kenapa pula kita hendak oppose tindakan dan usaha kerajaan untuk mengaturkan perkara-perkara yang dinampakkan ada confusion. Confusion ini adalah untuk mengatasi masalah-masalah yang dia katakan tadi ada judgement majority 3 : 5, ada yang 4 : 3, ada orang yang tidak bersetuju, ada orang bersetuju. Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita mesti menerima hakikat iaitu ada confusion undang-undang. Jadi, dalam keadaan confusion itu kerajaan menilai kita mesti pinda memberikan satu definisi yang dianggap betul ataupun mencukupi dari pihak kerajaan, menilai kehendak negara, menilai juga kepentingan orang yang dituduh di bawah undang-undang itu nanti.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, undang-undang baru akan kita gunakan. Dalam interpretasi undang-undang baru itu kenapa pula orang yang dikatakan bijaksana ini, banyak mengendalikan kes, tidak ada orang lain lagi sebijak dia, tidak gunakan kebijaksanaan dia di mahkamah apabila undang-undang diguna pakai nanti untuk menginterpretasikan, kerana itu adalah tugas mahkamah dan tugas peguam-peguam yang pergi ke mahkamah untuk menolong mahkamah menginterpretasikan undang-undang itu nanti. Jadi, di manakah letak dan maknanya *prima facie* itu dalam soalan standard of proof untuk tiap-tiap peringkat perbicaraan sama ada *prima facie* itu didefinisikan ataupun ditafsirkan sebagai *beyond reasonable doubt* ataupun something in between *prima facie* itu sendiri yang pernah orang tahu dengan *beyond reasonable doubt*.

Kita boleh cari definisi dia. Jangan kita berasa angkuh, Tuan Yang di-Pertua. Kita datang ke sini oleh kerana kita datang ke sana, kita sendiri sahajalah yang besar, kita sendiri sahajalah yang bijak. Sampai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri datang di sini pun dia buat macam tidak ada hormat langsung, saya tidak sukalah tengok benda macam ini. Kita tunjukkan hormat sedikit. Dalam kita membincangkan perkara

yang serius kita tunjukkan hormat barulah hormat itu datang kepada kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam kita mempertimbangkan perkara yang serius kita menunjukkan seriousness kita, dengan izin, dengan membincangkan perkara yang substance, bukan menunjukkan kebijaksanaan dan self emotion kita sendiri. Jadi, keangkuhan kita itu, itulah orang-orang kita memperlikan keadaan ini. Benda-benda yang tidak betul pun kita hendak menegakkan benang yang basah. Jangan anggap kita punya interpretasi dan kita punya pandangan sahaja yang betul. Kita mesti menerima hakikat, ada juga walau sebijak mana, ada kalanya juga kelemahan kita, ada kebodohan kita. In fight of the infafaction of this undang-undang kita boleh membuat interpretasi kita sendiri. Mahkamah, saya percaya supreme membuat interpretasi undang-undang.

Kalau ditakdirkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong boleh persuade mahkamah mengatakan yang definisi *prima facie* dalam undang-undang baru ini ialah *beyond reasonable doubt*, kemungkinan kita bawa ke sini semula, amendkan, beri definisi, sekarang tidak ada definisi kerana menurut Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, *prima facie* tidak ada definisi, tidak ada dalam undang-undang pun. Jadi, apa yang kita dengar tadi soalan social implication, kita tidak dengar, soalan kepentingan negara kita tidak dengar, apa yang kita dengar macam 'lecture' profesor universiti dengan budak-budak di kelas dia. Apa yang saya kata itu yang betul, apa yang dia cakap itu semua salah. Profesor-profesor lain pun sudah jadi salah semua. Hakim-hakim yang decenting judgement dalam kes-kes yang dia sendiri sebut pun semua tidak pakai, tidak bijaksana, kerana dia sudah pilih dah, kita sudah pilih kerana kita datang ke sini kerana kita hendak pilih inilah yang betul.

Tetapi, kalau kerajaan buat sedemikian, kerajaan salah. Jadi, saya hairan betullah. Jadi, patut jugalah saya tidak payah ada preparation dengan argument macam ini, sebab

dia 'one sided' dan tengok dia sendiri sahaja. Every morning looks at the mirror dan kata "I'm the prettiest and the handsomest of all", tetapi kalau sekarang memanglah saya boleh banding dengan dia [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, ada kes saya cuba sebut tadi, saya tidak hendak sebut lagi dah kerana tidak guna lagi dah. Saya tidak hendak berlecture, saya tidak hendak berceramah, saya tidak hendak buat orang lain macam kecil sangat. Kita berbincang soalan undang-undang hendak melulus, sama ada kita gantikan undang-undang yang lama yang menggunakan apa dia kata di sini, dia kata "Which it unrebutted would warrant his conviction" yang didefinisikan sebagai *beyond reasonable doubt* ataupun kita gantikan phrase itu dengan perkataan *prima facie* yang belum ada definisi kata dia. Kalau tidak ada definisi, kita buatlah nanti dalam mahkamah, apa masalah dia? Tidak ada masalah langsung.

Jadi, daripada segi sama ada kita dengar amendment dia, prejudice dia hak-hak orang yang dituduh belum lagi tertentu ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana mahkamah masih berhak finally, at end of the case, masih dicari juga yang sama ada evidence itu sudah di 'produce' oleh pihak prosecution, sudah *beyond reasonable doubt* ataupun tidak?

Jadi, ketidakpercayaan yang dibangkit oleh pihak Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, tetapi sedap juga dengar undang-undang dia itu kerana cerita dia menunjukkan kerajaan itu memang langsung tidak ada tanggungjawab, tidak langsung memikirkan hak-hak orang lain, tidak langsung memikirkan yang undang-undang jenayah itu memberi keadilan kepada masyarakat di negara ini bahkan, the basic undang-undang kita, tiap-tiap orang sebelum dia didapati bersalah, ia dianggap sebagai tidak bersalah ataupun innocent, tetapi benda asas ini tidak difikirkan juga, kerajaan masih simpan benda ini, masih dipertahankan tetapi bagi pihak pembangkang, benda ini macam sudah masuk ke dalam longkang semua.

Jadi, saya berharaplah pihak, kalau kita tidak percaya nanti kita boleh tunjukkan sama ada argument daripada dia ataupun sokong daripada apa yang saya sebut sama ada undang-undang ini kita boleh terima untuk mendatangkan orderliness dengan izin, dalam keadaan yang confusion decision oleh mahkamah yang belum lagi mendapatkan persetujuan sebagai unanimous mereka kerana masih ada decenting judgement tidak bersetuju dengan pendapat hakim-hakim lain. Bukan makna hakim itu tidak bijak. Pendapat dia dalam sistem perundangan kita yang diwarisi daripada British memang macam itu, peguam memang buat macam itu.

Kalau dia pergi ke sana, dia argue the best of his ability for his client punya case walaupun at the end of the day kalau kalah, dia akan menerima hakikatnya, that is the law. Tetapi kalau kerajaan menerima hakikat itu tetapi memikirkan yang masyarakat is better serve with something else, dengan izin, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab membuat pindaan. Itulah kenapa undang-undang ini dipinda untuk mengatasi masalah-masalah dan confusion yang telah berlaku di beberapa kes yang telah disebutkan tadi. Saya tidak payah ulas lagi, nota saya sudah saya simpan tepi, cakap cerita lain. Cerita yang betul-betul relevan, bukan hendak jadi pensyarah dalam universiti. Ini kod zina dengan rogol pun berlainan, tetapi cuba hendak sebut juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tengok undang-undang ini spell-out very simply. The close prosecution case, kata dia, *prima facie* case. Okay, apa definition '*prima facie*' case belum tahu lagi. Dia kata, belum tahu, okay, kita terima belum tahu. Biar pergi mahkamah, nanti kita akan define apa maknanya '*prima facie*' case? Selepas itu, yang defence ini diberi tiga choice; pertama, berdiam diri; kedua, beri keterangan di'dock' ataupun dalam kandang dia sendiri; selepas at the end of the day, the court mesti cari sama ada the case if prove beyond resonable doubt. Jadi, ini tugas mahkamah sudah disediakan dalam undang-undang ini very clearly, hanya standard of proof, it true, apa

kata Jelutong. Dia tutup *prima facie* case, tidak diketahui apa standard dia, sama ada *beyond reasonable doubt* ataupun *prima facie* case itu another creature from the other part of the world which we never heard of, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong keadaan-keadaan yang sedemikian supaya benda yang ada confusion kita aturkan, tetapi kalau mahkamah mengadakan satu interpretasi yang berlainan sedikit nanti, tidak mengikut apa yang telah dikehendaki dalam undang-undang ini kerana bila mahkamah menginterpretasikan undang-undang, dia tidak pandang sangat apa yang Parlimen ini kehendaki, dia interpret sendiri, dia takrifkan cara dia sendiri. Tetapi walaupun saya dengar ada satu kes di House of Lord di England mengatakan yang mahkamah mestilah menyelidik apa sebenarnya the intention of Parliament semasa meminda ataupun membuat undang-undang, bukan bergaris panduan dengan akal dan peribadi kebijaksanaan hakim itu sendiri untuk menginterpretasikan. Jadi, kalau itu berlaku, kemungkinan explanation, dengan izin, yang di belakang itu diambil kira semasa menginterpretasi apa ertinya *prima facie* itu nanti. Jadi, saya jemputlah Yang Berhormat Jelutong buatlah tugas yang betul-betul dalam mahkamah semasa membawa kes-kes ke mahkamah supaya kita hendak tahu juga apa definition *prima facie* ini sebelum pertuduh boleh di'call to make his defence'.

Saya hendak beri peluang kepada orang lain bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan perkataan yang sedemikian saya menyokong, jangan bercerita hal lain, tidak payah main-main dengan Timbalan Perdana Menteri, tidak payah main-main dengan Menteri, mereka ini buat kerja dengan ikhlas, bukan tujuan keuntungan peribadi, bukan hendak raut banyak kes lagi sedang kita dapat banyak kes dan dapat banyak wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.

5.34 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan pindaan Akta Kanun Prosedur Jenayah pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur jenayah yang kita hendak pinda ini ialah untuk kita mencari keadilan, bukannya untuk kepentingan pihak pembela atau kepentingan pihak pendakwa. Yang kita hendak buat ini adalah untuk menjelaskan prosedur jenayah ini kepada mahkamah untuk mencari keadilan. Kita tidak mahu berlaku yang tidak bersalah kita akan hukum, manakala yang benar-benar bersalah kita akan lepaskan. Kalau kita tidak jelaskan dengan seterang-terangnya mengenai prosedur jenayah ini, khasnya seksyen 173 dan 180 yang menjadi kontroversi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menggunakan standard of proof di semua peringkat, standard of proofnya ialah *beyond reasonable doubt* ataupun melampaui keraguan yang munasabah di setiap peringkat, maka sudah tentu amalan ini bertentangan dengan sistem Inggeris yang kita guna pada hari ini iaitu English advisable system yang kita telah gunapakai hingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem yang kita guna ialah pendakwa hendaklah mengemukakan satu kes *prima facie* sebelum yang dituduh boleh dipanggil membela diri. Di akhir perbicaraan, pendakwaan hendaklah melaksanakan kewajibannya di bawah Common Law untuk membuktikan bahawa yang dituduh adalah bersalah melampaui keraguan yang munasabah. Pendakwaan mesti buktikan sebelum satu keputusan dibuat untuk yang dituduh membela diri ialah selepas hujah dibuat bahawa tidak ada kes untuk dijawab. Berasaskan keterangan yang telah dikemukakan, yang dituduh boleh disabitkan kesalahan yang menjadi satu persoalan undang-undang. Kes sedemikian menunjukkan satu kes *prima facie* telah dibuktikan, bukan satu kes yang melampaui keraguan yang

munasabah. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini amat perlu kerana mahkamah berkewajipan mentafsirkan perkataan yang digunakan oleh badan perundangan dan.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Batang Lular bangun.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak habiskan ini dahulu. Dan tidak ada kuasa untuk mengisi mana-mana kekosongan yang dizahirkan. Perkataan-perkataan yang mudah dan jelas hendaklah diberi makna biasa sekalipun tafsiran sedemikian membawa kepada anomali yang nyata. Sila.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat. Konsep undang-undang jenayah yang kita praktis ialah 'man is innocent until proven guilty'. Jadi, kalau sampai ke peringkat penghabisan kes prosecution, orang itu terpaksa 'to prove the case beyond reasonable doubt', maknanya sebelum defendant ataupun accuse person to make his defence, dia sudah didapati bersalah. Adakah perkara ini bertentangan terus dengan maxim yang telah kita terima sebagai 'the man is innocent until proven guilty'. Jadi, maknanya di pertengahan kes kita dapati yang si accuse itu sudah guilty and he got to prove his innocent. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya maksudkan tadi bahawa kalau kita pakai hujah dalam kes Arulpragasam dan juga hujah Yang Berhormat dari Jelutong tadi, maknanya kita seolah-olah bertentangan dengan sistem yang kita amalkan sekarang, yang sedang kita praktis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai ucapan Yang Berhormat dari Jelutong tadi mengatakan bahawa keputusan yang menyokong standard of proof untuk semua peringkat mestilah melampaui keraguan yang munasabah, kerana dia kata 9:3 - Khoo Hi Chiang dia kata 5 dan Arulpragasam - 4. Tetapi saya hendak menarik perhatian Dewan ini bahawa kita juga jangan lupa di dalam Malaysia sendiri banyak kes

yang mahkamah putuskan menyokong keputusan Haw Tua Tau. Satu kes, Ragonathan tahun 1982, kita ada Munusamy tahun 1987, kita ada Junaidi tahun 1993, sampailah tahun 1994 - Khoo Hi Chiang timbul. Walau bagaimanapun, pada tahun 1995, Tan Boon Kean tidak ikut Khoo Hi Chiang, dia ikut Lord Diplock punya prinsipal di dalam Haw Tua Tau, hanya tahun 1996 Arulpragasam ditimbulkan dan majoriti 4:3 bersetuju dengan hujah-hujah pihak - ini pihak dari Jelutonglah yang menjadi peguam pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia sahaja kalau hendak ikut ratio dia - 2:4 - 2 Khoo Hi Chiang dan Arulpragasam - satu line, sama keputusannya. Tetapi 4 kes lagi dia tidak setuju dengan keputusan yang hendak minta membuktikan setiap peringkat *beyond reasonable doubt* ini.

Kita tengok pula di Singapura, pada tahun selepas 1989 kes Rosli bin Ahmad, 2 MLJ 65, dia setuju dengan kes Haw Tua Tau. Kemudian, kes Sim Ah Cheong 1991, 2MLJ, Mahkamah Rayuan (Court of Appeal) di Singapura juga bersetuju dengan Haw Tua Tau. Dan lagi satu kes yang menarik ialah kes Ng Then Shuang 1995, 2 SLR, kes ini Yang Berhormat dari Jelutong jadi peguam bela dia, dia pergi ke Singapura, dia berhujah di depan Court of Appeal di Singapura menggunakan land argument dia seperti kes Khoo Hi Chiang, tetapi mahkamah Singapura tolak argument Yang Berhormat dari Jelutong.

Jadi, di Singapura dia sudah tidak dapat tempat, sudah ditolak hujahnya. Di Singapura ketiga-tiga kes yang diputus oleh Court of Appeal menyebelahi kepada Haw Tua Tau yang kita hendak pinda pada hari ini, yang kita bersetuju pinda mengikut prinsip yang diputuskan dalam kes Haw Tua Tau. Jadi, di Malaysia kita ada 4:2, di Singapura 3:0. Dia pun kalah di Singapura. Konon hebatlah hendak pergi berdebat bawa kes Ng Then Shuang di Singapura mengenakan hujah-hujah Khoo Hi Chiang. Tetapi dia kalah. Tetapi nasib dia baiklah dia balik ke Malaysia dalam kes Arulpragasam dia menang, 4:3. Itu baru dua negeri.

Kita tengok di negeri-negeri lain. Dalam negeri lain, seperti yang dinyatakan tadi, kita tengok di England, R. Mishell v. Galvarage 1981. Ini pun memakai prinsip yang sama, Haw Tua Tau. Kemudian di Australia, May v. Sullivan, tahun 1954, 1955

52CLR/654. Di New Zealand ada kes lagi Auckland City Council v. Brailey, 1968, 1MJLR/103. Lagi satu kes yang menarik di Brunei, di Brunei ini kes baru - 1994, iaitu kes Brunei court of criminal appeal, dia reaffirmed Haw Tua Tau dalam kes Tiu See Soon melawan Pendakwaraya pada rujukan 1995/2CLR/179. Di dalam court of criminal appeal di Brunei, dalam kes tersebut, dengan izin, "the court declared that the Supreme Court of Malaysia has misunderstood the opinion of Lord Diplock and emphasized that the principle the issue of fact should not be decided even provisionally until the whole of the evidence in the case has been heard is fundamental to adversarial procedure." Dia sendiri cakap, dia kata kes Khoo Hi Chiang - ini bukan saya cakap, ini mahkamah Brunei mengatakan bahawa kita punya Supreme Court sudah misunderstood the meaning apa Lord Diplock cakap.

Tuan Yang di-Pertua, daripada negara-negara yang saya cakap tadi, kita jangan tengok di Malaysia, sebab kita negara-negara Komanwel, tradisi kita mengikut sistem common law dan kita gunapakai sistem Inggeris, di mana negara-negara yang saya sebut tadi daripada England, Australia, New Zealand, Brunei, Singapura, semuanya pakai prinsip Haw Tua Tau. Sudah sampai masanya pada hari ini kita mesti menerima dan juga menggunakan prinsip ini, di mana kita pada hari ini menjelaskan dengan lebih jelas supaya mahkamah lebih senang untuk membuat keputusan.

Mungkin ada pihak yang mengatakan bahawa kalau prinsip *prima facie* ini kita gunakan di akhir kes pendakwaan, dia kata kalau macam ini mungkin ramai pula tertuduh ini tidak boleh dibebaskan, kerana standard evidential sahaja, lebih ringan. Dia kata, kalau macam ini mungkin lebih susah, mungkin ramai tertuduh ini akan didapati bersalah. Tetapi dalam kes Singapura, pada tahun 1993, Public Prosecutor v. Wong Wai Hoong dan yang lain, mahkamah telah membebaskan tertuduh yang kedua selepas pendakwa

memberikan hujahnya. At the end of the prosecution case mahkamah dapati tertuduh kedua tidak bersalah, maka dia dibebaskan.

Begitu juga satu lagi kes, Tan Siew Chong, tahun 1993 juga, 2SLR/59, tertuduh ketiga pula dibebaskan di akhir kes pendakwaan. Jadi, tidak ada sebab kalau kita mahu memakai kes *prima facie* ini kita takut bahawa yang tertuduh ini nanti susah untuk kita lepaskan. Mungkin kita rasa ada pendapat menyatakan, misalnya Jelutong kata kalau remain silence, mungkin kita akan didapati bersalah. Di Singapura juga yang saya nyatakan tadi kes Public Prosecutor v. Jumaat, CC9/92, walaupun tertuduh remain silence, tetapi mahkamah membebaskan tertuduh at the end of the prosecution case.

Tuan Yang di-Pertua, itu hujah-hujah yang saya hendak nyatakan tadi....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Noh bin Omar:.....bahawa banyak kes-kes di dalam mahkamah, jangan kita tengok simple majority 9:3. Kita tengok keputusan mahkamah secara keseluruhannya, barulah kita dapat gambaran yang jelas.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih. Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya cukup seronok mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya ingin minta penjelasan pendapat beliau. Dengan adanya pindaan yang dibuat, yang dibentang di Dewan yang mulia ini, apakah pendapat Yang Berhormat sama ada prinsip-prinsip yang digunapakai dalam mahkamah sekarang ini ekoran daripada beberapa kes akan lebih menyenangkan semua pihak, adakah Yang Berhormat berstuju? Terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Yang saya nyatakan tadi, tujuan kita pinda ini untuk keadilan semua pihak. Saya tidak fikir kalau kita pinda undang-undang ini akan memberi

kemudahan atau akan ada kelebihan kepada pihak-pihak pembela ataupun pihak pembangkang. Yang pentingnya keadilan yang kita hendak timbulkan, biar mahkamah putuskan. Macam definisi *prima facie*. Kalau kita semua sudah kata dalam undang-undang, nanti Jelutong sudah tidak ada peluang hendak cari makan, semua established stated, bila established stated, mahkamah tidak boleh buat apa. Jadi, kita beri peluang kepada Jelutong cari makan sedikit. Biar dia ada point untuk tafsir *prima facie*. Kalau tidak nanti kita established stated, mahkamah matured, kena ikut apa yang kita putuskan. Jadi, saya setujuh jangan kita beri *prima facie*, bagi peluang Jelutong mencari duit. Sebab peguam yang pergi mahkamah peguam tidak ada duit.

Dia kata saya tidak pergi mahkamah, saya hendak beritahu kita banyak jenis peguam. Kita ada corporate lawyer, kita ada litigation lawyer, kita ada convention lawyer. Ini semua mesti ada backing yang kuat. Saya memang tidak pergi ke mahkamah, Yang Berhormat, sebab saya tahu kadang-kadang client dia mengaku salah, kita hendak bela buat apa. Salah dari segi Islam. Jadi, biar saya concentrate on korporat lawyer, jadi corporate lawyer, duit pun banyak. Sekali saya sign, sama pendapatan sebulan dengan Yang Berhormat. Ini pergi mahkamah belum tentu lagi orang bayar kita punya fees.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya....ya!

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini sekiranya mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaraya telah membuktikan kesnya dengan melampaui keraguan yang munasabah ataupun *beyond reasonable doubt* di akhir pendakwaan kes, pihak pendakwaraya, maka keadaan sedemikian akan mewujudkan beban yang sangat berat terhadap pihak tertuduh untuk menafikan setiap dan segala pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Ini jelas menimbulkan ketidakadilan terhadap tertuduh bila tertuduh sememangnya nyata mungkin belum tentu didapati bersalah.

Penggunaan atau pemakaian standard pembuktian yang tinggi, iaitu melampaui keraguan yang munasabah pada peringkat pertama perbicaraan adalah tidak adil terhadap pihak tertuduh, kerana seolah-olah hakim ataupun mahkamah telah pun membuat keputusan muktamad sebelum memanggil tertuduh untuk membuat pembelaan. Akibatnya beban membuktikan ataupun burden of proof telah beralih daripada pendakwaraya kepada tertuduh. Jelas sekali ini adalah tidak adil kerana beban membuktikan dalam undang-undang jenayah tetap dan senantiasa dipikul oleh pendakwaraya dari mula perbicaraan hingga ke akhir perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua kalau kita lihat pembuktian tanpa apa-apa keraguan yang munasabah menghendaki standard pendakwaan yang tinggi di pihak pendakwaraya, kalau kita tidak ubah undang-undang ini, akibatnya tahap awal penyiasatan akan memakan masa yang lama kerana untuk memenuhi keperluan standard pembuktian yang tinggi yang dipertanggungjawabkan terhadap pendakwaraya. Pada masa dahulu mungkin ianya memakan masa sehari untuk menutup kes pendakwaraya. Sekarang ini mungkin satu hari, dua hari kes pendakwaraya boleh habis dengan kes dia. Tetapi kalau akibat daripada tahap pembuktian yang tinggi at the end of the prosecution case, maka sudah tentu pihak pendakwaraya memerlukan masa yang panjang kerana penyiasatan akan mengambil masa yang lebih lama. Ini menimbulkan kesan negatif terhadap semua lapisan masyarakat yang membayar cukai, kerana lebih lama penyiasatan dijalankan, maka lebih banyak wang pembayar cukai digunakan. Ini sudah tentu, kalau standard terlampau tinggi *beyond reasonable doubt* di peringkat pertama, yang kita panggil di peringkat *prima facie* case, sudah tentu pihak pendakwa dan juga pihak penyiasat akan mengambil masa. Dia kena siasat betul-betul. Kalau tidak, dia tidak boleh bawa kes ini ke mahkamah.

Dan begitu juga pembuktian tanpa apa-apa keraguan yang munasabah di akhir kes pendakwaraya ini juga akan mengakibatkan pembebasan pihak tertuduh di peringkat awal. Ini terjadi apabila pendakwaraya gagal memenuhi standard pembuktian yang tinggi itu. Ada kemungkinan terdapat tertuduh yang sememangnya telah melakukan jenayah dibebaskan dan dilepaskan pada peringkat pertama perbicaraan, cuma akibat pendakwaraya gagal membuktikan tanpa apa-apa keraguan yang munasabah pada peringkat pertama itu selepas ianya menutup kesnya. Ini sememangnya bukan dikehendaki oleh semua masyarakat.

Kesan negatif yang ketara ialah jenayah akan meningkat berlipat ganda kerana kesukaran untuk mensabitkan tertuduh dengan jenayah yang dilakukannya atas alasan bukti-bukti pendakwaan yang ada pada pihak pendakwaraya tidak mencukupi untuk menimbulkan pembuktian tanpa apa-apa keraguan yang munasabah. Akibat keperluan pembuktian pada tahap yang tinggi juga walaupun di peringkat pertama perbicaraan ialah ada kemungkinan para penyiasat terdorong untuk mendapatkan bukti-bukti dengan tidak betul. Mereka dengan sedaya-upaya memaksa tertuduh untuk memberikan keterangan-keterangan yang mungkin kadang-kadang rekaan tertuduh sahaja. Keadaan-keadaan dan beberapa kemungkinan boleh terjadi. Tanpa menggunakan strategi begitu pihak penyiasat belum tentu dapat mengumpulkan bukti-bukti yang boleh memenuhi keperluan pembuktian tanpa apa-apa keraguan munasabah di akhir kes pendakwaan.

Ini bila kes dia hendak membuktikan begitu tinggi standardnya, sudah tentu akan berlaku kes paksaan memberi keterangan semasa di dalam penyiasatan polis. Sudah tentu kita boleh buat bicara di dalam perbicaraan. Dan sekali lagi kita lihat kes yang sepatutnya kita boleh selesaikan dengan begitu cepat tetapi bila ada faktor-faktor paksaan kepada pihak tertuduh semata-mata kerana pihak penyiasat hendak mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap, maka sudah tentu pihak peguambela akan memohon bicara di

dalam perbicaraan yang mana akan memakan masa dan sekali lagi membuang wang rakyat.

Oleh itu, saya amat setuju bahawa kemasukan perkataan “prima facie” di dalam perenggan f seksyen 173 dan seksyen 180 akan lebih menjelaskan tentang standard pembuktian yang semestinya digunakan di akhir kes pendakwaan. Keraguan pasti tidak akan timbul lagi sama ada di pihak pengamal undang-undang mahupun mahkamah-mahkamah tentang standard pembuktian yang digunakan di akhir kes pendakwaan.

Jadi, saya sekali lagi mengucapkan tahniah di atas kepekaan pihak kerajaan untuk memberikan satu garis panduan yang begitu jelas di dalam kes kontroversi ini. Dan saya sekali lagi menjelaskan bahawa apa yang dipinda oleh kerajaan ini sesungguhnya sudah tentu akan diterima baik oleh masyarakat kerana kita berada di pihak yang majoriti bukannya di pihak yang minoriti seperti mana yang Jelutong kata tadi. Saya sudah nyatakan tadi, banyak kes sebenarnya menyebelahi kita hanya majoriti dua, tiga hakim yang kita tidak nafikan, hakim ini juga manusia, kadang-kadang dia tersilap tafsir. Jadi, dengan kata-kata tersebut, saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap ya, kita ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.52 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato’ Lim Ah Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam .

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

5.54 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahas Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1996.

Pada hemat saya yang penting di sini ialah mengenai keperluan mengemukakan pindaan ini dan saya berpendapat bahawa memang pihak kerajaan terutama Jabatan Peguam Negara telah pun mengambil kira segala implikasinya dan juga keperluannya sebelum membuat keputusan untuk membentangkan pindaan ini. Jadi, tidak menjadi persoalan tentang majoriti ataupun minoriti di dalam kamar mahkamah. Yang penting ialah tentang kehormatan tatacara kehakiman di negara kita ini dan saya fikir kita tidak perlu bertikam lidah sesama sendiri di dalam Dewan yang mulia ini. Yang penting ialah kita sama-sama menimbulkan perkara-perkara yang boleh membantu kepada pihak kehakiman dan juga kementerian untuk merealisasikan satu tujuan ataupun tujuan pindaan ini iaitu keperluan memperjelaskan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kanun Prosedur Jenayah yang sedia ada atau pun yang lama.

Jadi, persoalan saya di sini ialah kenapa hanya dua pindaan sahaja yang perlu disegerakan. Pada hemat saya, kita telah menerima beberapa pindaan ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong bukan di dalam Kanun Jenayah tetapi juga mengenai keperluan di dalam meminda beberapa undang-undang mengenai kecekapan di dalam perbicaraan. Kita harus ingat bahawa keadilan itu bukan keadilan kepada pihak pendakwaraya sahaja, yang tertuduh juga mempunyai keadilan. Itulah yang kita beri dia *beyond reasonable doubt* dan juga kita memerlukan standard of proof yang begitu tinggi sekali untuk conviction beyond reasonable doubt. Ini, saya bersetuju perlu dikekalkan dan diberi penjelasan sejelas-jelasnya di dalam peruntukan undang-undang tetapi seperti yang saya katakan tadi, justice itu tidak akan tercapai semata-mata kita membuat pindaan di dalam bentuk peace mail amendment.

Seharusnya pihak Jabatan Peguam Negara membuat kajian yang menyeluruh di mana-mana peruntukan undang-undang di dalam Kanun Jenayah dan ada relevan law, dengan izin, untuk dipinda baru kita kemukakan. Oleh kerana kalau terlalu kerap kita membuat pindaan, bukan sahaja mengambil masa untuk kita berbincang tetapi ia boleh membuat satu gambaran yang tidak baik kepada pertama, Peguam Negara sendiri dan juga Dewan yang mulia ini. Misal kata bila ada kes seperti kes Arulpragasam ini timbul, baru kita heboh-heboh untuk membuat pindaan. Seperti yang dicadangkan oleh sahabat dari Batang Lupar, bila ada keperluan kita akan pergi ke mahkamah lagi untuk membuat pindaan.

Saya fikir kalau itu diamalkan, kemungkinan besar rakyat atau orang ramai buat anggapan bahawa seolah-olah pihak Peguam Negara tidak menerima keputusan hakim. Kita mahu pendakwaraya sahaja yang berjaya dalam semua kes, saya fikir itu tidak patut timbul. Namun saya setuju bahawa penjelasan ini penting, oleh kerana saya telah menyelidik peruntukan yang sedia ada, memang tidak salah, hakim tidak begitu jelas mengenai standard of proof yang diperlukan. Jadi, pindaan ini kena pada tempatnya tetapi saya ingin mengharapkan hal seperti ini jangan menjadi amalan.

Satu lagi perkara yang boleh timbul kalau terlalu kerap kita meminda undang-undang, in form of peace mail, dengan izin, ialah seolah-olah hakim-hakim kita tidak

boleh dipercayai lagi. Sehingga kita terpaksa behave to give them a clear guidance even now and then, dengan izin. Itu satu perkara yang boleh memudaratkan sistem kehakiman, system of justice in our country which should not happen dan biasanya memang hakim-hakim tidak sependapat sebab manusia mempunyai pendapat yang berbeza. Tetapi, bukan bererti ada yang salah atau ada yang betul. Dia hanya berbeza tetapi mempunyai interpretasinya sendiri terhadap peruntukan dalam undang-undang dan dia berpegang kepada interpretasinya sebab itu dia tidak bersetuju.

Tetapi kita menerima hakikat bahawa keputusan hakim yang majoriti itu adalah menjadi penentu keputusan sesuatu kes. Jadi, kita jangan persoalkan itu dan kita tidak mahu memperkecil-kecilkan keputusan itu walaupun tidak majoriti, tidak anonymous oleh kerana itu adalah keputusan mahkamah ataupun hakim.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah sebelum tahun 1993 pindaan ini tidak timbul tetapi sekarang timbul. Persoalannya di sini adakah ini satu implikasi bahawa perletakan jawatan beberapa orang hakim kanan berikutan dengan pemecatan Lord Precedent kita Tun Salleh Abbas mendatangkan kesan yang buruk terhadap sistem kehakiman kita, sehingga Hakim-hakim yang mungkin belum begitu berpengalaman tidak dapat membuat tanggapan yang betul mengenai peruntukan sesuatu undang-undang itu. Perkara ini sudah berlaku dan tidak ada yang dapat kita buat, tetapi apa yang kita harus ingat di sini ialah pihak eksekutif tidak seharusnya campur tangan di dalam sistem perundangan ataupun kehakiman. Dan inilah yang saya katakan, di mana we live interpretation of the law to the judges dan kita hanya membuat panduan atau perubahan kepada undang-undang bila ada hakim-hakim membuat interpretasi yang ekstrem tidak dapat diterima langsung.

Di dalam kes yang disebut di sini, ia sebenarnya tidak menjadi soal oleh kerana ada yang sebelum itu keperluan *prima facie kes itu* juga diterima oleh beberapa orang hakim dan *beyond reasonable doubt* itu juga diterima sebagai standard of proof untuk

conviction. Tetapi yang penting di sini ialah apakah mesej yang dibayangkan oleh hakim-hakim yang membuat keputusan di dalam kes Arulpragasam ini.

Kita jangan pandang keputusan hakim itu sebagai semata-mata negatif, mungkin dia mempunyai satu mesej yang perlu dikaji sedalam-dalamnya oleh pihak Peguam Negara. Kita mahu hakim itu tidak dipersalahkan, tetapi dipertimbangkan. Apakah sebenarnya tujuan hakim-hakim yang membuat sesuatu keputusan itu? Mereka tidak bebas untuk membuat undang-undang ataupun meng'critisize' undang-undang dengan secara terbuka. Tetapi membuat satu, to see the message through the interpretation of the law, sama ada ini tidak sufficient ataupun konsep ini diubah dan dengan tujuan yang sama tetapi mungkin boleh memendekkan perbicaraan sesuatu kes. Di dalam konteks ini misal kata di dalam permulaan kes dan pada akhir kes pihak pendakwa raya kita hanya memerlukan *prima facie* kes dan untuk pihak pendakwa raya meneruskan kesnya, tetapi akhir keseluruhan for the purpose of conviction, dengan izin kita memerlukan standard of proof, *beyond reasonable doubt*, tetapi bukan semuanya kes yang berasaskan '*prima facie*' itu berjaya dibuktikan *beyond reasonable doubt*, orang yang dituduh terlepas juga. Tetapi wang rakyat sudah habis untuk pembelaan dan untuk prosecution.

Jadi, mungkin di sini hakim-hakim yang membuat keputusan itu memberi kita mesej membuat satu konsep di mana *beyond reasonable doubt* itu, kita jangan gugur for the purpose of conviction dan untuk memulakan kes itu kita perlu *prima facie*, tetapi bagaimana memulakannya, itu terpulang kepada Peguam Negara untuk to work out the concept which the process of justice is not sacrifices.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kuala Pilah bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tuaran mengikut pengetahuan Yang Berhormat, adakah terdapat di mana-mana yang menyatakan standard of proof beyond reasonable doubt itu terhakis di mana-mana peringkat, dengan adanya juga pindaan yang kita bentang dalam Dewan yang mulia ini. Silakan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa di dalam pindaan ini keperluan ataupun requirement of *prima facie* case untuk meneruskan sesuatu pendakwaan itu dihakiskan di dalam pindaan ini. Saya tidak juga mengatakan bahawa untuk purpose of conviction, standard of proof, beyond reasonable doubt itu kita kekalkan.

Sebenarnya saya menyokong pindaan ini dan saya tidak berpendapat bahawa terhakisnya kedua-duanya - langsung tidak. Sebenarnya saya difahamkan oleh sahabat-sahabat dari Jabatan Peguam Negara bahawa tujuan pindaan ini semata-mata untuk memperjelaskan dan saya sudah menyelidiki, jadi saya fikir tidak ada, there is no material departure, dengan izin, di dalam konsep proses prosecuting di dalam mahkamah kita. Apa yang saya perkatkan tadi ialah satu konsep baru. Walaupun amalan ini diamalkan di dalam kebanyakan negara Komanwel, tetapi kita tidak semestinya tidak mahu membuat perubahan, jikalau kita fikir perubahan itu perlu tanpa mengorbankan proses yang sudah menjadi amalan, tidak juga menjadi salah, tetapi yang penting ialah satu proses yang dinamik dan boleh mencapai objektifnya serta tidak perlu membuang masa untuk meneruskan pendakwaan yang akhirnya hanya membuang tenaga dan kewangan. Misal kata di dalam pendakwaan orang-orang yang tertuduh seperti pengedar dadah yang membawa hukuman mandatori gantung sampai mati. Jadi, saya fikir banyak kes yang tertanggung oleh kerana dua sebab:

Yang pertama mungkin pihak pendakwa raya belum sedia untuk meneruskan perbicaraan.

Yang kedua ialah pihak tertuduh tidak mampu untuk membela diri dan tidak ada peguam yang boleh dilantik oleh pihak mahkamah untuk membela dia. Jadi, kalau tidak ada yang mahu membela dia yang tertuduh itu, maka tidak ada perbicaraan boleh dijalankan. Jadi, adakah ini satu sistem yang perlu kita kekalkan?

Saya fikir pihak Jabatan Kehakiman perlu membuat satu kajian bagaimana masalah ini boleh diatasi supaya the justice can be active dengan izin, kita berbangga di dalam negara kita ini oleh kerana walaupun seseorang itu bila dia menghadapi tuduhan yang membawa hukuman mandatori - hukum gantung sampai mati, kita tidak membicara dia atau memaksa dia datang ke mahkamah dan dibicara tanpa dibela.

Tetapi persoalannya ialah sejauh manakah kita boleh mempertahankan sistem ini sedangkan pengedar dadah itu mengancam kepada negara.

Tuan Radin Malleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih. Saya tertarik dengan perbincangan tentang pengertian atau tafsiran *prima facie* ini. Di dalam Kanun Acara Jenayah ini mempunyai peruntukan seksyen 173(f) dan juga seksyen 180 tentang *prima facie* ini. Jadi, untuk memberi peluang kepada perbicaraan diteruskan pada perbicaraan awal, tetapi di sini bolehkah Yang Berhormat dari Tuaran memberi pandangan tentang standard of proof bagi pendakwaraya yang termaktub dalam bahagian 9 Bab 27 Kanun Acara Jenayah di bawah seksyen 376 hinggalah 386?

Tentang standard of proof bukan di mahkamah tetapi di Kamar AJ sama ada untuk meneruskan perbicaraan atau membawa ke mahkamah atau tidak. Apakah standard of proof itu, sama ada mencukupi atau *prima facie*? Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih, Yang Berhormat dari Tenom. Saya fikir pihak pendakwaraya ataupun Peguam Negara memanglah dia seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan menentukan sama ada mahu meneruskan ataupun mahu menggugurkan satu-satu tuduhan itu.

Jadi, di dalam mempertimbangkan sama ada meneruskan ataupun menggugurkan tuduhan itu, saya percaya bahawa pihak peguam-peguam di Jabatan Peguam Negara sudah membuat pertimbangan semasak-masaknya bahawa mereka hanya mahu memulakan pendakwaan kalau terdapat bukti-bukti yang cukup. Kalau tidak ada bukti yang cukup, maka sudah tentulah dia tidak mahu meneruskan pendakwaan. Ini bererti pada hematnya di peringkat pendakwaan itu ataupun bila memulakan pendakwaan itu, sudah ada *prima facie* kes dan tidak perlu dipersoalkan hal itu. Oleh yang demikian, pendakwaan itu boleh diteruskan dengan standard of requirement untuk purpose of conviction sahaja iaitu *beyond reasonable doubt*.

Jadi, ini bukan satu masalah kalau pihak Peguam Negara mahu menjimatkan wang dan mempercepatkan proses perbicaraan, kenapa tidak. Oleh kerana walaupun dalam proses kita sekarang pihak pendakwaraya terpaksa juga mengemukakan semua bukti-buktinya sebelum pihak hakim membuat keputusan sama ada pihak pendakwaraya berjaya untuk menunjukkan *prima facie* kes.

Jadi, saya fikir standard of proof itu kita boleh maintain ataupun haruslah kekalkan iaitu *prima facie* kes dan untuk memulakan atau meneruskan pendakwaan tetapi untuk conviction kita mesti mengekalkan juga standard of requirement beyond reasonable doubt. Oleh kerana ini juga mempunyai tujuan iaitu kita tidak mahu rakyat ataupun

sesiapa sahaja boleh dipenjarakan. Itulah sebabnya kita tidak memerlukan standard beyond reasonable doubt.

Di mana kita hanya masukkan ke penjara mereka yang betul-betul kita tahu telah melakukan kesalahan dan ini mempunyai multiple objective iaitu yang saya tahu ialah pertama untuk mengekalkan penghormatan terhadap sistem penghakiman kita dan yang kedua ialah walaupun mereka itu di dalam penjara, mereka juga kita tanggung. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang minta dijail itu kadang-kadang mereka sengaja untuk dimasukkan ke dalam penjara oleh kerana mereka tidak ada mains to survive, terutama pendatang asinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih panjangkah, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Sikit lagi, nanti saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kerana ada dua orang lagi, kalau boleh gulunglah, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan gulung. Jadi itulah tujuan kita hanya mahu memasukkan di dalam penjara mereka yang betul-betul bersalah dan bukan mereka yang sengaja mahu masuk dalam penjara. Oleh kerana mahu minta diberi makanan.

Jadi, itu antara tujuan di dalam pendakwaan kita, Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi saya ingin mengulangi bahawa pada pendapat saya bahawa pindaan yang dikemukakan ini adalah munasabah untuk mengelakkan keraguan tetapi saya berpendapat bahawa banyak perkara yang timbul terutama lagi kerana di dalam Dewan yang mulia ini juga kita hapuskan peruntukan di dalam Akta Keterangan 1950 Seksyen 31(a) dan saya tidak nampak apa kaitan di dalam pindaan yang dikemukakan di dalam Kanun Acara Jenayah ini, tetapi adakah ini membayangkan bahawa pihak pendakwaraya they are really interested to secure conviction for all the cases, dengan izin.

Jadi, saya harap kita harus memperseimbangkan perlindungan kepada pihak yang mempunyai kepentingan di dalam perbicaraan itu iaitu kepentingan negara meliputi kepentingan orang yang tertuduh juga supaya he will not become the victim of drastic justice dan dia tidak akan menderita kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, dia tidak akan menderita kerana ada kenyataan yang dibuat oleh kerana dipaksa, terutama di dalam keterangan ini.

Yang terakhir ialah, saya ingin membuat saranan supaya pihak Peguam Negara membuat satu kajian menyeluruh untuk pindaan undang-undang oleh kerana banyak peguam yang ingin melihat di mana banyak lagi pindaan yang perlu di dalam Kanun Undang-undang ini untuk memperbaiki tatacara pendakwaan dan dengan kata-kata demikian, saya menyokong.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

6.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, tajuk di hadapan Dewan yang mulia ini ialah mengenai standard of proof, tetapi malangnya perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, khasnya dari pihak Barisan Nasional, standardnya sangat rendah sehingga ada seorang yang mengatakan beliau seorang corporate lawyer, menghina semua peguam kes jenayah (criminal lawyer) seolah-olah semua criminal lawyer tidak ada maruah, tidak ada integriti....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun, ya. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tak beri. Seolah-olah semua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang:criminal lawyer tidak ada integriti, tidak ada maruah....

Tuan Noh bin Omar: Tetapi dia refer pada saya, Tuan Yang di-Pertua. Berilah peluang saya hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri jalan, ya.

Tuan Lim Kit Siang:bahawa barulah ada peguam corporate yang ada integriti.

Tuan Noh bin Omar: Berilah saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti....nanti saya beri. Dengar dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk. Nanti dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan syarikat corporate di mana corporate lawyer is the king. Ini bukan the pomp di sini. Kita tidak mahu ada cara dan sikap semacam ini. Ada kena lawyer yang baik, ada kena lawyer yang ada integriti, kita

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak beri jalan. Kita tidak kata bahawa ada black sheep dalam criminal lawyer.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduklah. Nanti dia beri.

Tuan Noh bin Omar: Tetapi dia rujuk kepada saya. Dia rujuk pada saya, tetapi dia tak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti....nanti saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi, kita tak boleh kata semua corporate lawyer yang bersih. Di negara kita, kita ada bangunan yang tertinggi di dunia. Dengan KLLC, kita akan ada river city yang terpanjang di dalam dunia. Tetapi dalam Malaysia kita pun ada financial scandal yang terbesar di dunia. Kenapa? Oleh kerana ada corporate lawyer yang tidak jujur. Oleh kerana ada corporate lawyer yang tidak jujur! Apa kategori yang Yang Berhormat dari Tanjong Karang jatuhkan, saya tak tahulah. Dia boleh aturkan satu sidang akhbar untuk menjelaskan sendiri. Tetapi janganlah kita ada sikap semacam itu, dalam perbahasan, satu perkara yang mustahak ialah standard of proof.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Yang Berhormat beri peluanglah! Tak beri peluang?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Dia masuk lambat hendak cakap banyak, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya jawab, Jelutong keluar!

Tuan Lim Kit Siang: Corporate lawyer yang tunjuk jujur dan ikhlas dahulu, saya beri jalan. Tidak ada bersangkut paut dengan apa-apa corporate scandal, saya beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya Yang Berhormat dari Batang Lupar, sungguhpun dia maki hamun Yang Berhormat dari Jelutong, dia faham sedikit. Dia faham sedikit apa yang Yang Berhormat dari Jelutong utarakan bahawa apabila kita mahu meminda fasal 180 bahawa dengan menggantikan dengan *prima facie* bahawa kalau tidak rebutted, *prima facie* sebenarnya tidak ada satu definisi *prima facie* yang uniform seperti sekarang.

Apakah itu *prima facie*? Di sini dalam kes Arulpragasam, Tan Sri Edgar Joseph yang dia sebut:

“The expression of prima facie case is nowhere to be found in the court and as pointed out in the Khoo Hi Chiang suffers from the defect that it is not self explanatory, what is it that the case shows prima facie or adversite?”

Atau dalam kes Khoo Hi Chiang di mana ada disebut Yang Arif Edgar Joseph:

“A reading of the judgements in these cases suggests that there is a different of judicial opinion as to what constitutes a prima facie case.”

Apakah *prima facie*? That is a different of a judicial opinion as to what constitutes a *prima facie* case! Tetapi Yang Berhormat dari Batang Lupar kata, terserahlah kepada mahkamah untuk membuat keputusan apa itu *prima facie* dan Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengatakan, kalau kita tidak berikan kepada mahkamah untuk peluang ini, criminal lawyer pun tak berpeluang untuk cari makan. Apa standard perbahasan semacam ini? Itu adalah apa yang saya sebut standard yang begitu rendah.

Tetapi dalam Parlimen kita patut faham peranan kita. Peranan kita ialah membuat undang-undang, to make laws. Dan, satu ciri undang-undang ialah seperti.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang rendah 'standard'nya, saya tak payah tanggap. Dan satu ciri mustahak dalam undang-undang - mungkin legislation. Satu ciri mustahak undang-undang ialah certainty of the law. Apabila kita meluluskan undang-undang, kita mahu memastikan apa yang kita luluskan certain, tentu, bukan open ended - pergi ke mahkamah pun tidak tahu apa itu *prima facie*. Sebab itu point yang sangat mustahak.

Kalau kita mahu untuk mengatasi segala keraguan, tidak patut kita menggantikan satu rang undang-undang yang akan menimbulkan lebih banyak keraguan. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dari Batang Lupar faham. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada rang undang-undang ini setuju bahawa tidak ada satu standard definisi untuk *prima facie*. Kalau definisi yang akan dipakai oleh kerajaan ialah apa yang ada di dalam kes Hwa Tau Tau ialah,

“Whether there is some evidence (not inherently incredible), which if he were to accept as accurate, would establish each essential element in the alleged offence. If such evidence as respect any of those essential elements is lacking, then and only then he justified in finding that there is no case against accused had been made out which if un rebutted would warrant his conviction.”

Kalau begitu, masukkan erti ini dalam undang-undang, kalau mahkamah tidak boleh dapat satu keputusan mengenai standard of proof yang diwajibkan yang disebut

dalam perenggan ini bahawa itulah maknanya dan bukan menggunakan perkataan *prima facie* oleh kerana *prima facie* tidak ada satu standard meaning.

Kalau kita tidak boleh terima ini, selain daripada kita berpendapat *prima facie* ada satu standard meaning, itulah kita mahu Yang Berhormat Menteri menjawab sama ada pendirian kerajaan ialah tidak setuju dengan hujah-hujah di sini bahawa kerajaan berpendapat *prima facie* adalah satu meaning sahaja dan ini yang difahami dan disetujui oleh semua.

Ini saya rasa sangat mustahak dan diharap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan oleh kerana ini bersangkutan-paut dengan cara, kualiti dan legislation yang kita mahu buat dalam Dewan yang mulia ini. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri apabila membentangkan rang undang-undang ini bahawa rang undang-undang ini tidak akan terpakai kepada semua kes yang sekarang pending, lebih daripada 400 kes. Oleh kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong mengenai apa yang ada dalam undang-undang bahawa pindaan yang procedural pun adalah retrospective effect, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada Kamar Peguam Negara sudah meminta dan mengambil tindakan supaya membuat permohonan kepada semua mahkamah di mana ada kes-kes yang pending, sama ada Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi supaya semua kes dijalankan dan kalau sudah ada lebih daripada 400 kes yang pending, sama ada satu usaha boleh dibuat supaya semua kes ini boleh dikendalikan dalam satu bulan atau satu bulan setengah oleh kerana justice delayed is justice denied dan semua ini sudah ada kelewatan dekat satu tahun.

Dan inilah sangat mustahak dan saya harap bahawa janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini akan dikotakan bahawa rang undang-undang ini tidak akan terpakai kepada semua kes yang pending.

Tuan Yang di-Pertua, kesangsian yang ada timbul mengenai rang undang-undang ini perlu dilihat di latar belakang yang lebih luas. Latar belakang yang lebih luas ialah beberapa tahun ini ada berlaku peristiwa-peristiwa di mana keluhuran undang-undang di mana kebebasan kehakiman adalah menghadapi banyak pukulan dan sama ada dalam akhir 80-an kes mengenai Tun Salleh Abas dan kes hakim-hakim yang lain atau baru-baru ini apabila ada timbul surat layang 33 muka surat yang sungguhpun kes ini ada ditutup oleh Peguam Negara tetapi kehilangan keyakinan orang ramai terhadap kehakiman tidak dan belum dipulihkan.

Oleh sebab itu prinsip separation of powers di mana kebebasan kehakiman ada dilihat oleh orang ramai bahawa ia tidak dihormati oleh kerajaan dan sekarang dalam kes ini, dan ini perlulah dilihat khasnya apabila ada berlaku beberapa perkembangan yang baru-baru ini ada menunjukkan bahawa ada double standard khasnya dalam pengendalian pentadbiran keadilan dalam administration of justice khasnya dalam pendakwaan sama ada mengenai dua orang yang kes mereka masih berjalan, sama ada mengenai Pengarah Tenaganita Irene Fernandez atau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai berita palsu di bawah Printing Presses and Publication Act, oleh kerana kalau kita ada administration of justice yang adil, bebas dan boleh dapat kepercayaan orang ramai tentu perkara ini tidak patut berlaku bahawa undang-undang akan dihormati, tidak ada berlaku double standard oleh kerana dalam *Berita Harian* semalam, kita ada satu front page story di mana ada menyebut "*Rancangan sembilan badan bukan kerajaan (NGO) yang mahu menganjurkan perhimpunan tribunal rakyat sebagai menyuarakan bantahan terhadap polis berbaaur maxisme*" kata Ketua Polis Negara - Inspektor General Tan Sri Rahim Noor, katanya "*Tindakan untuk mengadili dan membincangkan penyalahgunaan kuasa polis menyamai tindakan tentera Bintang Tiga dan tentera Anti Jepun Rakyat Malaysia MPAJA selepas Perang Dunia Kedua dahulu*". Ini berita palsu dan kalau ada

administration of justice yang adil, yang bebas, IGP patut didakwa di mahkamah, false news - tetapi tidak, sebab itulah latar belakang, kepercayaan orang ramai terhadap administration of justice sama ada menghadapi satu krisis yang baru.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Bar Council langsung tidak diberi peluang untuk memberi pandangan, input di dalam rang undang-undang ini. Kes ini ada dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya pernah membangkitkan hal ini di mana saya ada menanya sama ada Kamar Peguam Negara akan berhubung dengan Bar Council untuk berbincang khasnya rang undang-undang yang bersangkutan paut dengan legislation dan jawapannya kita dapat, kalau tidak silap Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata bahawa ini boleh dibuat, ini bukan masalah tetapi tidak pernah buat. Dalam kes ini tidak pernah buat, kenapa? Kenapa kerajaan khasnya Kamar Peguam Negara tidak menangani dengan serius pandangan khasnya Bar Council oleh kerana ini bersangkutan paut dengan administration of justice. Dan saya harap supaya perkara ini patut dibetulkan.

Akhirnya saya harap mengenai *prima facie* Yang Berhormat Menteri boleh jawab dengan tepat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Alor Gajah, selepas itu Menteri menjawab ya. Ya, Alor Gajah. Sila teruskan ya.

6.36 ptg.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah ini. Dalam rang undang-undang ini soalan pokoknya ialah berkaitan dengan isu tahap pembuktian sama ada digunapakai standard *prima facie* ataupun standard *beyond reasonable doubt*, dengan izin.

Sebelum saya meneruskan hujah-hujah saya ingin saya menyatakan bahawa sistem perundangan kita adalah berasaskan kepada *stary decisive* iaitu berasaskan kepada precedent dan apa yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi seolah-olahnya, kes *prima facie* ini adalah satu kaedah yang tidak adil sekali kepada tertuduh oleh kerana pada pandangan beliau bahawa kes *prima facie* ini adalah cuma memandang kepada on the face of it, dengan izin, dan tiada mempunyai definisi di mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa sistem undang-undang kita adalah berasaskan kepada precedent dan apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi hanya kes-kes yang menyebelahi beliau sahaja iaitu seperti kes Arulpragasam dan juga kes Khoo Hi Chiang tetapi kes seperti Tan Boon Kean, kes seperti Junaidi Abdullah, bukan Junaidi Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar ya, tidak sekali disentuh dengan mendalamnya. Bahkan, di dalam kes Tan Boon Kean, di mana kes ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan yang mana tarafnya sama dengan Mahkamah Persekutuan yang memutuskan kes Arulpragasam dan juga yang sama tarafnya mahkamah yang memutuskan kes Khoo Hi Chiang.

Bahawa mengikut kes Tan Boon Kean, 3 MLJ tahun 1995, muka surat 529, ada menjelaskan takrifan *prima facie* case ini. Dengan izin, saya membaca apa yang telah diputuskan oleh Yang Amat Arif Mohd. Azmi, F.C.J., iaitu:

"What construed prima facie case have been judicially define. Strighting with mosely and readly law dictionary fifth edition, which was quoted with approval by Gordon Smith, acting J.A. in Public Prosecutor v. Chin Yoke, 1940 MLJ 1947 at page 48 with state: Are litigatting party is set to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponnet to be call on to answer it. A prima facie case than

is one, which is establish by sufficient evidence and can be over thrown by rebutting evidence educe by the other side."

Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan bahawa *prima facie* case ini bukan kita hanya memandang daripada literal sahaja bahkan di sini menyatakan bahawa ada bukti-bukti yang tertentu. Bahkan dalam kes ini juga tidak mengetepikan berkaitan 'evaluation of evidence' untuk memutuskan berkaitan *prima facie* case. Jadi, apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi saya rasa tidaklah benar bahawa tidak ada pentakrifan yang dibuat di mana-mana dalam undang-undang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kes *prima facie* di mana tahap pembuktian ini telah digunakan lebih kurang 25 tahun dahulu, bahkan banyak kes yang menggunakan tahap pembuktian berlandaskan kepada *prima facie* case ini. Saya percaya bahawa rakan-rakan saya tadi telah pun menyatakan beberapa kes yang berlandaskan kepada *prima facie* case ini. Bahkan dalam Mahkamah Persekutuan ada dua kes yang berlandaskan *prima facie* case berkaitan dengan tahap pembuktian.

Sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi bahawa kes Junaidi bin Abdullah vs Public Prosecutor tahun 1993, 3MLJ, muka surat 217 di mana mengikut kes ini, keputusan yang dibuat menyatakan seperti berikut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"By calling an accuse to enter his defence, the trial judge must on ever lating the evidence had been satisfied that the prosecution has at the close of the prosecution case establish a prima facie case which if are rebuted warrant the conviction of the accuse. To arrived at such conclusion, the judge must consider all the evidence educe by the prosecution has stated in cross examination on a prima facie case basis."

Di sini juga menekankan bahawa ada perkara-perkara tertentu untuk memastikan kes *prima facie*. Kes ini adalah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dan sepatutnya

apabila kes ini telah diputuskan, Yang Berhormat dari Jelutong sebagai peguam seharusnya mengakuri keputusan yang dibuat. Walau bagaimanapun, pada tahun 1994, di bawah kes Khoo Hi Chiang, beliau telah mengemukakan isu yang sama di Mahkamah Agung yang mana dihakimi oleh hakim-hakim yang lain, yang mana keputusannya adalah berbeza dari apa yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Junaidi.

Jadi, memandangkan ada beberapa kes yang diputuskan di mahkamah yang tinggi sekali di dalam Malaysia ini, maka wajarlah untuk memastikan supaya perbezaan pentakrifan dalam tahap pembuktian ini tidak keliru lagi. Maka wajarlah rang undang-undang yang dibentangkan pada petang ini diterima supaya tahap pembuktian berlandaskan kepada *prima facie* case digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, tahap pembuktian di akhir kes pendakwaan berasaskan *prima facie* case ini sebagaimana yang saya telah katakan tadi, telah digunakan lebih kurang 25 tahun dahulu dan daripada kegunaan tahap ini kita tiada nampak ketidakadilan berlaku. Malahan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa tahap pembuktian *prima facie* case ini telah juga digunakan di beberapa negara dalam Komanwel. Saya berpendapat tidak harus kita tidak boleh menggunakan tahap pembuktian di atas *prima facie* case.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyatakan bahawa mengikut dari satu kes, R vs Magrigoe. Keadilan kepada orang yang tertuduh sebenarnya adalah satu konsep di mana tidak boleh diberi sewenang-wenangnya, tetapi, dengan izin, what criminal court seek to achieve is fairness in the general circumstances of the administration of justices.

Oleh itu, kita perlulah berfikir apa akan terjadi di negara kita sekiranya tahap pembuktian yang kita gunakan berasaskan kepada *beyond reasonable doubt* yang mana tahap pembuktian ini adalah tinggi daripada tahap pembuktian berasaskan kepada *prima facie* case. Sudah tentu kalau kita menggunakan tahap pembuktian berasaskan kepada

beyond reasonable doubt, banyak kes yang dibawa oleh pendakwa akan dibuang begitu sahaja disebabkan kesilapan-kesilapan teknikal seperti ini.

Kita perlu ingat bahawa keadilan bukan sahaja kita beri kepada orang yang dituduh bahkan juga kepada negara, iaitu the state, dan dengan ini kita memberi keadilan kepada masyarakat umum. Dengan adanya pembuktian-pembuktian berasaskan *prima facie* case ini, saya rasa yang mana digunakan di dalam negara Komanwel sudah tentu mempunyai rasional-rasional yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan menggunakan pembuktian *prima facie* case, rasional yang pertama saya ingin menyatakan bahawa kita perlu ingat bahawa tujuan undang-undang digubal adalah untuk menjaga kesejahteraan rakyat di negara kita.

Sekiranya tahap pembuktian *beyond reasonable doubt* digunakan dalam apa juga pembuktian jenayah, pensabitan terhadap sesuatu kesalahan jenayah itu adalah sukar. Ini adalah kerana *beyond reasonable doubt* sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa memerlukan tahap pembuktian yang begitu tinggi. Jenayah-jenayah berat seperti bunuh, rompak, penggunaan senjata api dan penggunaan dadah akan berleluasa. Adalah sukar bagi pihak pendakwa untuk membuktikan atau menyabitkan satu jenayah yang telah dilakukan kerana ianya memerlukan tahap bukti yang tinggi. Contohnya, jika seseorang dituduh membunuh dan senjata yang digunakan untuk membunuh itu tidak dijumpa atau tidak dapat dikesan, sudah pasti pihak pendakwa akan gagal membuktikan kes *beyond reasonable doubt*, kerana senjata yang digunakan untuk pembunuhan itu perlu ada di tangan atau disimpan oleh tertuduh. Sebaliknya, jika tahap pembuktian *prima facie* case digunakan, adalah memadai jika pihak pendakwa dapat membuktikan bahawa berdasarkan segala faktor-faktor yang berkaitan dengan jenayah itu telah dilakukan, maka jenayah tersebut telah dilakukan oleh tertuduh.

Keduanya, tambahan pula negara kita ini sedang menuju ke arah kepesatan ekonomi dan infrastruktur, secara tidak langsung pemakaian dan penggunaan tahap

pembuktian *beyond reasonable doubt* akan memberi implikasi tersendiri terhadap kesejahteraan ekonomi kita. Contohnya, jika jenayah berleluasa di negara kita, pelabur-pelabur akan dibelenggui ketakutan dan kesangsian untuk melabur di negara kita. Ini secara tidak langsung mungkin akan mengurangkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat kita sendiri. Perlu juga saya tegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa penggunaan tahap pembuktian *beyond reasonable doubt* ini bukannya menyentuh aspek sistem perundangan kita sahaja, malah menggugat kepesatan ekonomi kita.

Seperkara lagi saya juga ingin tegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sesuatu kes yang menggunakan tahap *prima facie* apabila pihak yang mendakwa mempunyai alasan-alasan atau bukti-bukti kukuh untuk mendakwa, yang mana ia memerlukan pihak tertuduh menjawab apa-apa tuduhan yang dilemparkan terhadapnya. Dalam erti kata lain, tahap pembuktian *prima facie* case bermaksud tuduhan yang dibuat ke atas pihak-pihak tertuduh berlandaskan bukti-bukti kukuh, dan hanya boleh disangkal dan dinafikan dengan memberi bukti-bukti yang setimpal terhadap tuduhan yang telah dilemparkan atau dibuat oleh pihak pendakwa yang tertuduh.

Oleh itu, mahkamah tidak berkewajipan untuk menimbang semua bukti-bukti atau keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa, tetapi hanya mencapai tahap *prima facie* sahaja dapat disangkal oleh tertuduh. Secara tidak langsung ia dapat menjimatkan masa mahkamah kerana mahkamah tidak perlu lagi untuk meneliti sesuatu bukti atau keterangan yang diberi secara mendalam sehingga mencapai tahap pembuktian *beyond reasonable doubt*. Dengan erti kata lain, mahkamah terpaksa menimbang satu persatu setiap bukti atau keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa, dan sekiranya ia tidak mencapai tahap pembuktian *beyond reasonable doubt*, maka pendakwa gagal membuktikan kesnya terhadap tertuduh. Bukankah ini merugikan masa mahkamah sahaja?

Selain daripada itu, rasional yang saya ingin kemukakan, perlu juga diingatkan bahawa sistem perundangan yang diamalkan di negara kita ini adalah merupakan prinsip adversarial, kini dengan menggunakan tahap pembuktian beyond reasonable doubt seperti yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Arulpragasam. Maka prinsip itu akan bertukar menjadi prinsip inquisitorial, di mahkamah perlu mendalami bukti-bukti atau keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa secara lebih mendalam.

Kita telah mempraktikkan penggunaan sistem adversarial sejak dari awal lagi, dan ianya telah terbukti berkesan bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan di negara kita. Di samping itu juga, ia dapat mengurangkan beban mahkamah dalam memutuskan sesuatu kes. Sebagaimana English proverb berkata, 'what is good do not fixed.'

Bagi mengakhiri perbahasan saya ini, saya ingin juga menarik kepada ucapan Yang Berhormat dari Jelutong dalam masa perbahasan dasar berkaitan dengan perbelanjaan pada 18hb. November, mengikut *Hansard* muka surat 146, yang mana beliau menyatakan bahawa "perkara penting untuk saya mengulas dengan detail, kerana di sini adalah satu isu penting, kerana kerajaan tidak mahu terima keputusan Mahkamah Persekutuan ini dan membuat pindaan Kanun Acara Jenayah. Pindaan yang ada far reaching consequence, bukan satu contoh."

Di sini, apa yang saya ingin menegaskan bahawa sekiranya sesuatu undang-undang itu tidak berjalan dengan licin, kita boleh meminda undang-undang sekiranya undang-undang yang dipinda itu tidak bertentangan dengan rule of natural justice. Ini ada diputuskan di dalam kes Haw Tua Tau ini, yang mana Lord Diplock mengatakan, mengikut dalam kes Haw Tua Tau ini bahawa sebelum tahun 1976, di Singapura pihak tertuduh ada mempunyai option sama ada membuat pernyataan statement tidak bersumpah dalam kandang tertuduh ataupun membuat statement bersumpah di kandang saksi.

Kemudiannya, dalam tahun 1976 ini satu kanun peraturan jenayah pindaan telah dibuat untuk memastikan supaya saksi yang memberi keterangan memberi kenyataan yang bersumpah. Kes ini pergi ke Privy Council dan menyatakan bahawa adalah tidak adil di atas pindaan undang-undang ini. Di sini Lord Diplock membuat keputusan yang berbunyi, “So the question for the Lordship is not whether the act made a significant alteration to the disadvantage of the accused person in the procedure previously followed in criminal trial in Singapore. But whether the consequence of the alteration is a procedure for the trial of criminal offences that is contrary to some fundamental rule of natural justice.”

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bagi pindaan rang undang-undang kita ini, kita tidak nampak yang pindaan ini bertentangan dengan konsep rule of natural justice. Bahkan tahap pembuktian berasaskan *prima facie* case ini sebagaimana yang telah saya nyatakan telah digunakan oleh banyak negara di dalam Komenwel. Jadi, tidak ada yang dapat mengatakan bahawa konsep tahap *prima facie* case ini adalah bertentangan dengan rule of natural justice. Dengan ini, saya memohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Khususnya saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Petaling Jaya Utara, Batang Lupar, Tanjong Karang dan Alor

Gajah. Mereka memberi penjelasan yang bernas dan hujah-hujah yang mendalam berkenaan dengan rang undang-undang ini.

Sepatutnya tidak perlulah saya berdiri di sini untuk menggulung tetapi apabila mendengar daripada Yang Berhormat Tuaran dan rakan-rakan dari pembangkang, beliau bukan sahaja pening kepala saya mendengarnya tetapi hujah-hujah mereka bercanggah dan tidak memberi pengertian yang dikehendaki oleh rang undang-undang kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sebenarnya rang undang-undang ini adalah sebuah rang undang-undang yang biasa, yang hanya dibentangkan di dalam Dewan ini oleh kerana kerajaan mendapati bahawa di mahkamah ada keraguan di antara hakim-hakim mentafsirkan kes-kes yang sepatutnya secara biasa menggunakan *prima facie* selepas kes pendakwaan. Ini telah dibuktikan bukan sahaja di negara kita sendiri bahkan dalam ucapan awal saya tadi ialah di negara-negara jiran kita juga di dalam Komanwel. Ini jelas, tetapi malangnya Yang Berhormat dari Jelutong dan rakan-rakannya tidak bersetuju hanya mereka mengatakan, ohh..majoriti opinion daripada dibilang 4, 5 plus berapa dengan kes Khoo Hi Chiang. Jadi, lebih daripada kes Haw Tua Tau dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi mereka menganggapkan hujah-hujah mereka sahaja yang betul bahawa kes-kes yang disebutkan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi dari Alor Gajah, Kuala Pilah, Tanjong Karang dan sebagainya, semuanya tidak betul ataupun tidak mematuhi maksud yang di dalam fikiran mereka.

Rang undang-undang ini, saya kata jelas oleh kerana ia berlainan daripada apa yang ada dalam Criminal Procedure Code, seksyen 180 yang ada sekarang. Jadi, kita hanya mahu menjelaskan selepas kes pendakwaan dan pada akhir kes pembela dalam satu-satu perbicaraan.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk memperuntukkan tahap pembuktian kes *prima facie* pada akhir kes pendakwa, manakala tahap pembuktian melepasi paras

keraguan munasabah, dengan izin, 'beyond reasonable doubt' merupakan tahap pembuktian pada akhir kes pembela.

Adalah jelas bahawa selepas pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini mula berkuatkuasa ungkapan kes *prima facie* tidak boleh disamakan dengan ungkapan melepasi paras keraguan munasabah. Sama seperti ungkapan melepasi paras keraguan munasabah, ungkapan kes *prima facie* tidak perlu ditakrifkan. Ini adalah kerana pertamanya, ungkapan ini telah dijelaskan dalam undang-undang kes yang mantap, dengan izin, 'settled case law', jauh sebelum rang undang-undang ini dibentangkan. Selepas pindaan ini berkuatkuasa, mahkamah boleh merujuk kepada keputusan dalam kes-kes yang terdahulu berkenaan makna ungkapan ini seperti telah dijelaskan oleh rakan saya, Yang Berhormat dari Alor Gajah sebentar tadi.

Tambahan pula pemakaian ungkapan adalah semestinya berdasarkan fakta sesuatu kes. Oleh kerana fakta sesuatu kes semestinya berbeza dengan fakta kes yang lain, ungkapan kes *prima facie* tidak perlu ditakrifkan dengan persis yang terperinci. Suatu takrif kes *prima facie* yang persis dan terperinci adalah terlalu mengongkong, dengan izin, 'restrictive' dan mungkin tidak sejajar dengan keperluan keadilan. Para hakim dan peguam yang memakai ungkapan kes *prima facie* di mahkamah adalah dibimbing oleh undang-undang kes, dengan izin, 'case law' berkenaan dengan makna ungkapan ini.

Oleh yang demikian, tidak terdapat sebarang kekeliruan berkenaan ungkapan ini di kalangan hakim dan pengamal undang-undang. Justeru itu, mahkamah boleh memakai makna kes *prima facie* yang diberikan dalam keputusan-keputusan kes yang terdahulu berdasarkan faktor kes yang sedang dibicarakan di hadapan mahkamah tersebut tanpa apa-apa masalah. Antara takrif atau pengertian kes *prima facie* mengikut kamus dan keputusan kes, dari segi bahasa *prima facie* bermakna at first sight or on the face of it. Kamus Sight Venkataramaiya's Law Lexicion With Legal Maxims, dengan izin,

mengatakan bahawa “*a prima facie case does not mean a case proved to the hilt but a case which can be said to establishe if the evidence which is laid in support of the same were believe. A prima facie case is made out when it is such that if uncontradicted and it believed and it will be sufficient to prove the case against the accused*”.

Pengertian *prima facie* mengikut kes-kes yang sudah diputuskan...

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya dapat tahu daripada jawapan yang dibaca tadi di peringkat kes pendakwa, if unrebutted will warrant conviction kerana ada 3 pilihan. Jika seseorang tertuduh remain silence, tidak menyatakan apa-apa; apa pendirian Yang Berhormat, apa akan jadi pada dia? Apa yang akan dibuktikan jika dia tidak menyatakan apa-apa?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Selepas dia...

Tuan R. Karpal Singh: At the end of the prosecution's. Ya. Dia tidak menyatakan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak menjawab, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Apa jadi kepada dia?

Tuan Yang di-Pertua: Hakim telah panggilkan dia menjawab selepas daripada kes pendakwa, kemudian dia tidak menjawab. Apa akan jadi kepada dia?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Itu terpulang kepada pentafsiran hakim yang menghadapi kes itu. Saya tidak dapat memberikan jawapan sekarang sebagai sah untuk kes-kes yang ...

Tuan R. Karpal Singh: Itu tidak boleh terpulang kepada hakim. Adakah itu bermakna dia disabitkan atas apa yang dikatakan *prima facie* bukan beyond reasonable doubt? Jika dia mengambil pilihan untuk tidak menyatakan apa-apa, remain silence.

Adakah kes atas dia, kerana dia tidak menyatakan apa-apa membuktikan beyond reasonable doubt?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tetapi selalunya.....

Tuan R. Karpal Singh: Bukan selalunya, jika dalam keadaan itu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan pihak Peguam Negara bahawa kes-kes yang dibawa kepada mahkamah mengadakan bukti yang penuh, yang mereka tidak ragukan. Kalau kes beyond reasonable doubt sebagai satu standard proof, jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, tidak menjadi keraguan kepada pihak pendakwa.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di Singapura 'right to silent', dengan izin, has been taken away, di UK pun taken away, tidak ada. Jadi, tidak ada apa-apa masalah kerana right to silent. Seorang tertuduh di peringkat laws of contribution case ada 2 pilihan. Satu, dia memberi keterangan di bawah sumpah, kedua daripada dock. Ini bermakna dia ada menyatakan sesuatu untuk a doubt contribution case atau sebaliknya. Tetapi, di negara ini ada right to silent. Jika dia tidak menyuarakan apa-apa apabila beliau dipanggil untuk pembelaan, itu bermakna apa yang ada di peringkat kes keraguan adalah kerana *prima facie* bukan beyond reasonable doubt. Kerana dia tidak buat apa-apa untuk menukar atau ubah apa yang sudah ada di peringkat itu. Itu bermakna, dia disabit atas bukan beyond reasonable doubt tetapi apa yang ada iaitu prima facie. Bolehkah keadaan seperti itu dipertahankan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa '*prima facie*' digunakan.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkan kesalahan-kesalahan mendasarkan dengan undang-undang yang ada sekarang?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Bukan, undang-undang selepas pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat soalnya sekarang ini, jikalau sekiranya si tuduh itu tidak menjawab, maka sama ada hakim akan menjatuhkan

hukuman, dia salah atau dia disabitkan kesalahan. Pada fikiran saya mengikut keadaan sekarang ini boleh, tetapi oleh sebab standard atas '*prima facie*' itu, jikalau sekiranya keterangan-keterangan yang telah pun dikeluarkan oleh pendakwa, kalau tidak direbutted, warrant of conviction, makna kata dia kenalah disabitkan kesalahan mengikut undang-undang sekarang ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ya, selepas pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Seorang Ahli: Terselamat!

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Yang sebenarnya, mahkamah.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Belum diselamatkan kerana [*Ketawa*] apa yang terjadi kepada dia? Adakah dia disabit atas keterangan yang ada, kerana tidak menyuarakan apa-apa, itu bermakna dia disabit atas keterangan yang tidak membuktikan beyond reasonable doubt, tetapi '*prima facie*' sahaja.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, tertuduh tidak akan disabitkan, jika dia tidak menjawab kerana diakui kes mahkamah akan menilai keseluruhan kes berdasarkan sama ada pendakwa sudah membuktikan kes beyond reasonable doubt.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan! Bolehkah?

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: [*Bangun*]

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, ada yang lain bangun dahulu. Ya!

Tuan R. Karpal Singh: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong pendekkan.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, kalau mengikut Kanun Prosedur Jenayah bahawa tertuduh adalah diberi option untuk memilih sama ada ia boleh membahagikan keterangan di kandang orang salah, di mana ia tidak akan di 'cross-examination' dan juga diberi pilihan untuk memberi keterangan di dalam kandang saksi. Sekiranya ia memberi keterangan di dalam orang salah, kalau kes diputuskan oleh mahkamah bahawa ia didapati bersalah, Yang Berhormat bersetujukah dengan saya bahawa kita telah memberi pilihan kepada dia? Jadi, dia memilih untuk memberi keterangan di kandang orang salah. Oleh itu, kita tidak menafikan keadilannya. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Setuju, kerana kita telah memberi peluang kepada dia, tetapi dia tidak menggunakan peluang itu.

Tuan Yang di-Pertua, kes pengertian '*prima facie*' mengikut kes-kes yang sudah diputuskan.....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Banyak lagi rang undang-undang yang hendak diluluskan pada malam ini.

Tuan R. Karpal Singh: Banyak lagi tetapi itu tidak berapa penting.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ini penting juga.

Tuan R. Karpal Singh: Maha penting ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Enam rang undang-undang yang penting untuk negara bukan untuk Yang Berhormat sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah dengan kerana pada fikiran saya sendiri jikalau sekiranya pendakwa telah pun mengeluarkan hujah-hujah untuk hendak menerangkan, membuktikan seseorang itu bersalah. Jikalau sekiranya keterangan-keterangan itu telah diterima, di atas keterangan-keterangan itu selepas daripada pendakwaraya menutupkan kesnya, maka didapati keterangan-keterangan itu boleh mensabitkan kesalahan orang itu. Kalau tidak direbatted ataupun dijawab bagi keterangan lain daripada pihak yang tertuduh, jadi dia boleh dihukum salah walaupun sekiranya dia tidak menjawab. Itu pada fikiran sayalah. Itulah perjalanan mahkamah-mahkamah yang dahulu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Yang dahulu-betul. Boleh saya....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kes Haw Tua Tau telah diikuti pertamanya oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes A. Ragnathan v. Public Prosecutor. Mahkamah telah memakai prinsip dalam kes Haw Tua Tau itu. Yang Amat Ariff Raja Azlan Shah, Pemangku Ketua Hakim Negara ketika itu telah mengatakan bahawa, dengan izin,

“Applying the principle, learned Magistrate at the close of prosecution’s case had to determine whether on the evidence as adduced, and unrebutted, the applicant could lawfully be convicted, that is to say, whether there was with respect to every element in the charge some evidence which, if accepted, would either prove the element directly or enable its existence to be reasonably inferred..... It must be distinguished from the question of fact for

ultimate decision, which is whether on the evidence as a whole the prosecution has proved satisfaction of the court, as a tribunal of fact, that the applicant is guilty as charged.”

Prinsip yang sama telah pernah dinyatakan dalam kes *May v. Sullivan* dari Australia apabila Mahkamah Tinggi Australia mengatakan:

“When at the close of the case for the prosecution, a submission is made that there is “no case to answer”, the question to be decided is not whether on the evidence as it stands the defendant ought to be convicted, but whether on the evidence as it stands he could lawfully be convicted. This is really a question of law.”

Inilah yang dimaksudkan dengan kes '*prima facie*' Yang kes-kes lain telah disebutkan oleh rakan-rakan yang lain apabila mereka membahaskan rang undang-undang tadi.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Boleh.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Okaylah.

Tuan R. Karpal Singh: Ini adalah mengenai adakah rang undang-undang ini berkuatkuasa retrospectively kerana dalam kes *Dato' Harun* apa yang saya nyatakan tadi, jika tidak disebutkan dengan spesifik, itu bermakna mengikut undang-undang, jika tidak ada peruntukan bahawa tidak berkuatkuasa kebelakangan, prosedur adalah dianggap sebagai retrospective. Adakah Yang Berhormat cadang untuk memperuntukkan dengan spesifik bahawa rang undang-undang ini tidak retrospective?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan hanya berkuatkuasa ke hadapan berasaskan

seksyen 19 Akta Tafsiran ataupun Akta 388. Menurut seksyen itu, jika tiada tarikh mula berkuatkuasa disebut dan dalam hal ini, dalam rang undang-undang ini tarikh mula berkuatkuasa tidak disebut, maka tarikh mula berkuatkuasa ialah pada hari selepas diwartakan. Ertinya apa-apa pindaan dalam rang undang-undang ini tidak akan berkuatkuasa pada hari diwartakan atau sebelum kerajaan memberikan jaminan bahawa pindaan ini tidak akan cuba ditafsirkan supaya berkuatkuasa secara kebelakangan. Will not be with retrospective effect.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Kerana apa yang menjadi prosedur adalah automatically retrospective, hanya jika ada dalam undang-undang peruntukan bahawa ia tidak retrospective, bukan berkuatkuasa, itu apabila digazet dan apabila tarikh yang disebut untuk berkuatkuasa, itu biasa bagi semua undang-undang, tetapi prosedur adalah retrospective, hanya jika disebut dalam peruntukan bahawa tidak ada. Saya baca apa yang ada di sini dalam kes Dato'Harun, dengan izin:

“In amending statute which is purely procedural is to be construed as retrospective in its operation, unless a contrary intention appears.”

Nampaknya dalam rang undang-undang ini tidak ada contrary intention, itu masalahnya. Bolehkah saya mendapat penjelasan, walaupun Yang Berhormat ada menyatakan tadi bahawa ini tidak akan diperkuatkuasakan retrospective itu ada jaminan diberi dalam Dewan yang mulia ini, tetapi ini undang-undang, jika tidak ada peruntukan itu, seseorang hakim boleh menyatakan bahawa procedure adalah retrospective. Oleh itu, saya memakai apa yang ada di dalam undang-undang ini bagi kes-kes yang sudah diselesaikan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdasarkan dengan jawapan saya tadi bahawa ini tidak mempunyai retrospective effect dan Yang Berhormat dari Jelutong patut menganggapkan bahawa jaminan ini sudah cukup daripada kerajaan untuk rang undang-undang ini tidak akan mempunyai kebelakangan.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Itu saya terima, okay. Tetapi ini adalah undang-undang, jika tidak ada “peruntukan” apa yang diberi sebagai jaminan bukan undang-undang - itu adalah masalah.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan permohonan menangguh rayuan oleh pendakwaraya untuk mengkaji kes Arulpragasam. Permohonan oleh pendakwaraya terpulanglah kepada Mahkamah Rayuan nanti untuk memutuskan sama ada setuju untuk menangguhkan rayuan.

Hendak jawab point Yang Berhormat dari Jelutong tadi, pindaan ini pada pihak kerajaan bukan perkara prosedur tetapi substantif oleh itu ia tidak akan ditafsirkan berkuatkuasa kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara-perkara yang lain telah pun tidak menjadi kontroversi hanya dua benda ini sahajalah. Kalau tidak ada apa-apa lagi, Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak juga, ini dua perkara yang penting yang saya fikir Yang Berhormat dari Jelutong pun hendak tahu juga, jadi dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH- WILAYAH PERSEKUTUAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.25 mlm.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama satu akta untuk membuat peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan syariah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama satu akta bagi membuat peruntukan bagi kesalahan syariah dan perkara-perkara berhubung dengannya. Wilayah Persekutuan dan Labuan sehingga kini masih menerima pakai peruntukan-peruntukan kesalahan yang terkandung di dalam enakmen pentadbiran hukum syarak negeri Selangor 1952.

Di bawah enakmen tersebut telah memperuntukkan sejumlah 26 seksyen yang menerangkan mengenai kesalahan-kesalahan syariah. Memandangkan bahawa enakmen tersebut adalah undang-undang lama dan kandungannya tidak mencakupi keseluruhan kesalahan syariah, maka adalah perlu satu undang-undang yang baru bagi menggantikan peruntukan yang sedia ada. Tambahan pula kadar hukuman yang dikenakan di bawah enakmen ini adalah tidak bersesuaian dengan keadaan sekarang. Rang Undang-undang ini terbahagi kepada lapan bahagian dan mengandungi 58 seksyen.

Bahagian I mengandungi tajuk ringkas, mula berkuatkuasa rang undang-undang ini, pemakaian dan tafsiran yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.

Bahagian II pula memperuntukan kesalahan-kesalahan berhubung dengan akidah. Ini termasuklah kesalahan-kesalahan yang melibatkan pemujaan, doktrin palsu, dakwah agama dan dakwaan palsu.

Bahagian III pula menerangkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama dan institusi agama. Ini termasuklah menghina agama Islam, mempersendakan Al-Quran dan Hadis, menghina pihak berkuasa agama, engkar perintah mahkamah, mengajar tanpa tauliah, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan bahan-bahan agama yang bertentangan dengan hukum syarak, tidak menunaikan sembahyang Jumaat, tidak menghormati bulan Ramadhan, tidak membayar zakat fitrah, menghasut meninggalkan kewajipan agama, berjudi dan minum arak dan minum minuman yang memabukan.

Bahagian IV pula menerangkan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan. Ini termasuklah perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, liwat, musahaqah, khalwat, lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Bahagian V pula mengandungi pelbagai peruntukan kesalahan-kesalahan yang boleh dilakukan oleh orang Islam. Ini termasuklah memberi keterangan maklumat atau pernyataan palsu, takfir, memusnahkan atau mencemarkan masjid dan surau, memungut zakat dan fitrah tanpa kebenaran, membayar zakat dan fitrah secara tidak sah, menggalak maksiat, memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan yang sudah bernikah hidup sebagai suami isteri, menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, melarikan perempuan, menjual atau memberikan anak kepada orang yang bukan Islam, qhazaf dan penyalahgunaan tanda halal.

Bahagian VI pula membincangkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penyubahtan dan percubaan melakukan sesuatu kesalahan.

Bahagian VII pula mengandungi peruntukan-peruntukan yang dianggap sebagai satu pengecualian atau pembelaan di bawah rang undang-undang ini. Ini termasuklah perbuatan seorang hakim yang bertindak secara kehakiman, perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah mahkamah, perbuatan yang dilakukan oleh seorang yang mempunyai justifikasi di sisi undang-undang, perbuatan kanak-kanak yang belum baligh, perbuatan seorang yang tidak sempurna akal dan perbuatan orang yang terpaksa oleh sebab ugutan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Mesyuarat]

Bahagian VIII pula menerangkan peruntukan-peruntukan am di dalam rang undang-undang ini. Ini termasuklah penetapan pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan, kuasa mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan, kuasa mahkamah untuk mengkomitkan perempuan yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan dan pemansuhan pemakaian peruntukan-peruntukan kesalahan di bawah enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952.

Kesimpulan dengan adanya rang undang-undang ini akan dapat mengemaskinikan peruntukan undang-undang kesalahan yang sedia ada di samping membolehkan kadar hukuman yang dikenakan di bawah undang-undang lama dinaikkan kadarnya seiring dengan kadar yang telah ditetapkan dan di bawah Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan jenayah syariah dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tumpat.

8.00 mlm.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim.

Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996 di mana rang undang-undang ini, sebagaimana yang telah diterangkan sebentar tadi mengandungi 58 seksyen dan juga 8 bahagian.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Al-Quran:

“Dan hendaklah kamu menjatuhkan hukuman di antara mereka menurut apa yang telah diturunkan Allah dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka supaya mereka tidak memalingkan kamu daripada sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika mereka berpaling iaitu dari hukum yang diturunkan Allah, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpakan musibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasik”. - Ayat 49, Surah Al-Maidah.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kita sebagai Ahl-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini atau di mana-mana dewan seumpamanya di seluruh dunia ialah sebagai pemikul beban amanah kita ataupun pemikul beban amanah. Kita tidak bebas

membuat sesuatu sesuka hati seperti difahami oleh orang-orang Inggeris. Kita hanyalah pemikul amanah yang berkewajipan menunaikan perintah yang telah ditentukan oleh pencipta kita iaitu Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah berfirman,

“Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah iaitu penguasa di muka bumi, maka berilah keputusan iaitu perkara di antara mereka dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ia akan menyesatkan kamu daripada jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat daripada jalan Allah akan mendapat azab yang berat kerana mereka melupakan hari perhitungan.”

Tuan Yang di-Pertua, matlamat perundangan Islam ialah untuk menegakkan keadilan sejagat dan membanteraskan kejahatan dan sekali gus menegakkan kebenaran dan seterusnya mestilah bersifat bertimbang rasa seperti contohnya, pernah di zaman Rasulullah s.a.w., ada seorang yang telah berzina telah mendatangi baginda menyatakan supaya mereka dihukum dengan hukuman yang sesuai dengan Al-Quran.

Maka Rasulullah bertanya kepada mereka, “Apakah kamu betul-betul berzina ataupun kamu hanya main-main ikut luar sahaja?” Akhirnya perempuan itu menyatakan mereka betul-betul berzina. “Maka hukumlah aku dengan hukuman yang diturunkan oleh Allah .”

Maka Rasulullah di atas kebijaksanaannya di atas timbang rasa dan begitu prihatin telah menyatakan kepada perempuan itu, “Kalau begitu, baiklah, biarlah anak di dalam kandungan kamu lahir lebih dahulu, kemudian baru kamu datang.” Kemudian, setelah perempuan itu kembali, ringkasnya perempuan itu melahirkan anak dan mendatangi Rasulullah s.a.w. dan Rasulullah bertanya lagi, “Siapakah yang akan mendidik anak-anak kamu dan siapakah yang akan menyusuinya?”

Kata perempuan itu, “Saya tidak ada kemampuan untuk menggaji orang untuk menyusui anak saya, kecuali sayalah yang akan mampu memberi penyusuan kepada anak saya.” Maka Rasulullah kata, “Baliklah, susuilah anak kamu sehingga selepas daripada susuan”, iaitu dalam tempoh batas-batas yang tertentu biasanya ialah 2 tahun. Kemudian perempuan itu kembali dan selepas daripada penyusuan itu, perempuan itu datang lagi kepada Rasulullah minta supaya dia dihukum dan hukuman yang diturunkan oleh Allah. Akhirnya perempuan itu dijatuhkan dengan hukuman yang ditetapkan di dalam Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya ada contoh lagi. Saya rasa saya perlu menyebut beberapa contoh. Di zaman Imam Shafie dimana Imam Shafie dahulu telah menetapkan dalam hukum bahawa seorang yang belia dan seorang perempuan tua tidak apa bersekududukan di tempat yang sunyi. Yang tidak boleh, yang muda-muda ini.

Tetapi akhirnya semasa Imam Shafie melalui sebuah desa, dia ternampak satu lembaga iaitu seorang yang kelihatan muda dan gagah, tetapi nampaknya macam nenek - orang tua. Dihampiri lembaga itu dan didapati orang yang macam nenek itu sedang berkhalwat dengan seorang yang belia. Tetapi akhirnya Imam Shafie menyatakan tidak boleh bersekududukan dan tidak boleh berkhalwat sama ada dengan orang-orang tua ataupun muda di antara lelaki dengan perempuan.

Begitu juga kalau kita baca di dalam perundangan Islam, di antara pendapat-pendapat ulama' dikemukakan di sana, di antaranya ada satu kes yang menarik perhatian saya iaitu pada masa Imam Yusof. Pada masa itu ada seorang hamba Allah telah dikurung. Setelah dikurung, masuk hari yang ketiga, orang yang dikurung itu mati. Maka dibuat dakwaan ke mahkamah, dibuat report kepada pegawai keselamatan, akhirnya naik ke mahkamah.

Akhirnya Imam Yusof memfatwa, dia bertanya kepada hakim, “Apakah sebab orang itu mati?” Maka pendakwa menyatakan, “Orang itu mati sebab dia dikurung oleh si”A”.” Kemudian Imam Yusof berkata, “Apakah semua orang..... berapa hari dikurung?” Katanya, “Tiga hari”.

Maka Imam Yusof berkata, “Bagi penerangan saya, jika dia dikurung selama tiga hari tidak mati walaupun tidak diberi makan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sudah tiga cerita ya. Panjang lagikah? *[Ketawa]* Semua orang Islam dengar cerita ini, minta Yang Berhormat fokus kepada undang-undang. *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini bukan jawatankuasa lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Pulai Condong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita ada topik tertentu. Jadi, mukadimah itu dibenarkan, tetapi jangan terlalu lamalah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Jadi, ini persoalannya. Mengikut pandangan Imam Yusof.....

Seorang Ahli: Ini ucapan Hadi. Ucapan Hadi tu!!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia kata, “Bukan orang itu mati disebabkan dikurung. Orang itu mati disebabkan unsur-unsur lain.” Akhirnya hakim menerima pandangan Imam Yusof. Ini saya hendak menggambarkan betapa adilnya, betapa saksamanya dan betapa telitinya perundangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang sahaja hari ini, tidak ada yang lain, nanti yang lain itu akan sambung besok, barangkali. Itu Tuan Yang di-Pertua, saya slow sedikit ini supaya sempat masa ini habis, besok.....

Seorang Ahli: Silakan.

Seorang Ahli: Ustaz, tidak usah ‘kechek’ banyaklah, mahu ‘kelek’ ni. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Siapa yang bercakap itu?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya tidak apa, saya boleh jamak, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati. Begitu juga Dato' Timbalan Menteri yang kita hormati [*Merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Sik*] Memang kita kena hormati sebab dia orang yang berilmu banyak, lulus Ph.D., fasih dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris, menjadi penasihat utama dalam soal-soal agama dan hukum Islam. Ertinya, beliau akan bertanggungjawab dunia dan akhirat apa yang telah dibentangkan pada hari ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak tahu apa-apa. [*Ketawa*] Begitu juga Timbalan Perdana Menteri, dia tidak tahu apa-apa. Yang tahu.....[*Ketawa*]

Seorang Ahli: Teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya tahu semua ini sebab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak belajar Islamic Study, tidak apa, dia belajar biasa sahaja, dia baca buku begitu sahaja. [*Disampuk*] Macam Pengarah MARA, saya hormati, dia seorang alim. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan hukum jenayah Islam bukanlah satu perkara yang baru di Malaysia

Dato' Haji Mohd. Zihin bin haji Mohd. Hassan: Ustaz pun mengaji sedikit sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebuah Batu Bersurat dengan tulisan jawi telah dijumpai berhampiran dengan Kampung Buluh Kuala Berang, Ulu Terengganu bertarikh pada 22hb. Februar,i 1303 bersamaan dengan 4hb. Rejab, 702 Hijrah di mana disebut dalam Batu Bersurat itu, saya hendak beritahu kepada orang yang tidak tahu, ini istilah kuno "*Orang berbuat bala cara lelaki perempuan setitah Dewa Maharaya, jika dimerdeka bujang, palu seratus rotan*" kena palu seratus rotan, "*Jika merdeka beristeri atau perempuan bersuami ditanam hinggakan ke pinggang dihambalang dengan batu matikan*" Ini teks yang asli.

Undang-undang Melaka ada memperuntukkan:

Fasal Kelima ada menyatakan “*Orang-orang membunuh dengan tiada setahu raja atau Orang Besar, jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka adil namanya*” Ini undang-undang Melaka zaman dahulu ni.

Fasal 7(ii) pula disebut “*Ada pun pada hukum Allah orang-orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya*”.

Pada Fasal 12(iii), “*Ada pun akan dihukum orang menuduh orang berzina itu pada hukum Allah didera di lapan puluh kali deranya, jika pada hukum kanun, didenda 10 tahlil*” iaitu hukum adat.

Fasal 36, masuk line dah Tuan Yang di-Pertua, saya kira masuklah itu dak? Ha, masuklah itu. Saya akan sampai kepada membincangkan teks rang undang-undang ini, mana hilang dah?

Fasal 42 pula pada menyatakan orang minum arak atau tuak. “*Siapa minum arak atau tuak atau minum barang yang memabukkan, kalau merdeka, kalau dia ini orang merdeka, tidak hamba, empat puluh kali palu didera akan dia iaitu dengan rotan, kalau abdi, dua puluh kali deranya, bermula dihadkan dua perkara*” iaitu mestilah dihadkan pada dua perkara. Satu, dengan ikrar iaitu dengan ikrar, dia mengaku dia buat satu dengan dua orang saksi lelaki. Walaupun dia tidak mengaku, kalau ada dua orang saksi lelaki yang melihat, maka dia terkena hukuman tersebut. Tiada dihadkan dengan cium bau tuak yakni tiada dihukum padanya. Kalau bau tuak sahaja tiada dihukum.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Melaka telah menjadi asas undang-undang negeri Pahang yang dibuat semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahiyuddin Shah, bukan Muhyiddin yaitu pada tahun 1592, 1614 di masa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar.

Di Terengganu, undang-undang jenayah Islam telah dilaksanakan khususnya semasa Sultan Zainal Abidin II iaitu pada tahun 1881 hingga 1918. Mungkin orang-

orang China belum ada lagi di negeri kita pada masa itu, betul ya, belum berhijrah lagi ke sini, belum pendatang haram China masa itu datang, ada tak? Tahun 1918
[memandangkan ke arah Ahli Yang Berhormat dari Kepong]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat tanya Ahli Yang Berhormat dari Kepongkah atau berucap?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia kata ada, saya terimalah pendapat kawan saya ini. *[Ketawa]* Pada masa itu terdapat beberapa mahkamah yang boleh menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang Islam seperti Mahkamah Kadhi, ada lagi satu Mahkamah Penghulu dan “Mahkamah Yang Maha Tinggi” nama dia pada masa itu, di mana Sultan sendiri mendengar dan memutuskan kes-kes. Ha, kehebatan ini, Sultan masa itu hebat, bukan macam Sultan sekarang. Sultan sekarang banyak mengarut. *[Disampuk]* Ha, setuju? Setujulah itu, Pengarah MARA setujulah dengan pendapat saya ini sebab dia kuat hentam raja dahulu di mana J.D.V. Allan dalam bukunya telah menghuraikan cara-cara hukuman itu dijatuhkan dan dikenakan kepada pesalah-pesalah. Yang Berhormat boleh study buku itu, ada di bawah, seperti berikut, di antara lain dalam buku itu disebut, “*Dalam kes-kes jenayah keterangan dari dua pihak didengarkan oleh baginda tetapi akhirnya dirujuk kepada Al-Quran*”. Ha, ini yang penting, Dato’ Menteri, ini yang penting. Ini zaman dahulu, bukan zaman moden sekarang ini, raja zaman dahulu.

Di dalam kes-kes jenayah keterangan dari kedua-dua belah pihak didengar oleh baginda tetapi akhirnya dirujuk kepada Al-Quran, ini Allan yang mengatakan begitu, bukan ustaz kata.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong, bangun ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Untuk mendapat satu keputusan dalam menjalankan hukuman itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun. Minta duduk sekejap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahamd: Tuan Yang di-Pertua, Point of order 36(8) dia mengatakan sultan sekarang mengarut. Sebenarnya di bawah 36(8) mengatakan bahawa kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agung atau Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan sebagainya, tidak boleh disebut kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu. Jadi, minta Yang Berhormat tarik baliklah perkataan itu.

Seorang Ahli: Tarik balik. bunuh diri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta ambil perhatian ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, dia bakal menjadi Menteri Penerangan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Betullah itu, dia layak. *[Ketawa]* Seterusnya jumlah yang mati dihukum dalam masa dua puluh tujuh tahun pemerintahan baginda ialah hanya lima orang iaitu tiga orang Cina dan dua orang Melayu. Orang Cina ada dah masa itu. Di mana orang Cina.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta keputusan Tuan Yang di-Pertua mengenai Peraturan Mesyuarat 36(8) tadi, fasal Yang Berhormat mengatakan sultan-sultan sekarang mengarut. Jadi, apakah keputusan Tuan Yang di-Pertua mengenai peruntukan Peraturan Mesyuarat 36(8)?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sebetulnya saya tidak berapa dengar kerana dia bercakap dengan Yang Berhormat Kepong tadi. *[Ketawa]* Saya tidak berapa jelas apa dia cakap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semua sahabat-sahabat dengar.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Parit Sulong salah dengar!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:.....dia mengatakan sultan-sultan sekarang mengarut!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya dengar.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Betul, Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tarik baliklah, tarik baliklah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia kata begitu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kena tarik baliklah kalau betul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tarik baliklah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak habis ayat lagi itu, kecuali macam dahululah, macam kita bincang di sini, saya pun bincang juga, TSTlah itu.

Ada yang baik, ada yang mengarut. Dan banyak yang baik, sedikit yang mengarut.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, di mana orang-orang Cina diberi pilihan sama ada hendak menerima perundangan Islam, hendak menerima atau masuk Islam ataupun tidak. Jika tidak, mereka diberi pilihan sama ada mahu dijatuhkan dengan hukuman berdasarkan hukum Islam atau dijatuhkan dengan hukuman yang berdasarkan dengan hukum awam.

Akhirnya pihak British telah menasihatkan raja-raja Melayu - ha ini, saya hendak cerita yang mengarut zaman dahulu ini - bagi menubuhkan mahkamah di mana mahkamah itu telah mengambil alih bidang kuasa dan tempat Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah telah diletakkan di tempat yang paling bawah dalam susunan mahkamah dan telah diberi bidang kuasa jenayah yang sempit selepas Ordinan Mahkamah 1948, Mahkamah Syariah telah tidak lagi disebut dalam sistem Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa penjajahan dahulu kita dihalang daripada meneruskan pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam. Kini kita telah mencapai kemerdekaan di mana dalam Perlembagaan kita disebut agama Islam sebagai agama negara. Masanya telah tiba kita menimbangkan dengan seriusnya bagi mengadakan semula Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia untuk orang-orang Islam, orang-orang Cina tidak usah bimbang, Yang Berhormat dari Kepong tidak usah bimbang, yang sesuai dengan al-Quran, sunnah dan ijmak ulama yang muktabar.

Suka saya menyentuh Bahagian II, Fasal 5 berkaitan kesalahan yang berhubungan dengan akidah yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996 yang kita bahaskan sekarang. Peruntukan itu menyebut:

"Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya."

Saya ingin penjelasan berhubung dengan peruntukan ini yang nampaknya mengelirukan. Ayat yang menyebutkan, *"mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam...."* lebih merujuk kepada individu yang tidak berpegang atau menolak doktrin atau kepercayaan Islam. Dalam erti kata lain, individu terbabit sudah semestinya seorang yang bukan Islam ataupun telah keluar daripada Islam, iaitu murtad. Bagaimanapun, seperti yang telah diketahui umum, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk menghukum orang yang bukan Islam ataupun belum beragama Islam. Dan sehingga kini tidak ada sebarang undang-undang yang membolehkan Mahkamah Syariah menghukum penganut Islam yang murtad. Jadi, bagaimanakah peruntukan undang-undang ini bakal dilaksanakan sedangkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk menghukum orang bukan Islam dan individu yang murtad.

Menyentuh persoalan murtad, saya ingin penjelasan berhubung langkah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuanewartakan keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang memfatwakan golongan antihadis adalah murtad. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah JAWI boleh mengambil tindakan terhadap kumpulan antihadis yang difatwakan murtad sedangkan tidak ada sebarang peruntukan undang-undang untuk menghukum pelaku murtad.

Apa yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, terdapat kes-kes individu yang melakukan kesalahan syariah, seperti minuman arak dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan, mengaku tidak beragama Islam apabila diberkas oleh pihak berkuasa agama. Di akhbar-akhbar tempatan, iklan-iklan yang mengisytiharkan keluar Islam disiarkan tanpa sebarang rasa malu. Kes-kes menukar agama, walaupun disebut 'menukar nama' kerana berkahwin dengan pemuda bukan Islam dikesan di Johor Bahru dan Kampar, Perak.

Dewan yang mulia ini juga dimaklumkan bahawa Perak terdapat 50 permohonan untuk meninggalkan agama Islam sedang menunggu untuk diproses. Saya juga difahamkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima lebih daripada 300 permohonan untuk menukarkan nama, iaitu daripada nama Islam kepada nama yang bukan Islam untuk tahun 1995, 1996 kita tidak tahu lagi, mudah-mudahan Dato' Menteri akan beritahu kepada kita sekejap lagi ataupun besok.

Fenomena baru ini membuktikan kepada kita bahawa gejala murtad semakin berleluasa di negara ini dan kerajaan perlu menjalankan langkah-langkah yang wajar untuk membendungnya. Pada bulan Mac tahun lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan sebuah panel khas bagi mengkaji kemungkinan memperkenalkan undang-undang khusus bagi menjatuhkan hukuman terhadap umat Islam yang murtad. Ini ekoran cadangan kerajaan untuk mewujudkan pusat tahanan khas bagi pesalah murtad dan mereka yang terbabit dalam kumpulan ajaran sesat.

Saya inginkan penjelasan berhubung kemajuan yang telah dicapai oleh panel khas Pusat Islam ini kerana keputusan muktamad untuk menubuhkan pusat tahanan itu telah dicapai dalam mesyuarat Kabinet hampir dua tahun yang lalu. Bagaimanapun, suka saya menyebut di sini bahawa kesalahan murtad adalah satu kesalahan yang serius dalam

Islam. Individu yang disabitkan murtad boleh dihukum bunuh jika enggan bertaubat. Oleh itu, keprihatinan kerajaan dalam perkara ini amat perlu dan langkah-langkah pencegahan perlu dipercepatkan. Ini juga penting demi menjaga maruah Islam yang diterima sebagai agama Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya. Apa yang ingin saya tekankan di sini adalah sikap penganut Islam sendiri yang mengakibatkan ajaran Islam tidak dihormati oleh orang yang bukan Islam. Saya ingin memetik laporan akhbar *The Sun* bertarikh 5hb. Mac, 1994 yang menyiarkan komen Presiden MCA, bukan DAP ya, MCA, tentang cadangan untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah II, Kelantan yang terkandung dalamnya menguatkuasakan hukum hudud. Semasa menjawab soalan pemberita selepas daripada satu program parti di Kuala Lumpur, Dr. Ling Liong Sik - maaf, dilaporkan mendakwa undang-undang hudud PAS tidak Islamic dan oleh itu tidak boleh dilaksanakan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'unIslamic, therefore should not be implement.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat. Saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat mengatakan MCA tidak bersetuju. DAP macam mana? Sebab Yang Berhormat Kepong ada, boleh minta Kepong bangun sekarang. Yang Berhormat Kepong sokongkah hukum hudud? Hendak tengok kedudukan DAP macam mana, sebab DAP ini kawan Yang Berhormat, kawan PAS. Dia hendak mengalih ke lain pula! Kawan sendiri dalam sebantol, sekatil pun tidak bersetuju!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: DAP ada, nanti dia akan bercakap sekejap lagi. Di mana Presiden MCA seperti dilaporkan mendakwa pencuri di zaman dahulu dipotong tangan kerana tidak terdapat penjara pada zaman itu dan

memotong tangan hanyalah satu-satu cara untuk menghalang si pencuri daripada mengulangi perbuatannya. Bagaimanapun, menurut beliau, penjara dan program pemulihan yang dilaksanakan sekarang telah mengambil fungsi hukum potong tangan itu.

Kita tidak wajar menyalahkan beliau dengan kenyataan itu kerana mungkin pimpinan MCA itu jahil dan benar-benar jahil dengan apa yang cuba diperkatakan. Tetapi apa yang mendukacitakan kita adalah komen-komen daripada pemimpin-pemimpin Islam Barisan Nasional sendiri tentang hukum hudud. Ulasan-ulasan yang menyalahi prinsip ilmu inilah yang mendorong individu bukan Islam mengeluarkan pandangan salah mengenai Islam. Sehubungan itu, saya meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membetulkan tanggapan salah Presiden MCA tentang hudud, khususnya berhubung dengan hukum potong tangan, kerana doktor itu tidak boleh didakwa di bawah fasal 7 dan 8 undang-undang ini, cukup berikan nasihat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan fasal 14 menyentuh tentang hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat tanpa uzur syari', saya ingin menyentuh tentang wujudnya kes majikan yang tidak membenarkan para pekerjanya menunaikan solat Jumaat. Berbagai alasan telah diberikan untuk menghalalkan tindakan ini. Saya rasa sekali-sekali perlu juga Yang Berhormat Menteri buat lawatan mengejut di kilang-kilang pada hari Jumaat - sembahyang jamaklah pada hari itu. Kalau benda-benda lain kita boleh buat serbuan, mengapa masa sembahyang Jumaat kita tidak boleh buat.

Tuan Hamzah bin Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Yang pakai songkok itu.

Tuan Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tumpat. Kita sekarang dalam membicarakan tentang undang-

undang jenayah syariah. Tetapi ada sebahagian daripada perkara-perkara yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat seolah-olah mempersenda-sendakan Islam sendiri. Umpamanya, Yang Berhormat minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk pergi melawat ke kilang-kilang pada hari Jumaat dan menjamak sembahyang. Adakah Yang Berhormat tahu bahawasanya untuk menjamakkan sembahyang itu ada syarat-syarat yang tertentu. Kalau kilang-kilang di Kuala Lumpur ini, bagi Yang Berhormat Menteri untuk melawatnya, dia tidak boleh menjamakkan sembahyang. Jadi, kata-kata Yang Berhormat itu seolah-olah menghinakan agama, menghinakan hukum Allah. Minta penjelasan. Sekian.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalnya bagus. Sebab saya tahu Yang Berhormat Dato' Menteri ini orang Kedah. Dia datang di sini musafir. Kecuali dia bermastautin di sini. Kalau bermastautin, suruhlah orang lain, suruh saya pun tidak mengapa. Kita boleh membantu benda-benda baik ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pekerja menyalahgunakan kelonggaran dengan melencong ke tempat lain dan sebagainya. Alasan-alasan ini tidak boleh diterima, kerana ia secara jelas mencabuli hak pekerja Islam untuk mengamalkan ajaran Islam. Oleh itu, saya mencadangkan supaya hukuman turut dikenakan terhadap para majikan yang tidak mengizinkan para pekerjanya bersolat Jumaat.

Merujuk kepada fasal 15 yang melarang mana-mana orang menjual makanan, minuman, rokok atau benda lain untuk dimakan, diminum atau dihisap serta-merta dalam waktu itu pada waktu berpuasa. Saya mencadangkan supaya peraturan dibuat untuk melarang mana-mana pengusaha restoran dan gerai makanan milik orang Islam daripada menjalankan perniagaan mulai waktu Imsak sehinggalah pukul 3.00 petang hari berpuasa. Ini kerana terdapat kes-kes di mana restoran dan gerai makanan milik orang Islam

beroperasi seperti biasa pada bulan puasa. Ini tidak di Kelantan, selain daripada Kelantan. Walaupun mereka beralasan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan bukan Islam, adalah lebih wajar bagi mereka menghormati bulan Ramadan dan tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

Berhubungan dengan kesalahan berjudi, saya mencadangkan supaya langkah-langkah penguatkuasaan ditingkatkan. Bagi menghalang penganut Islam berjudi, pihak berkuasa agama perlu menempatkan pegawai penguatkuasa di premis-premis judi, kerana premis-premis judi yang diharamkan kerajaan masih dikunjungi oleh mereka yang beragama Islam. Dia taruh di situ 'haram bagi orang Islam'. Tidak jadi, kena ada hukuman Yang Berhormat Menteri, terutama kepada pekerja asing. Jika perlu, petugas-petugas sukarela perlulah diwujudkan untuk memperkukuhkan langkah penguatkuasaan itu.

Saya juga mencadangkan supaya penganut Islam dilarang sama sekali memegang apa-apa jawatan penting dalam syarikat perjudian atau terlibat secara langsung dalam industri perjudian sebagaimana sekarang ini. Peruntukan khas bagi menghukum mereka yang terlibat dalam industri judi perlulah dibuat bagi menghindarkan tabiat buruk itu daripada berleluasa khususnya di kalangan umat Islam. Adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk memastikan pendapatan untuk Islam bersih daripada unsur-unsur maksiat yang pastinya memberi kesan kepada keberkatan hidup mereka sekeluarga. Sebab itulah anak jadi penghisap dadah dan sebagainya.

Setelah membaca keseluruhan rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini, satu kesimpulan yang dapat diambil ialah bahawa dengan jelasnya rang undang-undang ini sama sekali tidak boleh diiktiraf atau diakui sebagai Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah. Dari segi spiritnya untuk kembali kepada syariah itu kita boleh terima, dari segi semangatnya. Ini kerana prinsip roh dan semangat serta

peruntukan-peruntukan besar di dalamnya tidak menepati kehendak syariah. Walaupun kita akui sebagaimana daripada clause di dalamnya mungkin menepati sebahagian daripada peruntukan jenayah syariah yang sebenarnya, tetapi jika diamati ternyata keseluruhan dan undang-undang ini tidak menepati kehendak perundangan Islam. Kerana itu PAS menolak rang undang-undang ini, dan Dewan ini serta Ahli-ahli Yang Berhormat di dalamnya menjadi saksi di dunia dan akhirat akan penolakan PAS terhadap rang undang-undang ini yang mengelirukan.

Saya tidak tahu kenapa boleh terjadi hal-hal yang sedemikian ini. Rang undang-undang ini boleh diibaratkan sebagai sebuah hidangan yang kelihatan lazat, segar dan baik. Namun ia bercampur-baur dengan makanan yang tidak halal. Di sana dihidangkan nasi, ikan, sayur-sayuran serta buah-buahan, di samping itu, di dalam hidangan itu diletakkan juga daging yang tidak halal dan sebagainya. Dalam pandangan Islam hidangan seperti ini wajib ditolak, walaupun ada hujah mengatakan, 'kalau tidak dapat semua jangan buang semua.' Tetapi dalam konteks ini, hidangan yang ada di hadapan kita ini sama sekali tidak boleh diterima. Saya tidak tahu apakah pihak yang menggubal rang undang-undang ini memikirkan. Sebab rang undang-undang ini tidak akan melibatkan orang yang bukan Islam, hanya kepada orang Islam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menerimanya bererti mengiktiraf keseluruhan rang undang-undang ini yang di dalamnya banyak terdapat peruntukan yang bertentangan dengan hukum Islam itu sendiri. PAS kesal....

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Minta penjelasan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cerita fasal hidangan bercampur gaul dengan yang halal, yang enak

campur dengan yang tidak halal, hendak ditolak. Tetapi saya ingat kalau kita tengok dalam hidangan itu, kalau taruh dalam dulang, PAS ini langsung dia bagi dulang sahaja, hidangan langsung tidak ada. Apa pandangan Yang Berhormat? Satu lagi Yang Berhormat katakan orang-orang Islam jangan memegang jawatan dalam syarikat perjudian. Saya hendak bertanya di negeri Yang Berhormat itu syarikat judi adakah lagi atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Di Kelantan, syarikat judi sudah tidak ada, habis. Hanyut ke laut China kesemuanya. Masalah hidangan itu, apa yang saya persoalkan bukan soal hidangan itu. Dari segi semangatnya saya setuju untuk buat pindaan ke arah Islamic, itu saya setuju. Tetapi yang menepati ajaran Islam itu tidak sampai. Kenapa tidak mahu sampai ke sana? Why? Ini persoalannya. Saya pun rasa tidak faham, nanti kita boleh dengarlah Yang Berhormat Dato' Menteri beri jawapan.

Tuan Hamzah bin Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ustaz bangun, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Penolakan secara keseluruhan rang undang-undang ini, adakah bererti PAS mahu membiarkan segala perkara maksiat dan mungkar yang berlaku dalam negara ini terhadap umat Islam sedangkan dalam Al-Quran Allah berfirman bahawasanya, “*disuruh berdakwah dan suruh cegah yang mungkar dan tegakkan yang makruf*” . Adakah maknanya PAS mahu membiarkan segala kemungkaran itu? Tidak payah buat apa-apa walaupun ada di antara sebagaimana yang diakui oleh Yang Berhormat tadi, ada di antara hidangan itu yang baik. Semuanya pun ditolak bermakna

semuanya tidak payah dibuat, biarkan sahaja orang hendak menghina agama, hendak mengata orang-orang berzina, orang hendak berjudi, biarkan begitu sahaja. Sekian.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya kata dari segi 'spirit'nya saya setuju. Semangat hendak kembali kepada Islam tetapi untuk menerima rang undang-undang ini terpaksa saya tidak boleh terimalah. Sebab saya tidak tahu, sebab PAS tidak pernah diajak berbincang soal-soal begini. Kenapa kita tidak tahu apa 'key'nya, sebab kita tidak tahu. Rasanya benda boleh buat, mengapa tidak mahu buat? Ini persoalannya. Sebab hukum ini tidak melibatkan orang-orang yang bukan Islam. Ini persoalannya, apa salahnya. Misalnya, kita melarang orang-orang Islam untuk minum arak, dengan hukuman sebagaimana yang ada dalam perundangan Islam, yang pendapat ulama-ulama yang muktabar, kenapa kita hendak hina juga? Ini persoalannya, minum arak satu hal juga, di atas kapal terbang MAS itu, perempuan-perempuan Islam itu masih menghidang arak. Sudah dengan pakaiannya, dengan kukunya, macam mana Datuk Menteri boleh sah sembahyangnya, macam mana orang Islam pakai ini, bagaimana Datuk yang merah-merah itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia pakai apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pakai apa ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya pun tidak tahu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab perempuan, saya tidak pakai. Saya tidak ingat nama apa.

Seorang Ahli: Comel neck-tie.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Neck-tie ini dari Itali, orang hadiah.

Seorang Ahli: Boleh beri satu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, PAS kesal kerana rang undang-undang ini rupanya dinamakan Rang Undang-undang Jenayah Syariah sedangkan ia sama sekali tidak menepati kehendak syariah. Ini bermakna rang undang-undang ini sendiri menghina syariah. Sebab tidak menepati itu bererti menghina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap 45 minit, diminta gulung. Sebab ada lagi yang hendak ambil bahagian.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Masih banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya sudah beri masa Yang Berhormat, 45 minit.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung, ada yang hendak ambil bahagian.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, tolong beri 3 minit, Tuan Yang di-Pertua. PAS kesal kerana peruntukan yang sangat ketara menghina syariah, antaranya ialah menghina, mempersenda-sendakan, mengejek atau mencemuh agama Islam jika disabitkan kesalahan boleh didenda tiada melebihi RM3,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tetapi masa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta sedikit penjelasan. Dia kata rang undang-undang menghina Islam, saya hendak tanya mengenai undang-undang Islam di Kelantan, dulu di mana-mana negeri pun kalau orang kena tangkap khalwat, jangan kata dalam bilik, dalam kereta pun memang tidak lepas. Tetapi di Kelantan, orang dari PAS bila kena tangkap, rasa saya dalam bilik tetapi lepas daripada hukuman. Jadi, tidak ke menghina undang-undang Islam juga?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, keputusan hakim muktamad. Keputusan hakim muktamad. Tidak boleh dipertikaikan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hakim 121.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu boleh tanya kepada Yang Berhormat Shukri, dia tidak datang. Dia yang lawyer, lawyer buruk atau macam mana. Tanya dialah. Yang menghakimi kejadian itu bukan sebarang orang, saya tahulah, Tun Salleh Abas, orang yang, kalau dia ada di sini, mungkin Yang Berhormat tidak berani hendak bangun.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Mempersenda-senda, menghina, mencemuh dan menyebabkan dipandang hina ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis apabila melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjara selama tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kemudian laki-laki yang melakukan persetubuhan haram jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam sebatan.

Demikian juga dengan beberapa peruntukan lain dalam rang undang-undang ini sama sekali bertentangan dengan syariah. Umpamanya hukuman terhadap Muslim yang makan di khalayak ramai di bulan Ramadan, berjudi, minum dan menjual arak. Sungguh aneh, rang undang-undang ini tidak mengharamkan perbuatan pengedaran dan penjualan arak tetapi sekadar melarang Muslim dari minum arak. Kita tahu di Langkawi, pulau bebas cukai, pengedaran dan penjualan arak serta minumannya begitu berleluasa sekali. Kilang arak di Sungai Way, Shah Alam.....

Tuan Hamzah bin Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masanya sudah hendak habis.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Sekali lagi saya sebut berdasarkan ayat Al-Quran, Surah Al-Maidah (*membaca potongan ayat Al-Quran*), dengan itu PAS menolak Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1996 kerana ia bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah dan pendapat-pendapat ulama yang muktabar. Dan kerana menolak hudud, semuanya dihukum dengan hukum taqzir belaka. Sedangkan taqzir hanyalah boleh dipakai apabila tidak tertakluk kepada hissah dan hudud. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jawab, tidak ada lagi yang hendak ambil bahagian. Sila jawab Yang Berhormat.

8.18 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, pertama kerana dia menyokong dari segi spirit. Inilah perjuangan Barisan Nasional bahawa dasar kita mengimplementasi Islam ialah dengan cara 'gradually', beransur-ansur dan harmoniously iaitu damai dan selamat.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bercakap mengenai satu perkara yang dia sendiri tidak faham. Di dalam undang-undang Islam ada yang berkata perkara yang tidak ditunaikan, ada perkara yang dikatakan menolak hukum syarak. Menolak hukum syarak dipanggil zuhud dalam bahasa Arab, istilah agama. Inilah yang dikatakan zalim, fasik atau dan sebagainya tadi. Adapun kerajaan kita berusaha supaya perkara ini berjalan dengan cara yang harmoni dan cara yang beransur-ansur tetapi bukan bererti kita menolak hukum syarak.

Jadi, itulah jawapan saya dan keseluruhan ucapan tadi tidak mencakupi bidang kuasa Mahkamah Syariah. Patutnya ucapan Yang Berhormat tadi semasa kita membahaskan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah tadi. Cakap tidak kena tempat. Apabila bunyi syariah sahaja dia kata ini bidang PAS, pada hal tadi pun bidang dia juga. Dia duduk diam sahaja. Cuma teks itu ditulis, oleh kerana teks itu ditulis, dia tidak berapa faham apa yang orang tulis. Maka, dia banyak keliru dan hanya banyak berpusing-pusing

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Yang Berhormat, nanti sekejap. Banyak memberi misal-misal hingga ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Jadi itu sahaja jawapan saya. Ucapan-ucapan yang serupa ini ialah lebih berbau politik

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: ..dari subjek undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan? Sudah habis.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Sila, saya beri jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya beri contoh mudah, simple.

Bahagian II - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Aqidah. Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Aqidah ini seperti murtad, tetapi tidak dibunuh 'murtad'. Ini macam mengelirukan - amat mengelirukan. Ini seperti orang murtad macam yang disebut dalam 1, 2, 3, 4, 5 - semua ini murtad. Orang yang murtad dalam hukum Islam ini tidaklah dihukum macam penjara, denda RM5,000, penjara dan kedua-dua sekali. Orang murtad ini hukumnya berat. Ini persoalannya. Ini yang saya tidak boleh terima, sebab terang dalam mana-mana kalau kita rujuk dalam al-Quran dan Sunnah Nabi dan juga ijmak ulama yang muktabar, jangan ulama-ulama yang Kassim Ahmad ini. Ini jelas, orang yang murtad ini macammana hukumannya? Kenapa hukuman itu tidak diadakan? Ini kita bimbang, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, menurut Pejabat Pendaftaran orang yang murtad pada tahun lalu sudah meningkat kepada 300 orang lebih. Minta tolonglah Yang Berhormat Menteri, tolonglah beri jawapan. Ini jawapan pendek kata tidak bersangkut-paut - mana ada sangkut-paut? Berilah saya masa ½ jam lagi biar saya ulas satu persatu, masalah tauliahlah dan segala-galanya - macam-macam.....

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua,.....

Seorang Ahli: Ustaz, sudahlah ustaz.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk. *[kepada Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood]*

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Soalan itu sudah lama - cakap itu, cakap lama. Tadi dia kata.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Masalah judi tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduk ya.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tadi, sudah diucap, dia kata 'terima kasih' oleh kerana ada spirit untuk menjalankan hukum-hukum Islam, maka inilah kita berusaha sedaya-upaya. Tadi Yang Berhormat sendiri pun bercakap tentang kaedah fikih, tetapi dia tidak sebut dalam bahasa Arab, *[menyebut dalam bahasa Arab]* yang bermaksud "*benda yang kita berdaya pada satu masa melaksanakan semuanya sekali, tetapi janganlah kita tidak menolak semua sekali*". Maka inilah percubaan-percubaan untuk kembali ke arah itu pada suatu masa nanti. Sekurang-kurangnya dalam rang undang-undang ini sudah ada isu 'murtad' dibangkitkan, maka kita sudah membuat definisi orang murtad, boleh jadi pada masa hadapan soal hukuman pula, kita akan bicarakan. Jadi, tidaklah boleh seorang politik Yang Berhormat rasa segala itu hendak ditengok dalam masa dia. Dasar kita ialah perkara ini akan berjalan sedikit demi sedikit dan insya-Allah pada satu masa nanti kita akan mencapai kepada matlamat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja jawapan yang saya berikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasihlah - bagus.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 58 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual -

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bangun. Sekarang kita dalam Jadual Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak berbahas fasal Jadual?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Istilah kesilapan ejaan perkataan 'Musahaqah'. Saya rasa kena pinda 'mim sim kaf ta', saya rasa ini salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri ada apa-apa lagi yang hendak ditambah?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya tidak nampak ada apa-apa perkara yang hendak dijawab.

Tuan Hashim bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat Menteri tentang Bahagian IV - Kesalahan yang Berhubungan dengan kesusilaan. Di Fasal 23 ada disebut:

“23.(1) Mana-mana orang lelaki.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekarang dalam Jadual, fasal-fasal sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Oh! sorry.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Fasal-fasal itu sudah habis, Jadual sekarang. Tidak ada lagi ya!

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.28 mlm.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai prosedur jenayah syariah bagi Mahkamah Syariah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai prosedur jenayah syariah bagi Mahkamah Syariah.

Apabila Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan ditubuhkan masing-masing dalam tahun 1974 dan 1984 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri

Selangor No.3/1952 telah diperluaskan pemakaiannya kepada Kuala Lumpur dan Labuan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pada peruntukan enakmen ini telah dimansuhkan pemakaiannya kepada Kuala Lumpur dan Labuan dengan lulusnya Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993. Namun masih terdapat beberapa peruntukan lain yang masih dikekalkan penggunaannya di dalam enakmen tersebut. Antaranya ialah peruntukan mengenai prosedur perbicaraan kes-kes jenayah syariah di Mahkamah Syariah. Masih terdapat 16 seksyen di dalam enakmen yang membincangkan mengenai prosedur perbicaraan kes-kes jenayah syariah.

Memandangkan peruntukan yang begitu sedikit membicarakan mengenai prosedur jenayah syariah, maka didapati adalah perlu dibuat satu perundangan lain yang khusus membincangkan prosedur jenayah syariah. Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil dan Syarak Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri telah menggubal satu draf undang-undang yang khusus memperuntukkan mengenai prosedur jenayah syariah bagi Wilayah Persekutuan.

Majlis Agama Islam di dalam mesyuaratnya pada 6hb. Oktober, 1993 telah bersetuju agar draf ini dipakai bagi Wilayah-wilayah Persekutuan. Rang Undang-undang ini perlu diperkenalkan memandangkan peruntukan mengenai prosedur jenayah syariah di bawah enakman tidak mencukupi, tambahan pula bertambahnya kes-kes jenayah syariah di Wilayah-wilayah Persekutuan memerlukan kaedah yang lebih jelas dan teratur bagi mengendalikan kes-kes jenayah syariah agar perbicaraan kes-kes ini dapat dijalankan dengan kemas dan teratur.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dato' masa sudah cukup, sambung esok ya!

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-
ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.